


Jilid I
Bil. 12



Hari Isnin
15hb Mach, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 1101]

RANG UNDANG²:

- Rang Undang² (Saraan) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen [Ruangan 1150]**
- Rang Undang² (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen [Ruangan 1158]**
- Rang Undang² Penchen Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj [Ruangan 1166]**
- Rang Undang² (Pindaan) Mahkamah [Ruangan 1185]**
- Rang Undang² (Pindaan) Peruntokan Di-Raja [Ruangan 1199]**
- Rang Undang² (Pindaan) Lembaga Urusan dan Tabong Haji [Ruangan 1202]**

URUSAN MESHUARAT (Usul) [Ruangan 1202]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Ithnin, 15hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

Yang Berhormat TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATO' ENSKU MOHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.
(Sabak Bernam).

„ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pu'au Pinang Selatan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SO AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

Yang Berhormat TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ DATO' MOHAMED SAID BIN KERUAK, S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA :

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

„ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

BAHASA INGGERIS SA-BAGAI BAHASA RASMI HINGGA 1973 DI-SARAWAK

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Bahasa Inggeris maseh menjadi bahasa

rasmi Sarawak hingga tahun 1973 sa-bagai mana yang termaktub dalam Perjanjian London dan Laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan, bila Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia pada tahun 1963.

Timbalan Menteri, Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Dato' Yang di-Pertua, Bahasa Inggeris maseh lagi boleh di-gunakan sa-bagai bahasa rasmi di-Sarawak sa-hingga tahun 1973, mengikut kehendak di-dalam Perlembagaan kita di-bawah Fasal 161.

MESHUARAT PARTI² POLITIK DI-SARAWAK—KEIZINAN

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah parti² politik di-Sarawak diizinkan mengadakan meshuarat² politik sejak 1hb Disember, 1970.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, semenjak 31hb Ogos, 1970 semua parti² politik yang berdaftar boleh mengadakan meshuarat² di-bangunan mereka atau pun di-tempat² persendirian ia-itu private places dengan tidak payah mendapat polis permit. Tetapi jika perjumpaan² itu terbuka kepada orang ramai atau pun tempat orang ramai, ia-itu public places, maka kebenaran hendak-lah di-perolehi daripada pihak polis terlebih dahulu. Pihak polis berhak menolak mana² permohonan untuk mengadakan meshuarat di-khalayak ramai yang di-anggap parasangka atau pun prejudicial terhadap keselamatan awam. Juga di-bawah Undang² Internal Security (Restrictions on Processions and Meetings in Security Area) Regulations, 1966 membolehkan pihak polis melarangkan mana² meshuarat atau pun perjumpaan di-tempat persendirian atau pun terbuka sa-kira-nya di-dapati parasangka atau pun prejudicial terhadap keselamatan awam.

PERUSAHAAN² DI-SARAWAK— PENUBOHAN

3. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah dasar Kerajaan sekarang berkenaan dengan penubohan perusahaan² di-Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah dasar Kerajaan mengkehendaki sa-orang yang hendak menubuhkan sa-suatu perusahaan atau kilang mendapatkan kelulusan dari Kementerian saya sa-belum mendirikan perusahaan itu. Dasar ini ada-lah juga di-kuat-kuasakan bagi Malaysia Timor. Lazim-nya semua permohonan untuk mendirikan perusahaan atau kilang di-Malaysia Timor ada-lah di-salurkan melalui Kerajaan Negeri masing².

PERMIT² KERJA—PEMBAHARUAN

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah Kerajaan akan merentikan pembaharuan Permit² Kerja dan menyuruh pemegang²-nya balek ka-negeri² masing² supaya lebih banyak pekerjaan dapat di-adakan untuk warganegara negeri ini yang beribu² orang menganggor.

Timbalan Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus membaharui permit² kerja bagi bukan warganegara terutama-nya:

- (1) Isteri² kepada warganegara.
- (2) Mereka yang berhak menjadi warganegara² di-bawah Fasal 15 (3) dan 16 dalam perlembagaan dan juga mereka yang layak dengan chara pendaftaran (naturalisation) dan telah tinggal untuk beberapa lama bagi mendapatkan kera'ayatan.

Permit² Kerja akan juga di-perbaharui bagi mereka yang bukan warganegara yang akan menolong memaju dan memperchepatkan pembangunan ekonomi dan bagi mereka yang memegang jawatan² dalam mana warganegara² tidak bersedia untuk bekerja. Sa-bahagian daripada indastri² yang besar yang mendatangkan hasil yang banyak akan terpaksa tutup jika kita tidak membenarkan mereka menggunakan bukan warganegara terutama dalam hal² di-mana warganegara² tidak bersedia untuk bekerja di-tempat² ini.

Mereka yang bukan warganegara yang tidak mempunyai asas atau pertalian di-negeri ini akan di-gantikan sa-chara beransor² dan chepat-nya mereka di-gantikan bergantung kepada ada-nya warganegara² untuk menggantikan mereka. Bukan warganegara akan di-hantar balek ka-negeri asal mereka, jika mereka mahu dan jika di-benarkan dudok di-Malaysia mereka tidak akan di-benarkan untuk mendapatkan pekerjaan terutama-nya dalam jawatan² di-mana warganegara² sedia ada.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Banyak yang bukan warganegara negeri ini yang pekerjaan² yang boleh di-jalankan oleh warganegara seperti accountant mithal-nya dan lain² yang boleh di-jalankan oleh warganegara, tetapi apa sebab-nya yang Kerajaan tidak suroh dia balek, sebab apa sudah ada warganegara yang boleh menggantikan-nya, itu saya tanya.

Tuan Lee San Choon: Dato' Yang di-Pertua, saya fikir, saya telah menjawab soalan itu, kechuali orang² yang bukan warganegara yang bekerja persendirian—self-employed. Kementerian tidak-lah ambil apa² tindakan berkenaan dengan itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Dato' Yang di-Pertua, saya tahu sendiri ia-itu orang² yang bukan warganegara, orang yang warganegara Singapura yang dudok di-sini dua tiga tahun bekerja sa-bagai accountant di-negeri ini boleh di-gantikan oleh graduate² daripada University of Malaya, Universiti² yang lain yang menjadi warganegara tetapi tidak di-gantikan, di-tambah lagi, di-tambah lagi kedudukan di-sini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu apa soalan-nya? Soalan-nya apa?

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Itu sebab-nya bila orang ini akan di-ganti?

Tuan Yang di-Pertua: Dia sudah jawab itu.

Tuan Lee San Choon: Saya sudah jawab. Tuan Yang di-Pertua, patut juga saya terangkan, ada juga pakar²—expert² yang kita terus memberi permit itu atas Malaysiansiation Committee yang di-jaga oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dan juga jikalau ada kerja² kosong yang boleh di-gantikan oleh warganegara, kita akan gantikan terus itu; mithal-nya Ahli Yang Berhormat itu telah membawa beberapa case kepada Kementerian ini dan kita terus siasat dan sudah bagi kerja kepada beliau, tetapi apa jadi beberapa case itu tidak payah-lah saya sebutkan di-sini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Dapat-kah Kementerian yang berkenaan memberi tahu kepada Dewan ini jumlah orang² yang bukan warganegara yang dapat permit kerja ini?

Tuan Lee San Choon: Sa-benar-nya dapat. Orang² yang bukan warganegara yang dapat permit sa-bagaimana saya katakan tadi automatic renewal itu lebeh kurang 48,000 di-negara ini.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan melihat bahawa kerja² yang di-pegang oleh orang² yang memegang permit kerja ini, pada masa sekarang ini anak negeri di-lateh

untuk mengambil aleh kerja-nya sa-kira-nya si-pemegang permit kerja ini enggan, atau tidak ada niat hendak mengambil kera'ayatan di-negeri ini?

Tuan Lee San Choon: Saya tidak faham soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang sa-kali lagi soalan itu.

Tuan Ramli bin Omar: Ada-kah Kerajaan melihat bahawa kerja² yang di-pegang oleh orang² yang memegang permit kerja ini pada masa sekarang ini di-lateh untuk mengambil aleh kerja-nya, sa-kira-nya si-pemegang permit kerja ini enggan atau tidak ada niat hendak mengambil kera'ayatan negeri ini.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saperti saya katakan tadi yang pemegang permit kerja ini—work permit ini jumlah-nya 48,000 ini sebab² yang kita bagi renewal itu. Jadi, pada masa ini saya fikir ada apa² sebab bagi kita akan membatalkan permit² kerja yang di-pegang oleh 48,000 orang pekerja ini.

Tuan Ramli bin Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan pada masa ini maseh mengeluarkan permit² kerja ini?

Tuan Lee San Choon: Pada asas-nya tidak. Jikalau ada exceptional cases boleh-lah kita timbangkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apa-kah lapangan yang di-beri atau pun kerja yang di-pegang oleh 48,000 pemegang² permit kerja yang ada di-negeri ini?

Tuan Lee San Choon: Saya minta notislah untuk soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta notis terlebih dahulu soalan yang sa-macham itu bunyi-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak-kah Kerajaan sedar bahawa sa-bahagian besar pekerja² Lombong Besi di-Bukit Besi Trengganu itu ada-lah di-anggap pekerja² yang mahir, tidak-kah mereka ini di-beri peluang untuk mengisikan tempat² yang perlu di-berhentikan kepada pemegang² permit kerja yang ada di-negeri ini.

Tuan Lee San Choon: Itu tidak ada sangkut-paut dengan soalan ini.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa-kah Kementerian Buroh tidak tegas menjalankan kewajipan-nya untuk menahan permit yang bukan warganegara yang bekerja menjadi buroh² kasar di-estate², kebun kelapa, kebun getah, kebun tea di-dalam negeri ini?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di-sini tadi—saya sudah jawab soalan ini apabila di-bangkitkan soalan ini tadi.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, mengikut hukuman Kerajaan daripada Mageran memerintah hari itu, yang bukan warganegara tidak di-benarkan bekerja di-dalam estate² di-seluruh negeri ini tetapi mengapa-kah permit itu di-lanjutkan dari satu masa ka-satu masa sa-hingga anak bumiputera menganggor, sa-patut-nya boleh dapat menggantikan tempat itu.

Menteri Buroh (Tan Sri Manickavasagam): Kita membaharui permit² kerja oleh sebab warganegara² tidak mahu kerja di-dalam ladang².

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Buroh itu tidak menerima pada akal saya (*Ketawa*). Tidak-kah Menteri Buroh itu tahu bahawa berpuluh ribu di-kawasan saya sendiri ada 5 ribu yang sudah mendaftarkan nama-nya di-Pejabat Buroh di-negeri Perak dan pegawai buroh itu datang ka-kawasan saya satu minggu dua kali, tetapi sa-hingga hari ini tidak ada sa-orang pun daripada penduduk kawasan saya itu yang di-ambil di-dalam buroh² estate, kebun² tea dan kebun² kelapa.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat baharu sahaja berkata ia-itu di-kawasan dia ada orang² menunggu hendak kerja, jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh minta pekerja² ini pergi bekerja di-ladang² yang mahukan pekerja², tiada payah kita baharui lagi permit² pekerja² yang tidak warganegara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa yang saya tahu dalam Railway, atau pun dalam Keretapi, ada pekerja² yang memegang permit kerja tidak-kah sa-patut-nya pehak Kementerian Buroh

berkira supaya pemegang² permit kerja ini apakala habis tempoh-nya tidak-lah di-baharui dan mengambil pekerja² yang mahir daripada bekas pekerja² Lombong Bukit Besi yang mahir dalam bidang keretapi dan dimasukkan untuk menggantikan tempat mereka itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Ahli Yang Berhormat itu ingat dan mimpi sahaja yang orang² Railway semua-nya bukan warga-negara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian-nya.

Tan Sri V. Manickavasagam: Ingatan saya tidak ada.

GURU² SAINS DI-HANTAR KA-SEKOLAH² MENENGAH

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah Kementerian Pelajaran akan menghantar lebeh ramai lagi Guru² Sains yang chekap ka-Sekolah² Menengah di-kampung dan alat² yang lengkap.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah dasar Kementerian Pelajaran dan saya sentiasa berusaha berbuat demikian. Dalam pada itu tentu-lah Yang Berhormat sedar, mengadakan alat² sahaja dengan tidak mengadakan guru²-nya akan tidak memberi ma'ana atau faedah. Kesulitan besar yang di-hadapi oleh Kementerian Pelajaran ia-lah kekurangan guru² yang layak bukan sahaja mengajar sains bahkan juga mengajar-nya dalam bahasa kebangsaan. Masaalah ini ada-lah dalam pandangan berat Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pelajaran sedang berusaha hendak mengatasi-nya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, di-katakan ia-itu Kerajaan hendak memberi pelajaran yang baik kapada bumiputra yang dudok di-kampung² terutama sa-kali kapada anak²-nya, kerana apa 14 tahun lama-nya sa-telah merdeka guru² yang baik chuma di-hantar di-pekan² kerana apa tidak di-hantar ka-kampung²—itu soalan-nya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, masaalah mengajar sains ini bukanlah ma'ana Menteri Pelajaran itu mendiamkan diri sa-lama 14 tahun ini. Sa-lama ini

Kementerian Pelajaran telah berikhtiar hendak menyiapkan dan memolekan pengajaran sains ini bagaimana barangkali Ahli Yang Berhormat tahu beberapa tahun ini Kementerian Pelajaran ada menyusun dan menyelidiki sistem sains yang hendak di-ajarkan di-sekolah² itu. Jadi saya di-sini, Tuan Yang di-Pertua, berani memberi jaminan, ia-itu masalah mengajar sains dan ilmu hisab di-sekolah² yang di-kampong² itu ada-lah dalam pandangan berat Kementerian Pelajaran.

Tuan Ramli bin Omar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengambil lagi guru² sains dari Indonesia supaya di-hantar ka-sekolah² luar bandar dan ada-kah ranchangan Kerajaan melateh banyak lagi guru² sains dalam jurusan bahasa Malaysia?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya, saya ingat boleh, akan memberi jawapan itu bila kita sampai kepada soalan yang kelapan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat sedar satu daripada kelemahan² dalam sains dan kekurangan guru yang di-hantar ka-kampong² ia-lah dengan sebab kekurangan alat² letrik di-sekolah² menengah di-luar bandar, ada-kah Menteri Yang Berhormat berchadang menyiasat membaiki dan menambah kekurangan ini?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada sekolah² yang tidak ada bekalan letrik, ia-itu kita berikhtiar supaya mengadakan alatan² yang tidak menggunakan kuasa letrik, itu ada dalam pandangan Kementerian Pelajaran dan kita sedar masalah ini.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran sedar bahawa buku² text sains bagi sekolah rendah sampai sekarang ini maseh tidak chukup dan tidak dapat di-chari di-mana² kedai buku di-dalam Malaysia ini untuk ibu-bapa hendak membeli buku² text sains itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah faham soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu dia menepati kepada sekolah rendah?

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Sekolah rendah.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Pelajaran sains di-sekolah rendah dengan sebab kebanyakan tidak menggunakan buku, ia-itu dengan ajaran daripada guru² dan guru² itu berpandu daripada work sheet dan panduan² buku yang di-keluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Ini kalau macham saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tentu mengetahui pengajaran sains dalam sekolah rendah ada-lah elementary science dan kebanyakan pelajaran sa-macham itu ia-lah di-jalankan oleh guru² sendiri itu tidak banyak menggunakan buku² oleh murid² sendiri.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya ketahu² bahawa Primary III mithal-nya sekolah rendah jenis kebangsaan (Inggeris) ada memakai buku² sains dan sapa-roh-nya telah mereka dapat membeli tetapi ada yang baki lagi itu tidak dapat di-beli di-mana². Apa yang saya ingin mendapat tahu daripada Menteri Pelajaran ada-kah buku² sains itu boleh di-dapati di-mana² kedai di-Malaysia ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat-lah menjawab ketika ini tetapi saya akan mengambil ingatan itu dan akan menyiasat dan tidak dapat-lah menjawab ketika ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, banyak sudah Menteri² Pelajaran apabila menjawab akan mengambil berat, agak-nya berat mana-kah Menteri Pelajaran sekarang ini akan mengambil berat dalam hal² menghantarkan guru² sains ka-sekolah² di-kampong supaya dapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu, apa pun langkah yang kita dapat jalankan sekarang ini ia-lah usaha Menteri² Pelajaran yang lepas, yang dahulu. Jadi ini menunjukkan tidak-lah Menteri² Pelajaran yang dahulu itu tidak mengambil berat langsung. Apa yang kita boleh jalankan pada masa ini ia-lah usaha dan jasa Menteri Pelajaran yang lepas² itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Menteri Pelajaran kita tadi menyatakan bahawa itu pehak Kementerian Pelajaran

akan berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru² sains ini, boleh-kah sa-kiranya Yang Berhormat Menteri itu menyatakan dan menerangkan tentang satu atau beberapa langkah yang sedang di-ambil itu kepada Majlis yang mulia ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, umpama-nya, mithal-nya langkah² yang kita hendak ambil sekarang ia-lah hendak mengajar dan memberi latihan kepada guru² yang ada sekarang mengajar sains, bukan sahaja mengajar sains macham mana saya kata, mengajar sains dalam bahasa kebangsaan—itu satu² langkah yang besar yang kita sudah ambil berkenaan dengan hendak mengatasi masalah yang berat ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah anak² Melayu hendak mengambil pelajaran dalam aliran sains dan ilmu hisab, ada-kah betul bahawa sa-tengah² guru dalam negeri ini yang bukan Melayu mensabotajkan anak² Melayu itu supaya tidak mengambil bahagian dalam perkara ini, ada-kah betul atau tidak?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya soalan itu dia tidak ada berkenaan dengan soalan yang asal ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah kursus² khas di-beri kepada guru jurusan sains dalam masa chuti sekolah untuk menambahkan pengetahuan mereka dari masa ka-samasa?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan yang butir² yang tidak berkenaan dengan soalan yang asal ini, saya tidak-lah dapat menjawab pada sa'at ini, tetapi kalau Yang Berhormat itu hendak bertanya dengan butir-nya jempit-lah menghantar notis kepada saya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, masalah kekurangan guru mengajar mata pelajaran sains di-luar bandar ini, Yang Berhormat Menteri mengatakan akan mengambil tindakan tadi, boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan agak berapa tahun-kah lagi kesempurnaan ini dapat di-jalankan?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, masa-nya saya tidak dapat hendak menepatkan di-sini, tetapi saya memberi bayangan kepada Ahli Yang Berhormat itu,

ia-itu guru² yang hendak di-latih sa-mula ini ia-lah mengenai masalah sekolah menengah—ini bukan ma'ana-nya primary sains, ini sains yang tinggi. Saya memberi pandangan sedikit, ia-itu guru² yang kita terpaksa melatih sa-mula berjumlah berbelas² ribu. Jadi nampak-lah kepada Ahli² Yang Berhormat macham mana besar-nya kesulitan yang di-hadapi oleh Kementerian Pelajaran berkenaan dengan masalah ini. Dan bagaimana saya terangkan tadi masalah mengajar sains dan mathematics atau pun ilmu hisab di-sekolah² luar bandar, ia-lah satu dasar Kementerian Pelajaran yang mengambil berat. Macham mana saya terangkan tadi, saya berjanji, saya akan berusaha dengan sa-berapa boleh saya bagi mengatasi masalah ini, tetapi sama ada saya boleh mengatasi dalam sa-tahun, dua tahun lagi saya belum dapat tahu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sa-hingga selesai guru² mata pelajaran sains ini di-selesaikan dahulu kepada sekolah² dalam bandar, selepas itu baharu hendak di-hantar ka-luar bandar?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Sa-kali lagi saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam masalah soal yang saya bangkitkan Yang Berhormat kata tidak ada kena-mengena dalam masalah ini. Saya chuma ingin tahu dalam pelajaran ilmu hisab dan sains kepada anak² Melayu di-sekolah² menengah dan juga di-maktab² ada-kah Kementerian ini sedar ada satu sabotaj yang di-datangkan oleh guru² yang bukan Melayu? Saya hendak tahu ada sedar atau tidak?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya tidak dengar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi soalan saya, Ada-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini sedar dalam hendak mendapatkan anak² Melayu dalam aliran sains dan hisab terutama sa-kali di-sekolah² menengah dan maktab², ada sa-tengah² guru yang bukan Melayu mensabotajkan dalam masalah ini, ada sedar atau tidak? Itu sahaja saya hendak tanya?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Hendak kata saya sedar itu, fasal saya belum dapat bukti.

Ada orang berchakap demikian, tetapi buktinya saya belum-lah dapat lagi, tetapi saya ada dengar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas jawab itu. Kalau menghendakkan bukti ada di-hadapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua. Bukti yang di-sabotajkan oleh sa-tengah² guru² yang bukan Melayu. Laporan-nya ada 30 muka, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kiranya Yang Berhormat Menteri Pelajaran ingin hendakkan kertas laporan ini, saya sedia menyampaikan dan di-kaji balek supaya diambil tindakan kapada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa tidak disampaikan kapada dia dahulu (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Saya hendak tanya dia sedar atau tidak sedar supaya mengambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

MALAPETAKA BANJIR— RANCHANGAN MENGEJUT

6. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri dengan Tugas² Khas berapa jumlah kerugian negara dan ra'ayat serta yang maut akibat dari malapetaka banjir yang berlaku baharu² ini, dan apa ranchangan mengejut jangka pendek dan panjang serta jumlah anggaran dalam ranchangan² tersebut, bagi membolehkan mangsa banjir itu menambah chara penghidupan-nya.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, kerugian dari pehak Kerajaan yang dapat tahu pada masa ini ia-itu dari Kerajaan Persekutuan sebanyak \$40 juta dan Kerajaan Negeri sebanyak \$38 juta lebeh sedikit dan bagi pehak orang awam pula angka²-nya belum-lah chukup saya dapat pada masa ini, sebab banyak lagi Negeri² itu belum menghantar, umpama-nya negeri Pahang, Johor, bahkan Selangor pun belum dapat lagi saya terima. Walau bagaimana pun, angka yang sudah diterima daripada negeri Sabah, Trengganu, Negri Sembilan dan Kelantan berjumlah sebanyak \$21,787,000. Jadi jumlah-nya semua kerugian bagi orang awam yang kita tahu pada masa ini lebeh kurang \$100 juta. Dan jumlah yang menjadi mangsa ayer bah ini kematian-nya sa-ramai 61 orang.

Berkenaan dengan ranchangan mengejut jangka pendek untuk memulehkan mangsa² ini, Kerajaan telah bersetuju memberi bantuan perumahan yang tidak lebeh daripada \$400.00 bagi tiap² keluarga, dan ini pun sudah di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu dan bantuan sara hidup tidak lebeh daripada \$40.00 sa-keluarga. Bantuan pakaian sa-banyak \$10.00 sa-orang. Bantuan perkakas dapur tidak lebeh daripada \$50.00 sa-keluarga dan bantuan sekolah sa-banyak \$40.00 bagi sa-orang murid dari hitong panjang.

Bantuan² ini di-beri kapada mereka² yang mempunyai pendapatan yang kurang daripada \$300.00 sa-bulan. Sa-hingga sekarang ini Kerajaan telah pun membelanjakan sa-banyak \$8½ juta bagi bantuan jangka pendek dan ada-lah di-jangka bahawa perbelanjaan ini akan meningkat lebeh lagi kerana belum habis lagi bayaran.

Dalam hal jangka pertengahan. Ini ada-lah merupakan bantuan beneh padi, umpama-nya, beneh² tanaman, beneh² yang lain dan baja bagi kawasan di-tempat² yang rosak. Untuk ternakan juga ada ranchangan pawah yang akan di-jalankan.

Bantuan perniagaan kechil yang modal-nya tidak lebeh daripada \$5,000 pula ada di-per-setujukan untuk membantu orang² yang berniaga dan bantuan ini tidak lebeh daripada \$250 pada satu perniagaan, dan ranchangan ini sedang di-ator dan jumlah perbelanjaan-nya belum lagi dapat Kementerian saya menerima pada masa sekarang.

Dari segi soal ranchangan jangka panjang Kerajaan sudah menyediakan satu Committee untuk mengkaji dengan sa-dalam²-nya, tidak boleh dengan chara sambilan² lagi, sa-hingga pendek-nya di-dalam pemikiran-nya semua pelaksanaan kita yang kahadapan ini, umpama-nya hendak meletakkan enjin letrik, itu pun sekarang hendak di-pertimbangkan di-mana, tidak kira dahulu, mana deka² sahaja, mana yang senang, kerana memikirkan soal banjir ini. Dan sa-lain daripada itu di-dalam pemikiran Committee ini bagaimana umpama-nya kita dapat memindahkan orang² daripada tempat yang ada ini yang biasa-nya tiap² tahun mereka kena banjir dan tidak serek juga. Jadi kita chari tempat yang lain untuk di-pindahkan supaya mendapat lebeh keselamatan. Ini sudah pun berjalan sekarang ini. Di-dalam dua tiga tempat yang saya tahu mendapat laporan umpama-nya di-Kuantan,

Pahang—yang banyak di-Kuantan, di-Kuala Lipis dan di-Temerloh dan Jajahan² ini sudah mula mereka ini sanggop dan tanah yang baharu itu pun sudah di-sediakan oleh Kerajaan Negeri, maka pada masa sekarang ini tidak dapat-lah lagi Kementerian ini hendak memberi butir yang lebeh lanjut daripada itu kerana sa-bagaimana yang saya katakan tadi bahawa segala perhitongan ini sedang dijalankan oleh Committee yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini sedar bahawa ada di-antara sa-tengah² Kerajaan Negeri salah memberikan bantuan banjir ini, dan ada-kah Kerajaan sedar ada mangsa² banjir ini yang dua kali terima. Atas dua² masaalah yang saya tanyakan itu apa langkah yang di-buat oleh Kementerian ini.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara ini memang terjadi-lah di-dalam keadaan yang begitu tergesa² kita hendak membuat pekerjaan dan mana yang dapat tahu oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat semua itu sudah di-perbaiki. Mana yang belum tahu itu sedang di-siasat pada masa ini. Yang saya tahu saya sendiri mendapat beberapa case yang di-hantar surat kepada saya dan semua ini di-siasat sa-mula. Memang sedar dan segala langkah untuk memperbaiki keadaan sedang di-jalankan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Dalam 61 orang yang maut tadi, ada-kah Kementerian ini memberikan satu bantuan sugu hati kepada mangsa² banjir yang maut di-sebabkan oleh banjir ini, ada-kah kita beri bantuan khas kepada mangsa² yang kena maut dengan sebab banjir ini?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Di-dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, perkara itu yang sa-betul-nya ada-lah dalam pertimbangan yang khas, ma'ana-nya sa-kiranya femili mereka itu datang berjumpa dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat, insha' Allah perkara itu akan di-beri pertimbangan yang chukup. Hanya yang ada 61 orang, banyak daripada mereka ini anak² kechil yang lalai ibu-bapa-nya dia berjalan itu di-bawa oleh ayer, masuk dalam longkang; kebanyakan daripada 61 ini ada-lah terdiri daripada anak² kechil belaka.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada perbedzaan dalam pemberian bantuan sara hidup kepada mangsa² banjir yang mana sa-tengah² tempat di-kira dengan sa-chara ia-itu semua kampung itu di-beri bantuan sara hidup, kadang² \$40 atau pun sampai \$100 bagi satu keluarga, tetapi kepada sa-tengah² kampung yang lain di-kira dengan siapa yang berpindah, orang itu-lah yang akan dapat bantuan, dan yang tidak berpindah tidak dapat bantuan. Jadi saya minta Menteri yang berkenaan menangkan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, soal pindah dengan tidak pindah itu tidak timbul, ia-itu soal orang yang betul² mendapat kerosakan dan kerugian daripada di-babitkan oleh banjir itu tadi dan tiap² segala pekerjaan di-dalam negeri itu, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu dijalankan oleh pegawai yang di-dalam negeri itu bersama dengan Kerajaan Negeri. Dan saya sendiri pun ada menerima beberapa surat sa-macam mana yang di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, dan perkara ini ada-lah sentiasa di-dalam siasatan. Soal-nya bukan pindah ta' pindah, yang mendapat rugi atau pun ta' mendapat rugi, itu matlamat-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi, yang di-beri bantuan, yang mendapat rugi atau pun yang berpindah yang dasar berjalan sekarang.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Pindah ta' jadi soal, Tuan Yang di-Pertua, yang rugi yang kita hendak tolong. Kalau dia ta' rugi macham mana kita hendak tolong dia. Ta' payah-lah!

Tuan Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini berchadang hendak mengecekualikan chukai barang² impot yang rugi akibat banjir baharu² ini, kepada ahli² perniagaan untuk mengisi sa-mula barang² perniagaan mereka itu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini saya rasa tak termasuk dalam soalan yang asal.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, dalam ranchangan jangka panjang tadi yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat

Menteri sa-tengah tempat yang di-pindahkan mangsa² banjir itu, saya hendak tahu tanah yang di-berikan itu ada-kah bagi pehak Kerajaan menyelenggarakan dan memulehkan tanah itu di-beri kapada mangsa² banjir. Yang kedua, sudah jadi tabi'at orang Melayu, dia chulas hendak pindah. Boleh-kah Kementerian ini membuat satu dasar di-paksa mereka itu pindah, erti-nya bagaimana pepatah orang Melayu, mula² di-beri gula, gula ta' boleh berjaya, kita beri dia tongkat. Ini saya hendak tahu ada-kah dasar paksa ini hendak di-jalankan kapada mangsa² banjir itu supaya dia pindah pada satu² tempat yang ada ekonomi, ka-tempat yang selamat.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:

Tuan Yang di-Pertua, buat menjawab soal yang kedua tadi dahulu, sa-baik²-nya kita ta' usah pakai paksa. Kita pujok, kita chari jalan yang baik. Ini-lah yang akan di-buat oleh Committee ini tadi. Saya sendiri ta' bersetuju-lah kalau hendak paksa begitu, melainkan dengan sebab yang chukup, kerana kita ini berhak, kalau sendiri kita hendak gantong diri apa boleh buat. Siapa boleh memaksa kita jangan gantong diri. Jadi dalam soal yang pertama, soal tanah tadi, ini memang-lah di-dalam kajian Negeri masing² yang menjalankan ranchangan ini umpama-nya Negeri Pahang yang saya tahu beberapa banyak Daerah mempunyai dasar-nya masing² berkenaan dengan hal ini. Bagaimana dapat memujuk orang ini pindah dan saya rasa ranchangan ini yang saya tahu insha' Allah akan berjaya. Ra'ayat sekarang tidak hendak kena landa lagi, sebab dia sudah sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sungai itu ia-lah asal-nya mereka dahulu di-gunakan untuk tempat berjalan, sekarang sudah banyak jalan raya, dia memang hendak, tidak payah di-paksa, Tuan Yang di-Pertua. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Ithnin: Berhubung dengan soal ia-itu bagi pehak Menteri yang berkenaan mengatakan ranchangan jangka panjang ia-itu sa-bagai hendak memindahkan erti-nya pada ahli yang telah menerima banjir atau pun malapetaka alam itu, tempat yang terok, buat satu ranchangan memindahkan ka-tempat² atau pun ka-tempat yang selamat dan pada tempat² yang mendatangkan faedah ahli² yang menerima mangsa² banjir itu. Berapa ramai-kah erti-nya ranchangan ini

bagi pehak Yang Berhormat Menteri supaya dapat menerangkan ahli² yang terlibat dalam masalaah banjir yang terok dan di-pindahkan kapada tanah ranchangan itu.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Angka-nya belum dapat lagi pada masa ini.

Tuan Thomas Gabriel Selvaraj: Tuan Yang di-Pertua, berapa buah negeri daripada luar Malaysia yang memberi bantuan² kapada Malaysia sa-masa banjir ini berlaku?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini soal lain, saya minta notis.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam pemberian yang telah disampaikan kapada mangsa² banjir, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri ada-kah termasuk bantuan yang di-beri oleh Peking kapada mangsa² banjir kita. Sudah-kah sampai barang² ini dan sudah-kah di-beri kapada mangsa² banjir itu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, barang² itu belum sampai lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tidak-kah kaum nelayan yang terlibat dengan banjir sa-chara tidak langsung yang mana kaum nelayan telah terkandas, makanan dia atau pun sara hidup dia sa-lama dua bulan atau pun 3 bulan pun akibat banjir laut, tidak-kah Kerajaan terfikir hendak memberi bantuan kapada mereka itu?

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain sedikit daripada soal banjir, saya sendiri tahu perkara ini ada terjadi di-Trengganu dan perkara ini di-serahkan kapada Kerajaan Trengganu pada masa ini untuk memikirkan hal ini.

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)—PENUBOHAN

7. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa tujuan Kerajaan menubuhkan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Adakah Kerajaan sedar, ada kebimbangan dikalangan sa-tengah jenis perdagangan dan perusahaan, dan apa usaha mengatasi masalaah ini, dan dapat-kah ahli perniagaan Melayu mengambil bahagian di-dalam-nya.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, antara lain² tujuan PERNAS ialah:

- (a) Untuk memajukan perdagangan dan perusahaan dalam negeri dengan tujuan utama supaya bumiputra dapat mengambil peranan yang penting dalam kemajuan bidang tersebut dan supaya perbezaan kedudukan ekonomi antara bumiputra dan ra'ayat Malaysia yang lain dapat di-kawal; dan
- (b) untuk memajukan perdagangan dan perusahaan bumiputra yang ada serta memberi peluang yang sewajar-nya kepada kebolehan ra'ayat bumiputra dalam bidang² ini.

PERNAS akan mencheborkan diri-nya dalam berbagai bentuk perdagangan dan perusahaan yang boleh mendatangkan keuntungan, mendorong keharmonian negara dan memajukan perusahaan.

Kedua, kebimbangan yang di-katakan ini kurang jelas maksud-nya. Oleh itu tidak dapat di-jawab dengan tepat. Bagaimana pun pada umum-nya pehak swasta baik bumiputra atau pun yang bukan bumiputra, tidak sa-harus-nya bimbang dengan penubohan PERNAS kerana PERNAS di-tubuhkan sa-bagai sa-buah sharikat di-bawah Akta Sharikat², 1965 seperti juga sharikat² lain. Sa-bagai sa-buah pertubuhan yang baharu lahir, PERNAS perlu bekerjasama dan ber-tanding sa-chara adil dengan sharikat² yang lain. Perkara ini sudah pun di-binchangkan dengan lanjut oleh Pengerusi PERNAS kepada Ketua² Dewan² Perniagaan tempatan.

Ketiga, peniaga² Melayu boleh mengambil bahagian dengan chara bekerjasama dengan PERNAS dan mendapatkan faedah daripadanya. Umpama-nya banyak konterektor² perumahan dan pedagang barang² runchit bumiputra yang sudah mula memperolehi bahan² keperluan mereka daripada PERNAS.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengemukakan soalan tambahan. Berapa chara atau lapangan bapa

Menteri boleh menyatakan kepada Dewan ini PERNAS telah jalankan atau pun sedang jalankan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, PERNAS mempunyai berbagai² strategi yang tertentu seperti:

- (a) menyediakan expertise dan pengetahuan untuk menubuhkan perusahaan² perniagaan;
- (b) menubuhkan perusahaan bersama dan menggalakkan orang Melayu mengambil bahagian aktif di-dalam-nya; dan
- (c) bertindak sa-laku badan perantaraan bagi membekalkan barang² daripada peniaga² Melayu.

Tuan Tajudin bin Ali: Terima kaseh atas banyak-nya chara PERNAS hendak jalankan. Berapa-kah modal PERNAS ada sekarang ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Modal-nya ta' ada had.

Tuan Tajudin bin Ali: Ingin saya tahu berapa modal?

Tuan Yang di-Pertua: Modal-nya ta' ada berhad. Tak ada berhad. Banyak mana pun boleh.

Tuan Tajudin bin Ali: Berapa untong atau pun rugi PERNAS telah alami sampai sekarang ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: PERNAS hanya di-lahirkan pada bulan Januari tahun sudah, jadi belum lagi kita buat timbangan dalam hal untong dan rugi.

Tuan Tajudin bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa chawangan PERNAS telah ada dalam tanah ayer kita pada hari ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya di-Pulau Pinang sahaja.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang supaya

PERNAS ini pada masa ka-hadapan supaya segala perusahaan² yang telah di-luluskan taraf perantis-nya di-negeri kita untuk membuat perusahaan supaya PERNAS ini juga ada bahagian di-dalam-nya?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat-lah memberi kesemua-nya kepada PERNAS tetapi kita memilih perusahaan² yang kita agak baik dan memerlukan modal daripada bumiputera maka kita minta PERNAS mengambil bahagian.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila-kah masa-nya PERNAS akan mengembangkan chawangan²-nya ka-negeri² lain sa-lain daripada Pulau Pinang?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, memang ada tujuan-nya, tetapi tentu-lah Ahli Yang Berhormat faham bahawa PERNAS baharu sahaja bergerak dan kita belum lagi mempunyai pegawai² yang cukup untuk mengorak langkah lain² tempat.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri itu tahu ia-itu ada peniaga² Melayu telah karam kerana ada-nya PERNAS oleh kerana PERNAS mengambil perniagaan² dia, kawan pun habis, itu saya hendak tahu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi saya dengar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah satu² masaalah yang menyulitkan Perbadanan ini, maka dengan sebab itu dengan sa-chara mengejut menukar Pengurus Besar-nya Tuan Haji Sujak bin Rahimi kepada Wan Abdul Hamid. Penukaran ini ada-kah di-buat dari Kementerian ini atau di-buat dari Kabinet?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Sujak ada-lah sa-orang Pegawai dalam M.C.S. dan dengan sebab perkhidmatan-nya di-kehendaki di-satu tempat yang lain, maka ada-lah di-fikir lebih sesuai jika sa-kira-nya ia di-pindah menjadi jawatan Ketua Pengarah bagi Dewan Bahasa.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah

PERNAS telah mendapat ajensi² daripada kilang², ia-itu pioneer status ini dan berapa banyak-kah ajensi² ini dia dapat sa-lama ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak yang di-dapati tetapi berapa banyak, saya tidak dapat katakan sekarang ini.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa PERNAS sa-bagaimana ada-nya di-Pulau Pinang telah menyediakan barang² bagi menolong kontrektor² untuk memajukan pekerjaan-nya. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan apa-kah jenis barang² kontrek yang telah di-sediakan dan kalau belum apa-kah jenis² barang yang akan di-sediakan untuk menolong kontrektor² Melayu bagi memajukan kontrek pada masa yang akan datang?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, barang² yang di-sediakan ia-lah barang²- yang biasa di-gunakan di-dalam mendirikan sa-buah rumah dan sa-bagai-nya, mithal-nya simin, steel bar, paku dan lain² lagi saperti mana yang di-kehendaki bagi membena sa-buah rumah.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah PERNAS membuka saham-nya kepada orang² Melayu untuk di-masoki dan jika di-buka berapa-kah yang telah ada orang² yang membeli saham PERNAS?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi. Apabila sudah untong nanti baharu-lah kita tengok fasal perkara ini.

PENSHARAH² DAN MAHA GURU DARI INDONESIA—BILANGAN

8. **Tuan Haji Ahmad bin Arshad** bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah betul Kerajaan akan mengambil lagi pensharah dari Indonesia, berapa ramai dan Maktab mana yang hendak di-gunakan, ada-kah termasuk Maha Guru di-Universiti Kebangsaan.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran belum pernah mengambil Pensharah dari Indonesia, tetapi Universiti Malaya dan Universiti

Kebangsaan pernah berbuat demikian. Kemungkinan Kementerian mengambil beberapa orang Pensharah dari Indonesia untuk Maktab Teknik sedang di-pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi keterangan sedikit di-sini mengenai kedudukan Pensharah² sekarang.

Di-Universiti Malaya mempunyai 17 Pensharah dari Indonesia.

Di-Universiti Kebangsaan mempunyai 13 Tenaga Pengajar, ia-itu 11 Pensharah dan dua Maha Guru.

Kementerian Pelajaran mempunyai 144 orang Guru Siswazah.

Universiti Kebangsaan berchadang mengambil lagi 9 orang Tenaga Pengajar. Tidak ada rancangan untuk mengambil Maha Guru.

Kementerian Pelajaran ada berchadang mengambil Pensharah untuk Maktab Teknik, tetapi bilangan-nya tidak dapat di-tentukan pada masa ini. Kementerian Pelajaran telah mendapat kelulusan atau pun persetujuan Kerajaan untuk mengambil sa-ramai 400 orang Guru Siswazah Sains dan Ilmu Hisab dari Indonesia dalam jangka 4 tahun hingga hujung tahun 1974 mengikut mana yang lebih dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sa-bagaimana penerangan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita sekarang sedang menerima guru daripada Indonesia dan juga akan menerima pada masa yang akan datang bukan sahaja guru atau Pensharah, saya ingin tahu sa-kira-nya mereka itu duduk di-Malaysia ini dalam masa 3 tahun mengikut konterek-nya lepas itu berkahwin dengan ra'ayat Malaysia ini, ada-kah dengan syarat konterek itu Kementerian ini menyingkirkan dia daripada berkhidmat daripada tempat kita ini?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ulangkah balek soalan yang akhir itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, guru² yang datang dari Indonesia ini atau Pensharah² yang datang dari Indonesia mengikut kuat-kuasa-nya sa-chara konterek kita terima. Bila mana dia duduk di-sini, dia bernikah dengan

ra'ayat Malaysia, ada-kah Kementerian ini menyingkirkan dia daripada melanjutkan khidmat-nya sa-lama 3 tahun itu?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ta' ada berbangkit dengan soalan yang asal dan oleh itu saya minta notis soalan yang sa-macam itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kejadian itu boleh berlaku sa-masa ia duduk di-sini sa-lama tiga tahun

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh berlaku pun ta' ada berbangkit dengan soalan ini. (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan perkara ini pengambilan guru² daripada Indonesia sa-bagai Pensharah Maktab Teknik di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi. Dalam masaalah mengambil guru² luar, ia-itu menjadi sa-bagai tenaga guru atau pun Tenaga Pensharah kepada Universiti dan Maktab, saya ingin bertanya pihak Menteri yang berkenaan, ada-kah Kementerian sedar ia-itu kita bagi pihak Kementerian banyak mengambil Pensharah daripada luar, tetapi mengapa pula ada sa-tengah² atau pun kalangan² guru yang telah melanjutkan pelajaran di-Universiti, kemudian telah lulus, kenapa dan mengapa bagi pihak Kementerian erti-nya tidak dapat menchegeh ia-itu guru² yang telah lulus di-Universiti sa-patut-nya dia boleh menyambungkan lagi sa-bagai mendapatkan Pensharah², menyambong perkhidmatan, ia-itu beberapa tempat Pensharah atau pun Pengajar dalam Universiti dan beberapa Maktab Teknik, tetapi ada sa-tengah² guru yang telah lulus Universiti, ia-itu guru itu menukar perkhidmatan kepada perkhidmatan yang lain, tidak mahu menjadi Pensharah dan tidak mahu lagi berkhidmat dalam Perkhidmatan guru, apa-kah tindakan Kementerian kerana kita kekurangan guru atau pun Pensharah?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu beruchap panjang sangat, saya pun keliru apa benda yang betul maksud-nya, tetapi apa yang saya faham sa-chara kasar, soalan tambahan-nya itu, saya tidak nampak berkait dengan soalan yang asal ini.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini ia itu sebab bila mana, erti-nya pengambilan guru yang di-katakan pensharah daripada luar yang di-bawakan ka-dalam negeri kita sa-bagai hendak memberikan sharahan atau pun pengajaran kepada bagi pehak tanah ayer dan juga negara kita. Jadi, sekarang kita bagi pehak Kerajaan ada menghantar daripada kalangan guru ia-itu melanjutkan pelajaran ka-universiti dan ada kemungkinan bila sudah lulus, erti-nya tenaga beliau itu boleh-lah di-gunakan menjadi pensharah² dalam beberapa maktab dan dalam Universiti Malaya ini, tetapi mengapa pula, erti-nya ada sa-tengah² guru bila mana telah lulus di-dalam universiti itu, erti-nya dia keluar—tidak mahu lagi menyambong perkhidmatan guru-nya dalam perguruan atau pun pensharah dan sa-bagai-nya. Erti-nya keluar menchari perkhidmatan lain. Apa-kah tindakan Kementerian Pelajaran, ia-itu bagi pehak orang² yang tidak mahu menyambong atau pun guru² yang tidak menyambong perkhidmatan dalam Kementerian Pelajaran ini?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya terangkan, maksud soalan ini, ia-lah mengenai dengan soalan yang pertama. Saya minta-lah notis kalau hendak menghantar satu² soalan yang baharu dan jawapan² yang baharu. Soalan yang berkenaan ini ia-lah mengambil lagi pensharah dari Indonesia, itu soalan-nya. Sama ada orang yang kita sendiri patut kita gunakan—itu masalah lain. Saya minta-lah notis supaya senang saya menjawab-nya—saya tidak dapat menyediakan-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai. (Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukup, dan jawapan² lisan bagi Pertanyaan² No. 9 hingga No. 34 ada-lah di-beri di-bawah ini).

9. Tuan Othman bin Abdullah minta kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sa-jauh mana kemajuan yang telah di-chapai untuk perseimbangan ekonomi antara Bumiputra dengan Bumiputra di-Malaysia melalui kemudahan² yang di-berikan di-bandar dan di-kawasan luar bandar.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Dalam tempoh 10 tahun yang lalu semenjak di-jalankan ranchangan² pembangunan negara

dan luar bandar, Kerajaan telah membelanjakan berjuta² ringgit kerana pembangunan yang memberi faedah kepada ra'ayat. Segala ranchangan² itu ada-lah memberi faedah kepada semua ra'ayat dengan tidak mengira bangsa di-negara ini. Walau bagaimana pun sa-bahagian besar daripada-nya ia-lah untuk meninggikan taraf hidup pehak yang tidak berada, dan kebetulan-nya pula sa-bahagian besar daripada mereka itu terdiri daripada orang² Melayu.

Ada-lah mengambil masa yang panjang sa-kira-nya hendak di-terangkan segala usaha yang telah di-jalankan sa-lama ini. Walau bagaimana pun saya chuba memberi penerangan yang sa-habis² ringkas mengenai perkara besar sahaja bagi menjawab soalan ini.

1. Tanah

500,000 ekar tanah telah di-buka di-bawah ranchangan L.K.T.P. dan juga ranchangan Tanah Pinggir di-mana orang² Melayu telah mengambil bahagian sa-banyak 90%. Sungoh pun orang² bukan Melayu tidak tertarek hati untuk menyertai ranchangan tanah Kerajaan, tetapi mereka telah banyak juga di-beri tanah² yang mana di-usahakan oleh mereka sendiri.

2. Pelajaran

Di-bidang pelajaran pula, sa-belum terchapai kemerdekaan dahulu hanya 5% sahaja kanak² Melayu yang dapat melanjutkan pelajaran mereka ka-sekolah² menengah. Tetapi pada masa ini, hetong panjang anak² Melayu yang dapat melanjutkan pelajaran ka-sekolah² menengah lebeh kurang 73%.

Bilangan penuntut² Melayu di-Universiti Malaya dalam tahun 1970 ia-lah sa-ramai 3,033 orang berbanding dengan hanya 144 orang 10 tahun dahulu. 190 orang penuntut² pula telah di-ambil oleh Universiti Kebangsaan.

Bilangan anak² Melayu yang mendapat biasiswa sama ada pinjaman atau pun sa-chara langsung melalui MARA sahaja ia-lah 187 orang mendapat biasiswa dan 949 orang telah mendapat biasiswa pinjaman dalam tahun 1970 berbanding dengan 111 orang dalam tahun 1966. Pada keseluruhannya MARA telah memberi pinjaman dan biasiswa kepada 2,872 orang anak² Melayu.

Sa-hingga ini sa-ramai 2,223 orang pemuda² Melayu telah di-beri latihan kemaheran saperti di-Institusi Teknologi

MARA, di-Institusi Kemaheran MARA dan juga di-institusi² di-luar negeri untuk melateh mereka mencheborkan diri di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

MARA pada masa ini berchadang hendak mendirikan sa-buah sekolah Kemaheran yang di-satukan di-Kampong Pandan tidak berapa lama lagi. Ini ada-lah projek pertama di-mana berbagai² latehan kemaheran di-satukan di-sabua sekolah. Sa-ramai 500 orang pemuda-pemudi Melayu akan dapat di-lateh dalam satu penggal. Sekolah ini akan dapat menjalankan dua latehan tiap² tahun.

MARA telah memberikan pinjaman wang hampir² \$70 juta kepada ahli² perniagaan Melayu dalam masa 10 tahun yang lalu.

3. Bank Pertanian

Bank Pertanian pula telah meluluskan pinjaman yang di-benarkan kepada 5,855 orang petani² dengan jumlah \$1,815,145.54. Pinjaman ini ada-lah di-keluarkan melalui Sharikat Kerjasama, Persatuan Peladang dan juga petani² persendirian.

Sementara itu Bank Pertanian juga sedang memproses pinjaman dari 1,700 orang petani² yang berjumlah \$300,000 dari Tanjong Karang, Sabak Bernam, Besut dan Kemubu. Bank ini juga sedang menimbangkan pinjaman sa-banyak \$80,000 kepada dua kumpulan penanam² tembakau di-Kelantan yang terdiri daripada 1,500 orang. Ia-nya telah juga meluluskan 5 pinjaman untuk membeli 6 buah trektor yang berharga \$44,000.

4. Pengangkutan

Dalam bidang pengangkutan pula, bilangan orang² Melayu yang mempunyai teksi 10 tahun dahulu hanya 1,241 buah sahaja, tetapi pada masa ini jumlah tersebut telah meningkat kepada lebih kurang 2,300 buah, tambahan lebih kurang 70%.

5. Padi

95% penanam padi terdiri daripada orang² Melayu. Rancangan Kerajaan menggalakan mereka menanam padi dua kali sa-tahun telah menjadikan pendapatan mereka itu dua kali ganda daripada biasa. Kerajaan telah membelanjakan berjuta² wang kerana kemajuan pertanian. Dua rancangan taliayer yang terbesar ia-itu Rancangan Perayeran Muda dan Rancangan Perayeran Kemubu telah menelan belanja lebih kurang \$300 juta.

6. Ikan

Kementerian Pertanian juga telah membelanjakan \$2.59 juta kerana kemajuan perikanan dalam tahun 1970, di-mana 55% dari jumlah penangkap² ikan ada-lah terdiri daripada orang² Melayu. Ini bererti-lah mereka sama mendapat faedah daripada rancangan tersebut.

Dalam masa 10 tahun, Kementerian tersebut telah membelanjakan lebih kurang \$10.75 juta kerana rancangan perikanan.

Tidak berapa lama lagi Kerajaan akan melancharkan pemasaran ikan yang mana akan memberi pendapatan yang lebih kepada penangkap² ikan di-negeri ini.

7. Perdagangan dan Perusahaan

Kerajaan telah pun menubuhkan PERNAS dengan memberi peruntukan \$10 juta ia-itu \$5 juta sa-bagai pinjaman dan \$5 juta lagi sa-bagai tanaman modal. Peruntukan ini akan di-tambah lagi dalam rancangan Malaysia Yang Kedua kelak supaya membolehkan badan tersebut memainkan peranan penting dalam perniagaan dan perusahaan. Bank Bumiputra yang juga menerima modal daripada Kerajaan sa-banyak \$5 juta sedang meningkat maju di-mana saham²-nya akan di-jualkan kepada orang² Melayu pada satu hari kelak.

Bahagian Perdagangan dan Perusahaan MARA sedang menambah modal sama ada untuk mendirikan kilang² sendiri atau pun melalui usaha bersama (joint venture). Pada masa ini Amanah Saham MARA menjalankan perniagaan yang berjumlah \$20 juta.

Pada masa yang telah lalu saham² yang di-untukkan kepada orang² Melayu terlalu kecil walau pun begitu banyak pula yang tidak terjual. Sekarang Kerajaan telah membuatkan dasar baharu di-mana 20% daripada jumlah saham yang di-jual kepada orang ramai di-negeri ini yang telah di-tentukan kepada sharikat yang mendapat taraf perintis hendak-lah di-jual kepada orang² Melayu.

MARA telah membelanjakan \$2.9 juta untuk mendirikan 320 rumah² kedai di-merata² tempat untuk memberi peluang orang ramai menjalankan perniagaan dan ini tidak termasuk beberapa banyak pula kedai² yang di-dirikan oleh "State Development Corporation" di-negeri masing².

Melalui Kementerian Pelajaran dan juga MARA, Kerajaan telah banyak memberikan

latehan vokeshenal untok menyediakan pekerja² Melayu yang terlatah supaya dapat bekerja di-kilang².

8. *Lombong*

Peruntukan sa-banyak \$500,000 telah disediakan bagi di-pinjamkan kapada orang² Melayu yang hendak menjalankan per-usahaan lombong dan wang ini akan ditambah jika di-kehendaki lagi. Usaha menentukan sama ada bijeh di-dapati atau tidak di-dalam kawasan tanah orang Melayu sudah pun di-jalankan dengan perbelanjaan Kerajaan. Ini ada-lah memberi keuntungan kapada orang Melayu yang tidak mampu menchari gali bijeh² dalam tanah simpanan Melayu kerana ini berkehendakkan modal yang banyak.

MARA sedang meranchang hendak membesarkan sa-buah sharikat yang di-namakan Bumi Rel. Ini akan membolehkan orang² Melayu dapat mengambil bahagian sa-banyak sekurang²-nya 50% dalam perniagaan lori Kelas A di-negeri ini. Kerajaan² Negeri juga ada mempunyai dasar memberi peluang yang luas kapada orang² Melayu menyertai perusahaan membalak di-mana jumlah kilang² papan orang² Melayu sedang meningkat bilangan-nya.

Ranchangan Komplek Kayu-kayan Jengka di-atas tanah sa-luas 300,000 ekar yang menelan modal sa-banyak \$33 juta itu ada-lah salah satu daripada usaha Kerajaan menolong orang² Melayu dalam lapangan tersebut.

Dalam usaha pemborongan pula, Kerajaan telah memberi keutamaan 5% kapada tawaran² dari pemborong² Melayu bagi kerja² dan perkhidmatan yang tidak lebeh dari \$25,000 dan 21% bagi kerja² yang tidak lebeh dari \$50,000. Sementara itu kerja² yang kurang dari \$10,000 keutamaan hendak-lah di-beri kapada pemborong² Melayu.

For the past 10 years since Rural Development Programme was launched, the Government has spent for rural development millions of dollars on Rural Development Programme which has given benefit to all, irrespective of race. The programme is mainly for the purpose of uplifting the standard of living of the have-nots most of whom are Malays.

I have to explain at length here the programme that has been implemented. However, I will try to explain concisely and only on the major points, as my answer to the question.

1. *Land*

500,000 acres of land have already been developed under F.L.D.A. and fringe schemes, with 90% of the settlers consisting of Malays. Though non-Malays were not attracted to Government land schemes, they have been alienated with lands to be developed individually.

2. *Education*

Before independence, not more than 5% Malay children continued their education in secondary schools, but now about 75% Malay children are able to continue their education in secondary schools each year.

The number of Malay students attending University of Malaya in 1970 was 3,033 compared with 144 students 10 years ago. 190 students have been taken by Universiti Kebangsaan. The number of Malay students who have obtained scholarships or loan from MARA in 1970 to further their studies in or outside the country is 187 under scholarship and 949 under loan, as compared to only 111 in 1966. On the whole, MARA has given only a total of 2,872 scholarships and loans.

2,223 Malay youths have been given vocational training in Institiut Teknologi MARA, Institiut Kemaheran MARA and also in institutions overseas in order to enable them to participate in commerce and industry.

MARA is proposing to put up an integrated vocational school in Kampong Pandan. This is the first project where various types of training are to be under one roof. About 500 Malay youths will be trained each term. There will be two terms per year. MARA has given loans amounting to \$70 million to Malay businessmen in the last 10 years.

3. *Bank Pertanian*

Bank Pertanian has approved loans totalling \$1,815,145.54 to 5,855 farmers. This loan is issued, through Co-operative Societies and Farmers' Associations, to individual farmers.

Meanwhile the Bank is also processing applications for loan amounting to \$300,000 from 1,700 farmers from Tanjong Karang, Sabak Bernam, Besut and Kemubu. The Bank is also considering a loan of \$80,000 to 2 groups of tobacco planters in Kelantan comprising of 1,500 people. The Bank has also approved 5 loans for the tractors purchase of 6 costing \$44,000.

4. *Transportation*

The number of Malays who owned taxis 10 years ago was 1,241 only, but todate the figure has reached to 2,300, an addition of approximately 70%.

5. *Padi*

95% of the padi farmers are Malays. The Government Schemes for double-cropping have increased their income. The Government has spent millions of dollars for agricultural development. Two large irrigation schemes, i.e., Muda Scheme and Kemubu Scheme cost approximately \$300 million.

6. *Fishery*

The Ministry of Agriculture has spent \$2.59 million for fishery development in 1970 in which 55% of the fishermen are Malays. This means that they have also benefited from the scheme. That Ministry has spent about \$10.75 million in fishery in the last 10 years. The Government will soon launch a fish marketing scheme which will provide better income to the fishermen.

7. *Commerce and Industry*

The Government has established PERNAS and allocated \$10 million, i.e., \$5 million as loan and \$5 million as investment, and will increase this allocation in the Second Malaysia Plan, to enable that body to play an important role in commerce and industry. Bank Bumiputra, which obtained capital from the Government amounting to \$5 million, is progressing and in future shares of it will be sold to Malays.

The Commerce and Industrial Division of MARA is now investing capital either in its own factories or through joint-ventures. MARA Unit Trust is running business amounting to \$20 million.

Previously, shares for Malays were very few and even so were not readily sold. Now the Government has made a policy that 20% of the total shares to be sold to public by companies with pioneer status should be sold to Malays.

\$2.9 million have been spent by MARA for the construction of 320 shop-houses to enable the public to operate business. This does not include those shop-houses which were built by the State Development Corporation in the respective States.

Through the Ministry of Education and MARA, the Government has provided vocational training for Malay skilled workers to enable them to get work in factories.

8. *Mining*

Allocation of \$500,000 has been set aside to be loaned to Malays to operate mines. This money will be increased if required. Effort to determine whether or not tin is available in Malay reservation areas has been carried out. This would give advantage to those Malays who have no capital to operate mines in the Malay reservation areas.

MARA is now planning to expand a company called Bumi Rel to enable Malays to participate, at least 50% in the Class A transportation business in the country. State Government have made policies which provide wide opportunities to Malays in timber industries in which Malay Sawmills will be increased considerably.

The Jengka Integrated Timber Complex covering an area of 300,000 acres costing \$35 million is one of the Government efforts to assist Malays in this field.

In contract works, the Government has given priority to Malay contractors, i.e., 5% for tenders costing not more than \$25,000 and 2½% for works costing not more than \$50,000. For work costing less than \$10,000, priority is given to Malay contractors.

BANTUAN UNTUK PEMULEHAN TANAH

10. Tuan Othman bin Abdullah minta kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah Kementerian ini berchadang hendak memberi bantuan yang berlipat ganda untuk menggalakkan peladang² menjalankan pemulehan tanah mereka yang terbiar kosong untuk mengisikan dengan tanaman² yang mendatangkan ekonomi serta dapat menjamin pasaran-nya.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Saya ingin menyatakan ia-itu Kementerian Pertanian dan Tanah telah pun mengambil langkah dan mengadakan ranchangan² memberi bantuan kapada peladang².

Dalam Ranchangan Malaysia Pertama, ranchangan memberi bantuan kapada peladang² merupakan bantuan² subsidi di-mana peladang² di-beri bantuan 30% daripada

harga baja dan beneh² tanaman serta alat² pertanian. Tujuan ranchangan ini ia-lah untuk membolehkan peladang² memulehkan kebun² mereka yang terbiar kosong untuk tanaman² seperti jagong, ubi kayu, kacang tanah, temikai dan berbagai² tanaman lain yang boleh mendapat hasil. Sa-lain daripada itu bantuan² juga telah di-beri merupakan beneh dan baja untuk memuleh dusun² yang telah terbiar dan yang tidak mendatangkan hasil lagi serta juga bantuan untuk ranchangan menanam sa-mula dan pemulehan kebun² kelapa. Jumlah bantuan yang telah di-beri kepada peladang² untuk menggalakkan mereka dalam usaha² ini, dalam Ranchangan Malaysia Pertama ada-lah seperti berikut:

Bantuan Subsidi Pelbagai	
Tanaman	\$ 6,566,639
Bantuan Pemulehan Dusun	3,754,531
Bantuan Pemulehan dan	
Tanaman Sa-mula Kelapa	11,266,432
Jumlah ...	<u>\$21,587,602</u>

Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, Kementerian Pertanian dan Tanah telah pun mengatorkan ranchangan² baharu di-mana lebih banyak bantuan akan di-beri kepada peladang² untuk membolehkan mereka menjalankan usaha² pemulehan tanah dan mempelbagaikan jenis² tanaman yang memberi banyak hasil dengan bantuan² subsidi tanaman dan bantuan ranchangan pemulehan dan tanaman sa-mula buah²an dan kelapa. Jumlah bantuan yang telah di-chadangkan ia-lah lebih daripada peruntukan dalam Ranchangan Malaysia yang Pertama. Sa-lain daripada ranchangan memberi bantuan daripada segi mata-benda dan kewangan untuk pemulehan dan tanaman sa-mula, Kementerian Pertanian dan Tanah juga sedang mengatorkan ranchangan² menubuhkan Persatuan² Peladang di-kawasan² yang tertentu di-mana persatuan boleh membantu peladang² memulehkan kawasan² yang terbiar kosong untuk di-tanam dengan tanaman yang ekonomik dan untuk menggalakkan pemulehan dusun² serta usaha² mempelbagaikan jenis² tanaman. Dengan ada-nya persatuan² peladang, maka ranchangan² ini dapat di-ator lebih lengkap lagi oleh kerana bantuan² melalui extension atau perkembangan pertanian serta pinjaman, pembekalan bahan² pertanian dan kejenteraan akan dapat disalurkan kepada peladang². Persatuan Pela-

dang juga dengan kerjasama badan² Kerajaan tertentu seperti FAMA akan memberi kemudahan² untuk memasarkan hasil² tanaman yang di-keluarkan oleh peladang² melalui ranchangan² bantuan Kerajaan.

Dalam usaha ini Kerajaan juga akan memberi bantuan kepada kawasan² di-mana persatuan peladang akan di-tubuhkan untuk membena setor atau pusat perniagaan dan menyimpan atau membekalkan bahan² pertanian untuk kemudahan peladang². Dengan chara ini ada-lah di-fikirkan bahawa usaha² mempelbagaikan jenis² tanaman dan menggalakkan peladang² mengadakan perusahaan² pemulehan dan tanaman sa-mula kebun² mereka dapat di-jalankan dengan terator dan lebih berkesan lagi dengan memberi kemudahan² pinjaman, perkembangan, pemasaran, kenderaan dan lain² lagi. Patut juga di-ingatkan bahawa tidak sa-harus-nya tanah² kosong ini dapat di-penohi dengan tanam²an. Semua ini mesti-lah bergantung kepadaesuaian tanah kosong ini dan juga kepada soal ekonomik. Tidak ada faedah pada pendapat Kementerian saya tanah yang terpenchil sa-ekar di-sana dan sini di-galakkan mengikut ranchangan di-sebutkan. Harus-lah satu² kawasan itu menasabah besar-nya supaya di-antara lain masalah pasaran senang di-kaji dan di-atorkan.

Lembaga Pemulehan Tanah Persekutuan

11. Tuan Othman bin Abdullah minta kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada-kah sudah Kementerian ini mengarahkan kepada Lembaga Pemulehan Tanah Persekutuan bagi menyiasat kedudukan tanah pinggir di-Tasoh dan Jalan Padang Besar, Perlis, yang telah gagal ranchangan-nya itu oleh kebakaran dan lain² sebab yang menjadi halangan. Jika sudah, apa-kah hasil penyiasatan itu sama ada:

- hendak di-pulehkan sa-mula dengan bertanam getah;
- hendak di-ganti dengan tanaman² yang lain yang mendatangkan ekonomik;
- hendak di-jadikan kawasan ternakan; atau
- hendak di-jadikan kawasan perusahaan, supaya dapat di-beri peluang kepada belia², bekas² pasokan keselamatan dan orang ramai mengambil bahagian.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Ranchangan Tanah Pinggir Tasoh, Negeri Perlis telah

di-tawarkan kepada Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara oleh Kerajaan Negeri Perlis bagi di-puleh sa-mula dengan tanaman getah. Sa-telah penyiasatan di-buat, Lembaga berpendapat tanah ranchangan ini tidak-lah subur dan tanaman getah bukan-lah sa-patut-nya di-tanam di-kawasan ini memandangkan keadaan chuacha dan tanah. Kawasan ini juga mudah di-banjiri ayer dan Jabatan Parit dan Taliayer telah menganggarkan perbelanjaan sa-banyak \$50,000 untuk membuat saluran² bagi mengalirkan ayer dari kawasan ini. Ini akan menambah perbelanjaan pemulehan dan mungkin menyebabkan peserta² tidak mampu membayar balek hutang mereka kelak. Oleh yang demikian Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah tidak sanggup mengambil alih ranchangan tanah ini bagi di-pulehkan. Pihak berkuasa negeri telah pun di-beritahu akan hal ini.

Berkenaan dengan *Ranchangan Tanah Pinggir Padang Besar*, penyiasatan atas ranchangan ini telah menunjukkan bahawa perbelanjaan pemulehan akan menjadi terlampau tinggi dan oleh itu peserta mungkin tidak mampu membayar balek hutang pada belakang hari kelak. Tanah ranchangan ini di-dapati tidak-lah begitu subur untuk tanaman getah. Kerajaan Negeri telah menarek balek tawaran-nya kepada Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara untuk memulehkan ranchangan ini.

Sama ada kedua² kawasan ranchangan tanah ini hendak di-jadikan kawasan ternakan, kawasan bagi tanaman lain dari getah, atau kawasan perusahaan; terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri Perlis untuk menentukan-nya.

Tasoh Fringe Alienation Scheme in Perlis was offered by the State Government to the National Land Rehabilitation and Consolidation Authority for rehabilitation of rubber. After investigations have been carried out, it was found that the soil is considered poor and rubber is not necessarily the best crop to plant in view of climatic and soil conditions. The area is susceptible to flooding and the Drainage and Irrigation Department has estimated that it would cost \$50,000 to construct the drains required. This will increase the cost of rehabilitation and the settlers might not be able to repay their loan later. In view of the foregoing factors, the Autho-

rity could not agree to take over the scheme for rehabilitation. The State Authority has been informed of this.

With regard to *Padang Besar Fringe Alienation Scheme*, investigations on this scheme had shown that the cost of rehabilitation would be so high that the settlers might not be able to repay their loan later. The soil is not suitable for rubber. The State Government has now withdrawn its offer to the National Land Rehabilitation and Consolidation Authority to rehabilitate the scheme.

Whether these two Land Scheme areas are to be turned into an area for poultry-farming, for cultivation of crops other than rubber, or for industrial purpose, the decision lies with the Perlis State Government.

SETIAUSAHA PENTADBIRAN IBU KOTA PERSEKUTUAN

12. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan siapa-kah Setiausaha Pentadbiran Ibu Kota Persekutuan, Kuala Lumpur yang ada sekarang ini. Siapa-kah yang mengambil-nya dan sila nyatakan kelulusan²-nya.

Dato' Ong Kee Hui: Jawatan Setiausaha Perbandaran Kuala Lumpur tidak lagi menjadi satu jawatan berkanun apabila di-luluskan pindaan² kepada Ordinan Perbandaran (Bab 133) menurut Pemberitahu *Warta Kerajaan Selangor* No. 65 bertarikh 13hb Mach, 1948. Pesuruhjaya Ibu Kota boleh melantek dan menetapkan jawatan bagi sa-saorang pegawai menurut keperluan Surohanjaya. Walau bagaimana pun nama jawatan ini ya'ani Setiausaha, terus di-pakai sa-hingga 31hb Ogos, 1970. Dari 1hb September, 1970, jawatan Setiausaha itu di-namakan sa-mula sa-bagai Ketua Pegawai Pentadbir Surohanjaya Ibu Kota. Pemegang jawatan itu sekarang ia-lah Enche' Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, sa-orang pegawai dari Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri yang di-pinjamkan kepada Surohanjaya ini.

The post of Secretary to the Kuala Lumpur Municipality ceased to be a statutory appointment with the passing of the Amendments to the Municipal Ordinance (Cap. 133) *vide* Selangor Government *Gazette* Notification No. 65 dated 13th March, 1948. The Commissioner of the Federal Capital can appoint and designate an officer according to the needs of the Administration. However, the

nomenclature of the post, i.e. Secretary, was retained till 31st August, 1970. From 1st September, 1970, the post of Secretary was redesignated as Chief Administrative Officer of the Federal Capital Commission. The present holder is Enche' Mohd. Hussaini bin Abdul Jamil, an officer from Home and Foreign Service on secondment.

PILEHAN² PEKERJAAN

13. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan sama ada Menteri boleh menjamin Dewan bahawa pilihan² pekerjaan dalam Pentadbiran Ibu Kota Persekutuan, Kuala Lumpur akan di-berikan kepada anak² kepada pekerja² yang maseh bertugas lagi dan anak² kepada pekerja² yang telah bersara sa-telah bekerja lama dengan perkhidmatan yang baik kepada pentadbiran ini.

Dato' Ong Kee Hui: Jaminan saperti itu tidak boleh di-beri kerana ia ada-lah bertentangan dengan Fasal 8 Perlembagaan Persekutuan. Semua jawatan dalam Surohanjaya Ibu Kota hendak-lah terbuka kepada semua warganegara Malaysia termasuk anak² pekerja yang menjadi warganegara.

Such an assurance cannot be given as it will be contrary to Article 8 of the Constitution. All posts in the Federal Capital Commission must be open to all Malaysian citizens including those children of employees who are citizens.

PERLETAKAN JAWATAN SETIAUSAHA

14. Tuan V. David minta kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan memberitahu, Dewan ini sebab² Setiausaha Pentadbiran Ibu Kota Persekutuan, Kuala Lumpur, Enche' Mohd. Din meletakkan jawatan-nya. Ada-kah tekanan² MAGERAN yang membawa dia kepada perletakan jawatan-nya.

Dato' Ong Kee Hui: Allah Yarham Tuan Haji Mohd. Din bin Ali tidak meletak jawatan-nya. Perkhidmatan beliau telah ditamatkan sa-laras dengan syarat² perkhidmatan perlantekan-nya kerana Pesuruhjaya Ibu Kota berpuas hati perkhidmatan-nya tidak lagi di-kehendaki.

Mengenai bahagian kedua soalan itu, jawapan-nya ia-lah: Tidak benar.

The late Tuan Haji Mohd. Din bin Ali did not resign. His services were terminated in accordance with the terms and conditions of service under which he was appointed, as the Commissioner of the Federal Capital was satisfied that his services were no longer required.

As regards the second part of the question, the answer is "No".

PEMBENAAN JAMBATAN

15. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan maksud dan rancangan Kerajaan yang terakhir berkenaan pembenaan jambatan menghubungkan tanah besar dan Pulau Pinang.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kerajaan telah mengambil keputusan hendak menjemput chadangan² daripada Sharikat² Perunding untuk menyelenggarakan satu kajian yang sa-penoh-nya mengenai pembenaan perhubungan di-antara Pulau Pinang dan tanah besar.

SUROHANJAYA PILEHANRAYA

16. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan :

- (a) sama ada Surohanjaya Pilehanraya berchadang memulakan pendaftaran pengundi² yang berhak mengundi;
- (b) sama ada Kerajaan akan mengadakan pendaftaran sa-keliling tahun terhadap pengundi² yang berhak mengundi di-senarai pengundi².

Perdana Menteri: (Dengan izin)

- (a) Yes.
- (b) The Election Commission is presently considering a system whereby those eligible to be registered as voters will be able to register themselves at any time of the year.

POTFOLIO PERUMAHAN

17. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menerangkan mengapa-kah potfolio Perumahan telah di-pindahkan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan yang baharu di-tubuhkan.

Perdana Menteri: Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan ada-lah satu Kementerian baharu yang mengganti

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sa-lain dari tugas² menyelaraskan perkara² berkenaan dengan Kerajaan Tempatan, Kementerian itu bertanggung-jawab berkenaan dengan Teknologi, Penyelidikan dan beberapa perkara lain.

Suka saya menegaskan bahawa penentuan tugas² mana² Kementerian ada-lah "pre-rogative" saya sendiri.

MENILAI IJAZAH² ASING

18. Tuan Goh Hock Guan minta Perdana Menteri menerangkan mengapa-kah sa-telah beberapa tahun lama-nya sijil² dari Universiti² yang terkenal di-Amerika Sharikat, Taiwan, Singapura, India maseh belum di-aku² lagi.

Perdana Menteri: Ijazah² atau kelayakan² asing ada-lah di-nilaikan oleh Jawatankuasa Tetap bagi Menilai Kelayakan Asing sa-kira-nya terdapat keperluan kapada kelayakan² itu dalam perkhidmatan Kerajaan dan penilaian itu di-lakukan untuk menentukan sama ada kelayakan² itu sesuai, dari segi mutu dan bidang pengajian serta latehan, untuk memenohi tugas dan tanggung-jawab satu² perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam. Sa-belum sa-suatu penilaian ka-atas kelayakan² asing yang tertentu di-jalankan hendak-lah di-pastikan terlebih dahulu sama ada terdapat keperluan bagi kelayakan itu. Sa-telah ini di-pastikan baharu-lah kelayakan² itu di-kaji dan di-nilai.

Proses pengkajian ini memakan masa yang lama oleh kerana kesukaran yang selalu di-alami bagi mendapat butir² dan maklumat² yang chukup mengenai kelayakan² yang hendak di-kaji itu. Sunggoh pun begitu, semenjak tahun 1964 kelayakan² yang tertentu dalam berbagai bidang pengajian dari Universiti² dalam 27 buah negeri asing telah pun di-nilai dan di-iktirafkan sa-bagai kelayakan yang sesuai untuk memasoki perkhidmatan Kerajaan dan ini termasuk-lah kelayakan² yang di-keluarkan oleh Universiti² yang terkemuka di-Amerika, India, Indonesia dan Singapura. Walau bagaimana pun tugas dan tanggung-jawab Jawatankuasa Tetap maseh belum lagi selesai dan maseh banyak lagi ruangan bagi Jawatankuasa itu melaksanakan tugas² dan tanggung-jawab yang di-bebankan ka-atas-nya.

KEKURANGAN TALIPON DI-KAWA-SAN² PETALING JAYA/KUALA LUMPUR

19. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menerangkan bila-kah Kerajaan dapat mengatasi kekurangan talipon di-kawasan² Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Alat² kelengkapan ibusawat untuk 5,000 talian talipon tambahan sedang di-pasang di-Petaling Jaya. Ini di-jangka akan siap untuk perkhidmatan pada bulan September, 1971, tetapi sa-belum perkhidmatan dapat di-beri kebel² bawah tanah mesti-lah di-sediakan.

Di-Kuala Lumpur satu Ibusawat baharu yang akan menambah bilangan talian² talipon sa-banyak 22,000 telah di-pesan dan dari jumlah ini, 8,000 baharu sahaja siap dan baki-nya di-jangka akan siap dalam masa 2 tahun. Beberapa kebel telah pun di-pasang.

Berdasarkan kapada apa yang telah dinyatakan di-atas, kekurangan ini akan dapat di-atasi penghujung tahun 1973. Walau bagaimana pun oleh kerana negara kita sedang membangun dengan chepat-nya, kebolehan Jabatan Talikom memenohi keperluan perkhidmatan² talipon bergantung kapada ada-nya wang dan tenaga manusia.

Telephone exchange equipment for an additional 5,000 lines is being installed in Petaling Jaya. This is expected to be ready for service in September, 1971 but, before service can be connected, underground cables have to be available—these are also being laid and there should be a gradual improvement by the end of the year.

In Kuala Lumpur a new exchange, which will increase the number of telephone lines by 22,000, has been ordered and of these 8,000 have just been completed and the balance is expected to be completed over the next 2 years. Numerous cables are also being laid.

The acute shortage should be overcome by the end of 1973. However, as the country is developing fast the ability of the Telecommunications Department to meet the demand for telephone service is conditioned by the availability of funds and manpower.

UJIAN BAHASA

20. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar bahawa ada aduan² yang mengatangkan ujian bahasa bagi mendapatkan sijil kera'ayatan itu telah menjadi ujian pengetahuan umum, umpama-nya pemohon² telah di-tanya nama anak sulong bekas Perdana Menteri, atau pun nama Menteri Besar, jikalau demikian apa tindakan akan beliau ambil dalam perkara ini.

Tun Dr Ismail: Ya, saya sedar. Arahan telah di-keluarkan oleh Kementerian ini supaya ahli² Lembaga Bahasa menguji pemohon² hanya di-atas kebolehan mereka memahami Bahasa Malaysia dan bukan di-atas pengetahuan am.

RUMAH² PANGSA

21. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau akan menimbangkan:

- (a) mendirikan lebih banyak lagi rumah² pangsa harga murah bagi Polis yang bertempat di-Kuala Lumpur;
- (b) atau pun menambah pembayaran elaun perumahan mereka.

Tun Dr Ismail:

- (a) Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembenaan "quarters" untuk pegawai² Polis berpangkat Rendah dan Mata² (Rank and File); bagi tahun 1971, 308 "quarters" akan di-dirikan untuk mereka di-Kuala Lumpur dan 751 lagi di-tempat² lain di-Malaysia Barat.
- (b) Pegawai² Polis berpangkat Rendah dan Mata² yang tidak dapat di-tempatkan di-"quarters" di-Kuala Lumpur, yang dahulu di-bayar elaun perumahan di-antara \$16.00 ka-\$52.50 sekarang menerima di-antara \$80.00 ka-\$131.00 mengikut shor Surohanjaya Suffian yang telah di-perlaksanakan oleh Kerajaan.

LAPORAN SUROHANJAYA DI-RAJA

22. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan bila-kah laporan Surohanjaya Di-Raja yang di-ketuai oleh Senator Dato' Athi Nahappan akan di-umumkan kepada

orang ramai, mengapa terdapat kelambatan dalam pengumuman kepada orang ramai.

Dato' Ong Kee Hui: Laporan Surohanjaya Di-Raja bagi mengkaji Perjalanan Penguasa² Tempatan itu akan di-umumkan kepada orang ramai apabila Kerajaan telah membuat keputusan atas-nya ia-itu sa-telah menimbangkan laporan Jawatankuasa yang di-lantek oleh Kabinet untuk mengkaji implikasi² penglaksanaan shor² yang terkandung dalam Laporan itu. Pada masa ini Laporan itu maseh sedang di-kaji oleh Jawatankuasa tersebut dan oleh itu belumlah lagi boleh di-umumkan kepada orang ramai.

The Report of the Royal Commission of Enquiry to investigate into the workings of Local Authorities would be made public when the Government has taken a decision on the matter, i.e., after having considered the report of the Committee appointed by Cabinet to examine the implications of implementing the recommendations of the Report. At present the Report is still being studied by the said Committee and therefore it is not yet possible to release it to the public.

KELAS² FORM VI DI-SITIAWAN— PENUBOHAN

23. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau menyedari tentang keperluan penting yang mesti di-segerakan akan penubohan kelas² Form VI di-Sitiawan untuk menampung pelajar² yang kian ramai yang hingga sekarang ini terpaksa bersekolah di-tempat lain yang sudah tentu melibatkan perbelanjaan yang besar oleh keluarga² mereka yang miskin, yang sa-patut-nya jika tidak, dapat di-elakkan. Jika hakikat ini di-sedari, ada-kah terdapat ranchangan² di-dalam masa yang sengkat ini bagi melaksanakan keperluan yang amat penting ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Saya sedar akan keperluan ini jika di-lihat dari segi bilangan murid². Walau bagaimana pun oleh sebab kekurangan guru² dan kemudahan² yang lain maka tidak-lah dapat di-adakan darjah Tingkatan VI di-Sitiawan sekarang. Saya akan menimbangkan pembukaan sa-buah darjah (Jurusan Arts) pada tahun 1972.

I am aware of the need in term of student numbers. However, in view of the shortage of teachers and lack of facilities it is not possible to have a Form VI class in Sitiawan now. I will consider setting up one class (Arts) in 1972.

WONG AI MING—MEMBEBAHKAN DARI TAHANAN

24. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau akan membebaskan Wong Ai Ming dari tahanan di-Pulau Jerejak di-bawah jaminan Y.B. Tuan Richard Ho Ung Hun sendiri; jika tidak mengapa.

Tun Dr Ismail:

- (a) Tidak.
- (b) Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegeh Jenayah), 1969 tidak memperuntukkan pembebasan dengan chara jaminan tetapi undang² ini membenarkan sa-saorang di-tahan membuat rayuan kepada Lembaga Penasehat.

PROJEK² DI-SITIAWAN

25. Tuan Richard Ho Ung Hun bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, ada-kah beliau sedar bahawa di-Sitiawan wakil² yang terpilih tidak diberitahu tentang projek² yang di-laksanakan oleh pehak² berkuasa yang berkenaan untuk membolehkan mereka menerangkan kepada orang² yang terlibat, dasar² projek itu. Jika ya, ada-kah beliau menimbangkan mengambil langkah² segera membaiki ini dengan serta merta.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pada permulaan-nya projek di-sediakan oleh ra'ayat melalu² wakil² ra'ayat dalam Jawatankuasa Pembangunan Negeri. Jika Jawatankuasa Pembangunan Negeri menganggap perlu di-terangkan kepada ra'ayat dasar² projek, ada-lah menjadi tugas Jawatankuasa ini untuk menerangkan-nya.

Projects are initially prepared by the people through their representatives in the State Development Committee. If the State Development Committee still considers it necessary to explain to the people the policies behind the projects it shall be the duty of that committee to do so.

METER PELANGGAN TALIPON—JUMLAH BAYARAN

26. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan berapa-kah jumlah pendapatan yang diperolehi daripada bayaran meter pelanggan talipon pada tahun 1969 dan 1970.

Tun V. T. Sambanthan: Jumlah pendapatan yang telah di-perolehi daripada bayaran meter pelanggan talipon (tempatan dan juga panggilan jauh yang di-dail sendiri oleh pelanggan²) pada tahun 1969 dan 1970 adalah seperti berikut:

1969 ...	\$19,828,957.80
1970 ...	\$20,863,559.90

KAWAT TALIPON PELANGGAN² DI-PUTUSKAN

27. Tuan Su Liang Yu bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom sama ada beliau sedar bahawa banyak bil² talipon yang silap di-berikan kepada pelanggan² yang mana mengakibatkan banyak kawat talipon pelanggan² telah di-putuskan sambungan-nya, tanpa di-beritahu; dan mereka di-kehendaki membayar wang untuk mengembalikan talipon mereka. Apa-kah tindakan yang di-ambil oleh Kementerian-nya mengenai perkara ini.

Tun V. T. Sambanthan: Jabatan Talikom menghantar keluar lebih daripada 90,000 bil² tiap² bulan dan berbanding dengan jumlah ini kesilapan tidak-lah banyak. Semua pelanggan² talipon ada-lah di-minta menjelaskan bil² mereka dalam masa 7 hari sa-lepas menerima bil² itu. Walau bagaimana pun satu tempoh pertanggohan akan di-beri dan juga satu notis amaran akan di-hantar sa-belum talipon di-potong. Dalam perkara di-mana bil itu di-ragukan, talipon itu tidak di-potong jika pelanggan² membayar sa-bahagian bil yang tidak di-ragukan dan juga bil² yang berikut-nya. Dalam mana satu kesilapan telah di-buat untuk memotong satu² talipon, bayaran untuk menyambung sa-mula tidak di-kenakan.

SAMPUL SURAT HARI PERTAMA

28. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan berapa jenis Sampul Surat Hari Pertama telah di-keluarkan pada tahun 1969 dan

1970 dan mengapa sampul surat itu di-keluarkan, jumlah jualan Sampul Surat yang tersebut di-atas, dan jumlah pendapatan dari Jabatan Pos, Malaysia pada tahun 1969 dan 1970.

Tun V. T. Sambanthan: Ada ka-semua-nya dua jenis Sampul Surat Hari Pertama yang di-keluarkan dalam tahun 1969 dan enam jenis dalam tahun 1970. Mereka di-keluarkan untuk menandakan peristiwa² yang berikut di-bawah ini:

1969—

1. Pelancharan Minggu Perpaduan Negara.
2. Pelancharan Tahun Padi—Kempen 1969.

1970—

1. Pembukaan Resmi Setesen Satelit Di-bumi di-Kuantan.
2. Pengeluaran Setem² Pos Biasa Malaysia yang baharu yang mengandungi gambar kupu² (Siri Kebangsaan berharga 25 sen, 30 sen, 50 sen, dan 75 sen.
3. Ulang Tahun ke-50 Pertubuhan Buroh Antarabangsa.
4. Ulang Tahun ke-25 Bangsa² Bersatu.
5. Pengeluaran Setem Pos Biasa Malaysia yang baharu yang mengandungi gambar kupu² (Siri Kebangsaan berharga \$1, \$2, \$5 dan \$10).
6. Ulang Tahun ke-25 Pertabalan D.Y.M.M. Sultan Trengganu.

Sampul² Surat² Hari Pertama ada-lah direka dan di-bentuk khas dan di-atas-nya-lah di-lekatkan setem pos baharu yang di-keluarkan untuk penjualan dan di-batalkan dengan chap tarikh yang di-khaskan untuk di-gunakan pada hari pertama setem² pos itu di-keluarkan. Sampul² Surat Hari Pertama di-keluarkan untuk memenuhi kehendak² ini.

Jumlah penjualan Sampul² Surat Hari Pertama yang berharga 10 sen tiap² satu dalam tahun 1969 dan 1970 berjumlah \$50,490. Jumlah jualan setem² pos yang di-tampalkan di-Sampul² Surat Hari Pertama tidak-lah dapat di-nyatakan oleh kerana perkiraan yang berasingan tidak di-buat ka-atas Sampul² Surat Hari Pertama yang di-lekatkan dengan setem² yang di-kirimkan melalui pos. Memandangkan kepada banyaknya mel² yang di-kendalikan oleh Jabatan

ini yang mana di-kehendaki di-kendalikan dengan pantas pula, maka tidak-lah mungkin bagi Jabatan ini untuk membuat perkiraan yang berasingan ka-atas benda² seperti ini. Walau bagaimana pun, ada-lah di-anggarkan ia-itu jumlah ka-semua-nya Sampul² Surat Hari Pertama dan setem² yang di-lekatkan kepada-nya dalam tahun² 1969 dan 1970 ia-lah \$595,600.

Jumlah hasil pendapatan Jabatan Perkhidmatan Pos dalam tahun 1969 ia-lah \$36,081,000 dan dalam tahun 1970 ia-lah \$38,571,000.

CHUKAI PERLINDONGAN/PAKAR² PERUSAHAAN

29. Tuan Walter Loh Poh Khan minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan mengapa kilang² kita sa-telah mendapat lesen² untuk menjalankan kilang² tersebut dan sa-telah di-beri chukai perlindungan (tariff protection) menjual barang² keluaran mereka dengan harga yang tinggi daripada barang² yang di-impot.

30. Tuan Walter Loh Poh Khan minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada pakar² di-ambil bekerja untuk menyiasat perusahaan² tersebut sa-belum mengeluarkan lesen² supaya mereka tidak menyalah-gunakan keadaan ini dan menjual barang² mereka kalau tidak dengan harga yang lebih rendah sa-kurang²-nya sama harga-nya dengan barang² yang di-impot tanpa mengenakan chukai perlindungan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya pohon menjawab soalan² 29 dan 30 yang di-kemukakan oleh Y.B. Tuan Walter Loh Poh Khan bersama² kerana soalan² itu ada-lah berkaitan. Mungkin ada barang² yang tertentu yang mana harga barang² buatan tempatan ada-lah lebih mahal sedikit daripada barang² yang sama yang di-impot. Sebab²-nya ia-lah:

(a) Pasaran tempatan yang kecil yang tak memungkinkan ekonomi pengeluaran sa-chara besar-besaran. Kilang² di-luar negeri biasa-nya mempunyai pengeluaran sampai 100 kali ganda atau lebih daripada kilang² tempatan dan lagi kos tetap mereka boleh di-bahagikan kepada banyak unit pengeluaran-nya.

(b) Peluang pengeluar² Malaysia untuk mengeksepot keluaran mereka di-samping meluaskan pasaran dan mengurangkan kos pengeluaran di-masa

hadapan tidak-lah begitu cherah. Di-merata dunia, lain² negeri telah mengenakan sekatan chukai, kawalan pertukaran wang asing, kawalan impot dan lain² lagi untuk menjamin kepentingan industri mereka. Walau pun kita sendiri menjamin kepentingan industri kita, kedudukan Malaysia untuk menembusi pasaran ekseptot bagi barang² pengeluaran kita tidak-lah sama. Malaysia baharu sahaja mencheborkan diri dalam perindustrian dan mempunyai kos yang lebih tinggi manakala mutu-nya kadang² tidak begitu tinggi. Ini juga di-sebabkan oleh pasaran yang kecil dan kekurangan pengalaman sa-tengah² pengeluar kita.

- (c) Sa-bagaimana yang di-ketahui kebanyakannya negara² pengekseptot yang besar memperaktikkan diskriminasi dalam menentukan harga ia-itu mereka mempunyai harga yang berlainan untuk pasaran tempatan berbanding dengan pasaran ekseptot dan juga harga² ekseptot yang berlainan untuk negeri yang berlainan, bergantung kepada giatnya pertandingan di-pasaran dunia. Ini-lah yang di-katakan, "dumping" atau lambatkan. Ini dapat di-buat sama ada dengan pengorbanan menerusi "subsidy" oleh Kerajaan atau pun dengan jalan apa yang di-sebutkan "marginal pricing".

Berkenaan dengan harga barang² yang kadang² lebih tinggi daripada barang² yang di-impot sa-lepas perlindungan tariff di-beri, saya suka menerangkan bahawa perlindungan tariff hanya di-beri sa-lepas kami mendapat kepastian daripada pengeluar² yang berkenaan bahawa harga² tidak akan di-ubah tanpa kebenaran saya terlebih dahulu. Kementerian saya telah menyiasat perkara kenaikan harga² dan kami dapati bahawa kenaikan harga² yang berlaku di-satengah² tempat ia-lah terbit dari tindakan oleh peniaga² runchit. Ada-lah sangat sukar untuk mengawasi kesemua peniaga² runchit melainkan dengan menukar sistem ekonomi dari sa-buah sistem ekonomi bebas kepada sistem pemasaran yang ketat. Walau bagaimana pun, saya telah memberi arahan supaya pengawasan yang lebih ketat di-buat terhadap harga² barang untuk menjamin bahawa harga² yang berpatutan di-kenakan ka-atas barang² yang di-keluarkan dari perusahaan² yang mendapat perlindungan tariff atau lain² jenis bantuan.

BAHAN² MENTAH

31. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan apa² tindakan membaiki yang beliau ambil untuk merentikan perusahaan daripada mengimpot bahan² mentah atau juzok² sa-paroh pembuatan pada hal semua barang² ini boleh terdapat dalam negeri terutama-nya dalam perusahaan besi-waja dan tayar.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya suka menyatakan ia-itu satu Jawatankuasa Khas Penasehat mengenai Chukai² (Special Advisory Committee on Tariffs) telah pun di-bentok untuk membantu industri² tempatan. Salah satu daripada tugas-nya ia-lah untuk menjamin yang bahan² mentah atau sa-paroh mentah di-perolehi daripada puncha² buatan tempatan, dan bukan yang di-impot, melainkan ada bukti² yang tegas menjadikan mustahak mengimpot barang² mentah dari luar seperti penentuan teknikal (technical specifications) saiz yang berlainan, dan lain² lagi. Berkenaan dengan industri membuat tayar sedikit sa-banyak² impot getah tiruan di-benarkan tanpa chukai impot kerana champoran getah tiruan dengan getah asli menjadikan tayar lebih tahan dan selamat bagi pemandu². Peratus getah tiruan yang di-gunakan oleh industri membuat tayar di-negeri ini ada-lah amat sedikit jika dibandingkan dengan negeri² lain. Berkenaan dengan industri besi waja (steel industry), impot chuma di-benarkan untuk keluaran² yang mana mutu dan saiz-nya tidak di-buat di-sini.

CHINA KOMINIS—MEMBAIKI HUBONGAN

32. Tuan T. S. Gabriel minta kepada Perdana Menteri menyatakan usaha² yang telah di-ambil oleh Kerajaan sa-takat ini dalam usaha membaiki hubungan dengan China Kominis dan ada-kah apa² negara bersetuju memainkan peranan sa-bagai orang tengah.

Perdana Menteri: Bahagian pertama pertanyaan ini telah pun di-jawab. Berkenaan bahagian kedua pula, Malaysia maseh belum berhubung dengan sa-barang negeri dan maseh belum mendapat tanda² dari sebarang negeri untuk menjadi orang tengah.

The first part of the question has already been answered. As regards the second part,

Malaysia has not approached or received indications from any country to act as an intermediary.

GAJI KURANG KAPADA PEKERJA²

33. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Buroh apa-kah tindakan yang hendak di-ambil-nya terhadap majikan² atau firma² yang membayar gaji kurang kepada pekerja² yang berkelulusan tinggi dan lebih kepada pekerja² yang mempunyai kelulusan rendah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sa-lain dari pekerja² gaji-nya ada-lah terta'alok kepada gaji minima yang di-tetapkan oleh Perintah Peratoran Gaji atau perjanjian bersama atau keputusan Mahkamah Perusahaan, ini ada-lah bergantung kepada majikan dan pekerja yang berkenaan untuk bersetuju dengan gaji yang sa-patut-nya di-bayar. Tidak ada tindakan boleh di-ambil oleh Kementerian ini jika kesalahan² itu tidak di-beritahu.

Other than those employees whose wages are subject to minimum levels as fixed by the relevant Wages Regulation Orders, or to collective agreements or industrial court awards, it is for the employer and employee concerned to agree upon the wage rate payable. No action can be taken by my Ministry if no offence is disclosed.

PERMOHONAN BEKALAN AYER/ KUASA LETRIK

34. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar apa-kah tindakan beliau berchadang hendak ambil untuk menjamin supaya permohonan untuk bekalan ayer, kuasa letrik, dan sa-bagai-nya di-uruskan segera.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Permohonan² untuk bekalan ayer dan kuasa letrik ada-lah di-uruskan oleh pentadbiran Kerajaan² Negeri. Oleh hal yang demikian, pertanyaan ini patut-lah di-tujukan kepada Dewan² Undangan Negeri.

Application for water supply and electricity are dealt with by the respective State Government administration. This question should therefore be directed to the respective State Legislative Assemblies.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² (SARAAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to amend the Ministers (Remuneration) Ordinance, 1957, the Parliament (Members' Remuneration) Act, 1960, the Assistant Ministers Act, 1960 and the Parliamentary Secretaries (Remuneration) Act, 1965" be read a second time.

As Honourable Members are aware, the salary revisions for elected members of the Government and the changes to their other terms and conditions of service, together with the revised allowances payable to Members of Parliament have been in force since 1st January, 1970, as a result of the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 52, 1970 enacted by the Yang di-Pertuan Agong as an emergency law. I believe that all the Honourable Members concerned are already enjoying these revised payments, including the arrears due to them. The purpose of this Bill is to re-enact these provisions into a permanent law.

I will not waste the time of this House by referring to the changes which have been made. They are specified in the Schedule to the Bill and can thus be easily understood. In any case, all Honourable Members already enjoy these revised payments and thus I can safely assume that they understand what this Bill is about. It was really a question of having supper before grace, but having had the supper, it is only right that we should say grace, even though it is a bit late. There was clearly a need to revise these salaries and allowances as Honourable Members are aware that most of these have not been changed since independence. The rationale underlying these changes is that in a developing country, it is particularly important to encourage the best talent available to take part in public life, and the best talent do not always have private means.

The rates previously paid are hardly consonant with existing standards of living in this country, standards befitting both elected members of the Government and Members of Parliament. The revision of the terms and conditions of service of the Public Service

made as a result of the report of the Suffian Commission clearly made it necessary for elected members of the Government and Members of Parliament to be treated similarly. Hence these changes. I was the Chairman of the Cabinet Committee which looked into this matter and I am satisfied that the improvements are modest compared to the scales of pay prevailing in the private sector. Indeed, our Ministers are poorly paid compared to business executives, while the duties and responsibilities of the latter are nowhere comparable to those of Ministers and even Deputy Ministers. Even these revised payments will not enable our Ministers, let alone the other Honourable Members concerned, to live in luxury. These payments will only enable them to maintain a reasonable standard of living for their families and themselves. I, therefore, hope that this motion will receive the blessing which it deserves.

Sir, I beg to move.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): (*Dengan izin*) Sir, I beg to second.

Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, before I speak on this Bill, I think, as provided under the Standing Orders, I should declare my interest here.

Mr Speaker, Sir, permit me to congratulate the Honourable Members of the Government for their initiative in making provisions in this Bill for a Leader of the Opposition.

In making my comments and observations today, Sir, I would, with your kind permission, touch on one or two salient points which, I feel, would require the Government's and Honourable Members' serious consideration. Obviously, Sir, when the Government made provisions for a Leader of the Opposition, the Government must have sincerely and honestly felt that the time has come for a more meaningful, effective and responsible—I repeat, Sir, meaningful, effective and responsible—Opposition to be present in Parliament in order that Parliamentary democracy is given the chance to work effectively.

Mr Speaker, Sir, looking at the provisions which have been made for Ministers and Leaders of the House, I cannot but feel that the \$1,000 allowance per month allocated for

the Leader of the Opposition, and only that, is inadequate. If the Leader of the Opposition is to do his work properly, Mr Speaker, Sir, I suggest that the Honourable Members of the Government and the House match our intentions with our actions. Since it is sincerely felt that a Leader of the Opposition is needed, then let us pay a sufficient allowance to the Leader of the Opposition to enable him to do a good job as the Leader of the Opposition. It is not fair that the Leader of the Opposition should be out of pocket and because of this, I would, therefore request for the very serious consideration by the Honourable Minister and the House to give the Leader of the Opposition at least an equivalent monthly allowance in respect of transport, etc., as a Minister who, as the Honourable Minister of Finance has just said, is already poorly paid; and I am sure if you pay the Leader of the Opposition just as much, he will be just as poorly paid, or at least as a Deputy Minister. Also, he should be provided with an office in Parliament building with the provision of a staff of two. In principle, Sir, the Leader of the Opposition should receive no less an allowance than a Minister if he is to do his job effectively. Sir, I hope Honourable Members of this House would agree with this suggestion to provide sufficient allowance to the Leader of the Opposition to do his job effectively in the interests of Parliamentary democracy and the nation.

Mr Speaker, Sir, I would like now to comment on the question of allowance for Members of Parliament. I agree with the observations which the Honourable Minister has just made that the allowance will not be enough but it is supposed to give the Members of this House a reasonable standard of living. I am not questioning here, Sir, the \$1,000 per month which has been approved. I feel that this is fair and adequate. However, the provision of a subsistence allowance of \$35 per day all-in is, in my opinion somewhat inadequate. I am sure that Honourable Members will agree with me on this. Mr Speaker, Sir, for instance, Honourable Members are now paid a daily subsistence allowance for attending Parliamentary sessions, from which they have to pay for hotel accommodation, laundry and food. Assuming that a reasonable hotel would cost \$20 to \$30 per day per room—I am now referring to the cheaper rather than the first class hotels, accommodation of which must

cost more—and after deducting these plus the laundry expenses, there is little left for food, even to maintain a reasonable standard of living. Not all Honourable Members, Sir, are well off financially or in good financial position to absorb the difference and frankly it is unfair to expect Honourable Members to be out of pocket while serving the country when they are not in a position to pay the difference out of their own pocket. I understand, Mr Speaker, Sir, that Division I officers from Sarawak coming over to West Malaysia on duty receive a subsistence allowance of \$18 per day whilst accommodation will be paid for by the Government provided the cost of the hotel accommodation for the night does not exceed \$40 per night. In other words, they receive a possible \$58 per day compared with now \$35 per day all-in for Members of Parliament. Surely we are not going to treat our Members of Parliament less, shall we say, honourably than our Civil Service Division I officers. In Sabah and Sarawak, Sir, Assemblymen are getting very much more subsistence allowance than the \$35 per day for the Members of Parliament, while at the same time the State Assemblymen are allowed to stay at the Government Rest House in Sarawak and I believe it is also true for Sabah while attending Legislative Assembly meetings there. Council Negri Members in Sarawak receive \$50 per day when the Council Negri is in session. What I would suggest, Mr Speaker, Sir, is that the Honourable Minister of Finance and this House consider (a) to increase the rate of allowance commensurate with the out-of-pocket expenses incurred by Honourable Members of Parliament for attending Parliamentary sessions, or alternatively, (b) to pay hotel bills as in the case of Division I officers. At the same time let Honourable Members have a reasonable allowance, Sir, for food and laundry. Whatever it is, an adjustment on the subsistence allowance payable to Honourable Members of this House while attending Parliamentary sessions is called for and perhaps, Sir, it might be a good idea to pass this Bill to a Select Committee for their consideration—I hope this will receive the Honourable Minister's sympathetic consideration—on whether or not there is justification for an increase in the subsistence allowance to Honourable Members of Parliament while Parliament is in session. I realise, Sir, in speaking for more subsistence allowance, it is not politically usually a wise thing

to do. But under the circumstances I feel that I am duty bound, Sir, to bring this up to the House.

Mr Speaker, Sir, now I have an appeal to make here. In view of the fact that Honourable Members receive a monthly allowance and a subsistence allowance, it would be in the interest of the nation and this House, Mr Speaker, Sir, that more time for debates on matters of importance is allocated, such as His Majesty the Yang di-Pertuan Agong's Speech and the Budget Speech. As you are aware, Sir, certain Honourable Members have boycotted the proceedings of this House, complaining that they have not been given an opportunity to speak on His Majesty's Address. Whether or not, Sir, there is justification or merit in their complaint, we are sure, Sir, that you are the best judge of it. However, Mr Speaker, Sir, although four days were given for debates on His Majesty's Address, in actual fact since we meet at 2.30 p.m. every day, instead of in the morning, this does narrow down the time given to Honourable Members to speak. Mr Speaker, Sir, what I am trying to point out here is that since Honourable Members are receiving a monthly allowance plus a subsistence allowance, it is only right and fair that this House should get full value for the money expended on them by getting their opinions and views expressed in this august House. Whether we agree with their views or not is irrelevant, but since they are elected and paid for by the people, by all means give them a chance to speak and let us get our money's worth.

However, Mr Speaker, Sir, I would like to make it quite clear here that in making the above suggestions, I am not putting any criticisms on anybody, least of all on Your Honourable self, Sir. Mr Speaker, Sir, as I have said earlier on, I am sure with your wisdom, understanding and forbearance, you will be the best judge of the time required for debates. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengemukakan Rang Undang² ini, saya suka mengambil peluang sedikit untuk memperkatakan di-dalam Majlis yang mulia ini bahawa sungguh-nya kita telah mengemukakan Rang Undang² yang bertujuan untuk menaikkan gaji² Menteri, Timbalan Menteri² dan Ahli² Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara

dengan tujuan untuk memberi peluang kepada mereka berada dalam keadaan tenteram ketika mana mereka menjalankan tugas masing².

Tuan Yang di-Pertua: saya rasa sa-sungguh-nya keadaan di-negara kita ini sa-benar-nya ada-lah berkeadaan dengan tidak ada penyesuaian dengan keadaan masharakat dan negara kita. Sa-benar-nya di-negara kita ini kedudukan ra'ayat khas-nya kaum tani dan kaum nelayan ada-lah keadaan yang menyedihkan sama sa-kali. Jadi pada mereka sunggoh sedeh dengan pendapatan sa-banyak \$40 atau pun \$50 satu bulan yang mana untuk menyara hidupan kepada mereka dan famili² mereka tidak begitu menchukupi . . .

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu berchakap di-atas Rang Undang² yang di-bentangkan pada hari ini?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bagitu, Tuan Yang di-Pertua, chuma sa-bagai mukaddimah dan ta' ada saya berchakap ta' apa lagi

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kalau hendak berchakap di-atas Rang Undang² ini boleh, tetapi ini di-bawa kepada hal yang lain banyak lagi. Jadi itu sudah keluar dari batasan itu. Kalau hal yang ke-10 dalam Rang Undang² ini sahaja di-tegor atau apa² boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Paragraph yang saya chakap itu sa-benar-nya tidak habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Itu panjang² tidak boleh. Masa berharga pada saya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Berchakap-lah tetapi atas Rang Undang² yang di-bentangkan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi, Rang Undang² ini ada-lah bertujuan dengan perkara yang tersebut di-atas, maka saya merasa bahawa sa-sungguh-nya saya bagi pehak kaum tani dan kaum nelayan meng-harapkan supaya Menteri² dan Timbalan² Menteri dan termasuk kita semua sa-telah lulus-nya Rang Undang² ini akan membuat ranchangan yang bersunggoh² dan membuat kerja yang bersunggoh² untuk membela

kaum² atau pun kaum² tani dan nelayan² saperti yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab-nya kerana dengan lulus ini walau pun dengan keadaan yang tidak begitu besar di-nisbahkan dengan pendapat² yang telah di-terima oleh kalangan² swasta. Jadi, tetapi kepada pandangan kaum² yang saya sebutkan tadi ia-itu kaum² petani dan kaum² nelayan ada-lah besar. Maka oleh yang demikian, saya mengharapkan supaya kita semua khas-nya Menteri² yang berkenaan mengambil kerja yang bersunggoh² untuk membela kaum petani dan kaum nelayan. Jadi sempena dengan ini, Dato' Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sa-baik-nya kita khas-nya Ahli² Dewan Ra'ayat ini dapat di-buat undang² oleh pehak Kerajaan memakai Setiausaha kerana bukan semua Ahli² Dewan Ra'ayat ini orang yang kaya dan orang yang senang, tetapi oleh kerana mandat kepercayaan yang di-beri oleh ra'ayat untuk memimpin ra'ayat dan membela mereka, maka mahu ta' mahu orang² yang berkenaan telah di-pileh. Jadi di-satengah² negeri ada di-peruntukkan ia-itu tiap² sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat boleh melantek sa-orang Setiausaha untuk bertugas dengan-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu luar daripada undang² dan sudah buat macham ini. Bersetuju-kah tidak, itu sahaja. Jangan hendak tidak-kah tambah² lagi, hendak pinda² lagi bukan boleh masa ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Jadi yang itu, Dato' Speaker, tidak boleh hendak sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bersetuju-kah tidak undang² ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ialah.

Tuan Yang di-Pertua: Bersetuju?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bersetuju-lah.

Tuan Yang di-Pertua: Bersetuju, sekarang angkat tangan sudah chukup.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ta' boleh chakap lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ta' boleh, ta' tengok undang² ini banyak, nanti ta' lulus undang² ini nanti.

Tun Tan Siew Sin: The first Honourable Member who spoke suggested that the Government should pay more for a Leader of the Opposition. There is a difference between a Leader of the Opposition and a Cabinet Minister and a Deputy Minister, because whereas Ministers, and Deputy Ministers and Parliamentary Secretaries or even Political Secretaries who are Members of Parliament cannot take any other job apart from their own jobs, Leaders of the Opposition and Members of Parliament can do their own private business. So there is quite a difference between those who are only doing part-time Government work and full-time members of Government. So I do not think it is fair to compare the allowance paid to a Leader of the Opposition with that paid to a Cabinet Minister or a full-time member of the Administration. Even in Britain, where they do pay the Leader of the Opposition well, there is a vast difference between the allowances paid to the Leader of the Opposition and that paid to a full-time member of the Government. Although the Honourable Member concerned congratulated the Government for having provided for this allowance, and I think on the whole it is a substantial allowance, we, I am afraid, on our part, cannot congratulate the Opposition on being able to agree among themselves for someone to be the Leader of the Opposition, and I would suggest that the Opposition parties agree among themselves on a Leader before they cross, I think, the next hurdle. That would probably be more appropriate.

Dato' K. M. James Wong: If the Opposition among themselves could agree on a Leader, would the Honourable Minister give sympathetic consideration to make it worth his while then to work as the Leader of the Opposition—to work hard a bit?

Tuan Yang di-Pertua: Too remote, too remote! Excuse me, I am only interjecting.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, my answer to that is that we will cross the bridge when we come to it. But the “if” put by the Honourable Member, it appears, is a very big “if”.

With regard to his other suggestion that we should increase the subsistence allowance of \$35 per day, I would like to add that the whole scheme was reviewed very carefully by a Committee of very senior Ministers and

we took quite some time to draw up this scheme. I think that this scheme must, therefore, be looked at as a whole. This is what you might call a package deal. Under the circumstances, what we have proposed is, I think, quite fair and reasonable bearing in mind, and we must always bear that in mind, that the Public Service has also got only very moderate increases in pay.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PENCHEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled “An Act to make provisions for the pensions and gratuities of Members of the Administration and Members of Parliament” be read a second time.

What I said in regard to the Bill providing for the revisions to the terms and conditions of elected Members of the Government and to the allowances of Members of Parliament applies with even greater force to the Bill now before us. The profession of politics is a very insecure one, as Honourable Members of this House are too well aware. After all, even Honourable Members are human beings, and being human beings they feel the need to make some provision for the future of their families and those near and dear to them and the feeling that one will not be cast away

like an old shoe after one has given many years of loyal and useful service can not only contribute significantly to a politician's peace of mind, it can also contribute meaningfully to his resolve not to succumb to temptation in the discharge of his public functions. It requires great strength of character for a man to be completely honest in the face of great temptation and with all the tremendous powers at his disposal, if he, at the same time, knows that after a long and loyal career in public life, he has no security at all to look forward to for his family and himself. Let us also remember that he faces this prospect when he is old and it is by no means a pleasant prospect to know that when you are old and no longer fit to work, you may also be in want.

It was with this thought in mind that the Government decided to establish a pension and gratuity scheme not only for elected members of the Government but also for Members of Parliament as well. As I stated when moving the second reading of the related Bill on pay revisions, it is especially important in a developing country to attract the best talent to public life. In a developed country, there is a large reservoir of such talent to draw upon, but in a developing country there is often a dearth of such talent. Quite often, too, in developing countries, our best people often do not have private means of their own and a scheme like the one proposed in this Bill could well be the deciding factor in inducing some of them to come forward and take their chance in the rough and tumble of politics, even though they know they may be out at any time. Without a pension and gratuity scheme, they would also realise that when they are out, they could be in serious trouble financially, with dire consequences to their families and themselves.

It was my original intention to summarise the provisions of this Bill, but on reading the Explanatory Statement attached to it, I felt that if I did attempt a summary, I would have to quote this Statement practically word for word, as it gives a clear and concise yet comprehensive resume of the whole Bill. I will not, therefore, waste the time of this House by repeating what is already in the Statement. In order, however, to give Honourable Members a general idea of the exact implications of this Bill, I might give some specific examples of how it

will work out in practice. For example, a Prime Minister who has served for 15 years as a Member of Parliament but less than 4 years as a Prime Minister, will receive a pension of \$2,000 per month and a gratuity of \$135,000. For a similar length of service as a Member of Parliament, a Deputy Prime Minister will receive a pension of \$1,666.67 per month and a gratuity of \$112,500, a Minister will receive a pension of \$1,333.33 per month and a gratuity of \$90,000, a Deputy Minister will receive a pension of \$1,000 per month and a gratuity of \$67,500, a Parliamentary Secretary will receive a pension of \$883.33 per month and a gratuity of \$59,625, a Political Secretary who is a Member of Parliament will receive a pension of \$783.33 per month and a gratuity of \$52,875, while a Member of Parliament will receive a pension of \$333.33 per month and a gratuity of \$22,500—these cases, of course, refer to those who have been in Parliament for 15 years. A Member of Parliament with 10 years' service will receive a pension of \$222.22 per month and a gratuity of \$15,000. For 5 years' service, there will be no pension for a Member of Parliament, but this gratuity will be \$7,500. On the other hand, if he has had 20 years' service or more, his pension will be \$444.44 per month and his gratuity will be \$30,000.

Here again, we are satisfied that the scales of pension and gratuity proposed are moderate compared with that prevailing in the private sector. I, therefore, hope that this Bill will receive the unanimous support of the House.

Sir, I beg to move.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Haji Ahmad bin Saa'id (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan mengalu²kan Akta ini, tetapi saya rasa dukachita sedikit. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tersangat lambat di-kemukakan Akta ini. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat yang lama tahu bahawa perkara ini sudah pun di-kemukakan pada tahun 1963 dan boleh di-katakan tiap² tahun saya telah pun membawa perkara ini dan menuntut supaya di-bentangkan dan di-luluskan dan surat rayuan telah pun dibuat dan di-sampaikan kepada bekas Perdana Menteri dahulu yang mana penyokong²

Kerajaan termasuk juga puak² Pembangkang menanda-tangani. Walau machammana pun perkara ini di-bentangkan, saya ucapkan terima kaseh kepada pihak Kerajaan yang telah pun membawa Akta ini sa-bagai satu nilai penghargaan kepada perkhidmatan² Ahli² Parlimen dan juga Menteri² sa-bagai yang di-pilih oleh ra'ayat dan Kerajaan ra'ayat. Jadi, saya sangat-lah berasa suka-chita atas perkara ini dan saya berharap sa-kira-nya pada masa² hadapan perkara² yang sa-macham ini di-beri pertimbangan dengan sa-wajar-nya dan jangan-lah kita mengikuti atau mengekorkan Singapura, Singapura sudah lulus pada tahun 1968.

Satu perkara yang saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai perkara 13 yang mana di-sini di-sebutkan kuat-kuasa ia-lah 1hb Januari tahun 1970. Pada anggapan saya sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat yang telah pun di-pilih pada tahun 1959 dan tempoh perkhidmatan-nya berakhir pada 20hb Mach tahun 1969 tidak akan dapat pension atau ganjaran, ada-kah benar perkara ini. Jikalau benar, saya berharap pihak Yang Berhormat akan menimbangkan supaya meminda kuat-kuasa itu kepada 1-1-1969 untuk membolehkan sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat yang berkhidmat daripada tahun 1957 hingga-lah tahun 1969 sebab dia telah di-pilih sa-lama 10 tahun atau 12 tahun sudah berkhidmat. Jadi, saya harap-lah mendapat pertimbangan yang istimewa daripada Yang Berhormat Menteri supaya gulongan ini dapat terta'alok kepada kuat-kuasa Undang² ini. Ini ada-lah satu permohonan yang saya fikir patut di-timbangkan.

Dan saya berharap ada juga penerangan² yang saya telah dapat tahu ia-itu sa-orang Ahli Parlimen 5 tahun dia berkhidmat sa-bagai Ahli Parlimen dan sa-kira-nya dia juga sa-lepas daripada 5 tahun itu jadi Ahli Majlis Undangan Negeri dia akan berhak mendapat-nya. Saya berharap-lah supaya Parlimen bagi penchen itu hak 5 tahun Parlimen dan bagi pihak negeri biar-lah negeri itu sendiri bayar kepada orang yang berkhidmat 5 tahun lagi itu. Dan chara² atau peratoran yang hendak di-berikan penchen ini saya berharap ikut-lah peratoran Kerajaan bagi dengan chara buku voucher penchen yang mana Ahli² Parlimen boleh dapatkan wang penchen-nya daripada pejabat² pos. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan menyatakan ini-lah mimpi kami sa-bahagian besar Ahli² Parlimen ini dan mimpi kami itu telah pun di-makbolkan oleh Tuhan dan kami sekalian mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Kerajaan, sudah selalu kita dengar Kerajaan ini demokratik kali ini kita dengar Government practices democracy in the true sense of the word. Jadi bukan-nya kepada ra'ayat jelata sahaja bahkan kepada kita sendiri. Terima kaseh sa-kali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini saya ada mendengar dari pihak Pembangkang ia-itu mereka mengatakan ada-lah tambahan ini barangkali khas-nya kepada DAP ada-lah sangat tidak menasabah, tidak di-terima oleh mereka itu. Kalau sa-kira-nya demikian berbangkit-lah satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, mereka itu katakan mereka itu tidak hendakkan wang ini, ada-kah pihak yang berkenaan khas-nya Menteri Kewangan menerima penolakan mereka itu dan wang itu di-balekkan pula kepada Perbendaharaan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, semua kita faham ada-lah elaun bagi Ahli² Yang Berhormat Ahli Parlimen ini di-kechualikan daripada chukai pendapatan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada-kah penchen ini pun di-kechualikan daripada chukai pendapatan.

Sekian sahaja, terima kaseh.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab satu dua perkara yang telah timbul di-Dewan ini.

Yang pertama berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara menyatakan sudah lambat membawa ka-mari Undang² saperti ini dan dia dahulu pun sudah lama, lama sangat, masa dia menjadi Ahli dahulu meminta Undang² saperti ini dibawa. Perkara saperti ini kita baharu lepas merdeka belum kita memikirkan Kerajaan yang bertanggung-jawab atas kepentingan² Ahli Yang Berhormat pada masa itu dan kita baharu sedang membangun memandangkan keadaan ra'ayat, pembangunan negara dan lain². Kerajaan masa itu mengutamakan dengan mengambil lebeh berat perkara, pembangunan pada ra'ayat dan lain². Jadi dengan

sebab itu pada masa itu Kerajaan telah pun menimbangkan tetapi masa yang di-fikirkan belum sampai masa-nya, ada-lah di-fikirkan bahawa sejak 12 tahun lebih kita merdeka memandang keadaan negeri ini mampu atau tidak membayar penchen kepada Ahli² Yang Berhormat baharu-lah di-fikirkan di-bawa ka-Dewan. Itu-lah satu daripada sebab kelewatan di-bawa. Terang dan nyata Kerajaan yang bertanggung-jawab dan menimbang segala²-nya sa-belum membawa sa-suatu perkara yang memberi faedah kepada Ahli² Yang Berhormat. Itu-lah sebab yang saya nampak satu daripada sebab kelewatan dalam perkara ini, bukan-lah oleh sebab kita mengekor Kerajaan saperti Singapura dan di-negeri lain dalam perkara ini.

Berkenaan dengan kuat-kuasa Undang² ini mulai daripada 1-1-1970 perkara ini telah di-timbangkan oleh Kerajaan dengan sadalam²-nya dan sedar ia-itu Ahli Yang Berhormat yang sa-belum bulan Januari, 1970 tidak akan mendapat faedah daripada Undang² ini.

Ahli Yang Berhormat menchadangkan pindaan buat tahun 1969 supaya dapat mereka itu menefa'at atau faedah. Apa fasal tahun 1969 mithal-nya kita fikirkan, mengapa-kah tidak pula tahun 1968, 1967, 1966, 1965 atau tahun 1957 atau lepas tahun 1957. Pada hal kalau Undang² ini sudah berjalan mulai daripada tahun 1957 kalau 3 tahun sa-kali pun Ahli Yang Berhormat pada masa itu menjadi Ahli Yang Berhormat dapat juga sa-kurang²-nya bonos 3 tahun, apa pula kata sa-orang Ahli Yang Berhormat yang telah berhenti tahun 1968, 1967, 1966. Kalau di-fikir macham ini, maka perkara ini arbitrary kata-nya dalam bahasa Inggeris. Jadi sudah di-fikirkan sa-halus²-nya ada-lah adil dan juga di-fikirkan tidak berat sangat tanggungan kepada Kerajaan dan sesuai juga ia-itu kita mulakan tarikh-nya itu tidak lebih dahulu kepada 1-1-1970, bagaimana juga Pindaan² Undang² dan juga kenaikan gaji dan lain² bagi ahli pentadbiran di-negeri ini.

Berkenaan dengan penchen berkhidmat sa-bagai Ahli Dewan, Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Negeri, Undang² ini ada menyatakan, jikalau sa-kira-nya sa-saorang itu telah berkhidmat di-Dewan Perundangan Negeri, maka boleh-lah di-champorkan lamanya jawatan itu kepada perkhidmat kepada Ahli Parlimen—yang itu tidak-lah hilang dan lain² lagi, tetapi dan juga Kerajaan

Negeri telah bersetuju pula ia-itu mana Yang Berhormat Ahli² Parlimen yang dahulu, tetapi masa ini pada 1-1-1970 menjadi pula Ahli Yang Berhormat kepada Dewan Negeri, maka Kerajaan Negeri semua-nya telah sanggup mengadakan dalam Undang² itu perkhidmatan itu supaya tidak-lah rugi mereka itu daripada mendapat penchen ini—di-kirakan semua-nya perkhidmatan daripada Negeri dan juga Federal tetapi di-bayar oleh Kerajaan Negeri masing².

Berkenaan dengan penchen dia menchadangkan bagi dua, 5 tahun Parlimen Kerajaan Federal bayar, baki Kerajaan Negeri—negeri bayar. Tetapi itu menyusahkan, kerana penchen ini sa-memang tanggung Kerajaan Federal semua. Tetapi kalau kita telah membuat satu Undang² membayar penchen kepada sa-orang Ahli Parlimen ini, walau pun dahulu-nya dia berkhidmat di-negeri, maka sudah sewajar-nya, patut dan adil pula Kerajaan Negeri mengadakan Undang² itu dan membayar penchen-nya kelak bagaimana kita buat, oleh itu tidak mustahak atas chadangan pindaan ini.

Tentang, sunggoh pun bukan saya patut-nya menjawab perkecualian chukai ini, saya fikir tidak menesabah permohonan kita meminta di-kecualikan chukai daripada penchen yang akan di-terima akan datang, kerana sama juga bagaimana penchen² bagi perkhidmatan awam tidak lepas daripada pendapatan chukai, saya fikir tidak dapat sebab mengapa penchen Ahli Parlimen, atau Menteri, atau Perdana Menteri yang ada yang di-terima pada masa ini lepas daripada chukai dan berlainan pula daripada orang² lain terutama-nya khas kakitangan Kerajaan sa-lama ini. Kerana lepas penchen itu tidak ada perkhidmatan lagi.

Saya fikir ini saya tidak perchaya Kerajaan bersetuju, saya tidak tahu-lah apa yang di-fikirkan oleh Menteri Kewangan, itu-lah yang saya dapat huraikan untuk jawapan kepada pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat. Terima kaseh.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, my Honourable friend, the Attorney-General, has dealt with many of the points raised by the two Honourable Members who spoke on the subject. However, one or two points have not been dealt with and I shall try to deal with them now.

The Honourable Member for Seberang Utara suggested that this scheme has been

brought in rather late. I would like, however, to remind him that Clause 13 of the Bill does provide that service on or after 31st August, 1957 is to be regarded as reckonable service. So those Honourable Members who were Members of Parliament on the 1st of January, 1970 have not lost anything by this Bill being enacted at this stage because their service since 31st August, 1957 (that is, since the day of Merdeka) will be taken into account in computing the pension and gratuity due to them.

In regard to the point raised by the Honourable Member for Larut Utara, the answer to his question is that both the pension and the gratuity are taxable. The pension, of course, like any other income, is earned income and it will be subject to income tax in the usual way. As for the gratuity, I would like to make it clear that as far as I can remember—I am speaking from memory—it will not be taxed in one lump sum. Let us assume that a Minister receives a gratuity of \$60,000. If he receives it in 1971, not the whole of the \$60,000 will be regarded as income for that year. If I am not mistaken, it will be divided into a number of years over which the gratuity is earned. Secondly, if I am not mistaken, I have at one stage ruled that any gratuity below a certain sum will not be taxable. So the net result of these rulings will be that, although a gratuity will be taxable, the incidence of tax will be far less than if the whole amount were regarded as income earned in one full year. So I think it is not as bad as it looks; and there is provision under the law for the Minister of Finance to grant specific exemptions, but at the moment it is not our intention to do that.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): (*Dengan izin*) Regarding this Pensions and Gratuities Scheme, how was the previous gratuity of, I think, about \$63,000 given to a former Minister calculated on the basis of this Bill that the House is now going to pass?

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, that point is covered by sub-clause (4) of Clause 7 of the Bill. In short, any amount paid previously as gratuity will be taken into account in computing the final gratuity due to any Minister who has received a gratuity previously.

Dr Tan Chee Khoon: Supposing the *ex gratia* payment made in the past is more than

the gratuity that is due to the Minister under this scheme, what happens?

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, that matter will not arise because when we provided those *ex gratia* payments in the past, they were far less than what is proposed now.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 14 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENCHEN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I beg to move that a Bill intituled "An Act to provide for the pension" and privileges of Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj upon his retirement from the office of Prime Minister of Malaysia" be read a second time.

Honourable Members are probably aware that this Bill is really a re-enactment of an Ordinance promulgated by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong last year on the retirement of our former Prime Minister, Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. That Ordinance provided, among other things, a pension of \$4,000 per month and a gratuity of \$200,000 for the Tunku. Further, he was also provided with a minimum of secretarial facilities and security personnel plus a fully furnished house and car to be maintained by the Government. All these things sound very generous but the Government feels that this is the least that we can do for our beloved Tunku. In fact, I firmly believe that if we cannot provide these facilities and benefits for all our ex-Prime Ministers, we really do not deserve to have a good Prime Minister.

It should be remembered that past Presidents of the United States and past British Prime Ministers are given facilities like secretarial assistance, security personnel, and so on. I have no doubt that other countries practising the democratic system of government provide comparable benefits and facilities for those who have held that supreme office. What we have done, therefore, is nothing unusual.

It should be unnecessary for me to add that it is most undignified for a former Prime Minister to scrounge around for directorships and things like these when he leaves office. It is not only that such conduct is unbecoming of a man who has held the highest political office in the land, such conduct would inevitably tarnish the image of that high office itself and even of the country. One, however, cannot blame an ex-Prime Minister for doing this, if he has to do this in order to keep alive. After all, being human, he has a stomach to fill, and he has his family and his near and dear ones to look after. I am, of course, aware that an ex-Prime Minister with private means does not have to resort to this sort of things, but let us remember that not all Prime Ministers are so lucky, and in any case, it is not right that only those with substantial private means should aspire to be Prime Minister. That office should be open to the best among us and not confined only to those who are rich.

I wish to repeat again that this is the least that we can do for the Tunku. His services to this country are unique. His name will live forever as his achievements are both towering and imperishable. It would be a very sad day indeed if we cannot even do this little bit for him and I, therefore, hope that this Bill will be passed with acclamation and will receive the blessing of the entire House. Last week, this House unanimously passed a resounding vote of gratitude and appreciation for the Tunku. The passing of this Bill in similar manner would be a concrete "Thank you" to a man without whom the former Federation of Malaya and now Malaysia would not be what it is today.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang² yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan baru² ini. Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti Gerakan, saya hendak memberi pandangan Parti Gerakan Ra'ayat Malaysia tentang Rang Undang² tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Tunku Abdul Rahman di-dalam sejarah Malaysia atau dalam Sejarah Malaya dahulu telah ditetapkan, tetapi Rang Undang² ini, mengikut Menteri Kewangan, jika saya boleh menggunakan bahasa Inggeris, Tuan Yang di-Pertua, may look a little generous.

Mr Speaker, Sir, I reiterate that the name of Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj is indelibly written in the annals of Malaysian history. His place, as I have said in Bahasa Malaysia, is assured in the history of Malaysia. His being "Bapa Malaya" and now "Bapa Malaysia" is accepted by all and sundry in this country. This House, I believe, last week passed with acclamation a Vote of Thanks to our former Prime Minister, and rightly so, Mr Speaker, Sir. Unfortunately my party cannot tag along with the Minister of Finance. I wish he were so generous as he is today when other people go to him for funds. Today he said that this is the least that we can do for our former Prime Minister, or indeed for any Prime Minister. Here Mr Speaker, Sir, I wish to take issue with him. In many countries, I agree with him, many ex-Prime Ministers or former Heads of States, like Presidents, do get things like secretarial assistance and the like. But I wish he would be able to point out to this House, when he winds up this debate, any ex-Prime Minister or ex-President who has such a generous tax-free gratuity to the sum of \$200,000. Mr Speaker, Sir, I just want to quote one example. It is generally agreed that Winston Churchill was undoubtedly one of the greatest Englishmen dead or alive. Winston Churchill was in the House of Commons for than 50 years and during World War II, more than any other Englishman—since William the Conqueror stepped on the shores of England in 1066—he had saved the British. More than Lloyd George in World War I, he alone stood between the Germans and the conquest of Britain and yet, Mr Speaker, Sir, the Minister of Finance knows very well that when Winston Churchill retired from politics, a grateful nation, and

the British are not that ungrateful, did not vote him such a large sum.

Mr Speaker, Sir, we are in agreement that this House and this country should compensate our former Prime Minister for the sacrifices that he has made for this nation. I also agree with the Minister of Finance that the nation should not see any former Prime Minister scrounging around for directorships the way we see some of our former Ministers also scrounge around for directorships. I am in agreement with him. The Minister of Finance knows very well that about four years ago this House passed a Bill specially to cater for the needs of the Prime Minister. At that time I pointed to him that the Bill was badly worded and that Bill accorded at that time to a retiring Prime Minister a sum of \$2,000 per month. It did not mention anything about gratuity.

Mr Speaker, Sir, the Gerakan feels that while it is in agreement with the Minister of Finance that this House or this nation should be grateful and should see that our former Prime Minister should not be in want is doesn't tag along with him with the quantum of either the gratuity or of the pension of \$4,000 a month. All the more so. Mr Speaker, Sir, when the Minister of Finance in his speech enunciated another principle, that indeed any Prime Minister should get these benefits. Now, it means that if the Alliance were to be in power for another decade or so, any other retiring Prime Minister, if he were to remain as Minister of Finance, would presumably get the same benefits. I shudder to think that we in this House have to go and explain to the ra'ayat jelata of this country, how come we can vote so generously \$200,000 tax-free gratuity and \$4,000 a month to any retiring Prime Minister? Now, the Minister of Finance knows that the per capita income in this country amounts to a little more than \$1,000 a year, but the ra'ayat in this country, as the Minister of Finance knows, earns far less than that by and large in the rural areas. They make do, presumably with about \$50 a month and here we have a Minister of Finance who gaily urges this House to give \$4,000 a month to our Prime Minister. I shall be very grateful if the Minister of Finance in winding up this debate will state categorically that these benefits that are laid down in this Bill will be confined only to our former Prime Minister and that any other Prime Minister will have to take his chance. After

all, we all come into politics knowing its calculated risks—we all know that. Today we may ride on the crest of a wave, tomorrow "Ta' hidup, ta' mati." This is the measure of gratefulness of the electorate. So we all have to take our chance, and I will be very grateful if he will tell this House that these benefits are confined only to the former Prime Minister.

Mr Speaker, Sir, there are other benefits, which to me at least and my party, we find it a little difficult to swallow—a furnished house, a government motorcar and driver, a secretary, a clerk-cum-stenographer, a security officer and an office boy. We all know that our former Prime Minister may well go to Jeddah, may well spend the best part of his retirement in Jeddah. If he does so, what is going to happen to the furnished residence? He presumably may be staying in this country for one or two months in a year? What is going to happen to the motorcar and the driver? What is going to happen to the secretary, the stenographer, the security officer and the office boy? All these will have to be provided at the expense of the heavy laden tax-payers in this country.

Therefore, Mr Speaker, Sir, before I close my speech, I reiterate that the Gerakan is not against providing benefits for our former Prime Minister. The Gerakan is in complete agreement with the Minister of Finance that our former Prime Minister, or indeed any future Prime Minister who lays down his high office, should not scrounge around for directorships, but the Gerakan is certainly not happy and is against such generous benefits as laid down in this Bill. Thank you.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi. Saya tidak bersetuju dengan pendapat rakan sejawat saya Ahli Yang Berhormat dari Batu yang telah memuji² bekas Perdana Menteri kita tetapi dalam masalah memberikan kemudahan kewangan peruntokan dalam Bill ini dia tidak berapa setuju. Menurut hemah saya, Dato' Yang di-Pertua, kemudahan yang di-dapati oleh Yang Teramat Mulia Tunku dalam Bill ini lebih banyak yang di-dapati oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tentang kemudahan, punya sara hidup-nya, penchen-nya, harta-nya lebih daripada Perdana Menteri.

Ahli Yang Berhormat dari Batu chuma Ahli Dewan Ra'ayat atau sa-bagai doktor. Tetapi Yang Teramat Mulia Tunku Bapa Malaysia kata-nya, bapa Malaya kata-nya dan juga Perdana Menteri kita. Jadi pendapat rakan sejawat saya Ahli dari Batu itu saya tidak bersetuju dan ra'ayat juga tidak bersetuju.

Dato' Yang di-Pertua, dalam saya menyokong Rang Undang² ini gemar saya memberi alasan² bahawa peruntukan yang di-tentukan dalam Akta ini menurut hemah saya tidak boleh di-nilaikan dengan perkhidmatan dan pengorbanan yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Tunku Abdul Rahman kapada ra'ayat di-negeri ini, ia-itu melepaskan negara ini daripada belanggu penjajahan kapada kemerdekaan kita. Apa-tah lagi lepas kita mendapat kemerdekaan tidak juga, dengan tidak ada bertumpah darah dan beberapa ranchangan yang mendatangkan ra'ayat ini kapada kemaamoran, kemewahan yang sentiasa di-buat. Sa-lain daripada itu, Dato' Yang di-Pertua, sa-lama 15 tahun Yang Berhormat Tunku mengetuai Kerajaan ini dapat di-perhatikan oleh ra'ayat dengan jelas dan terang, maka kuasa yang ada pada-nya itu tidak sama sa-kali di-pentingkan untuk faedah diri-nya. Kalau Yang Berhormat Tunku Abdul Rahman menggunakan kuasa Perdana Menteri itu hendak menjadi jutawan, dia boleh buat bagaimana yang di-buat oleh sa-tengah² negara dalam dunia ini, tetapi Tunku tidak berbuat begitu. Jelas di-lihat oleh ra'ayat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Batu. Oleh itu ra'ayat seluroh-nya memberikan kerelaan dan ikhlas untuk mengeluarkan khazanah negara kerana peruntukan sa-bagaimana dalam Akta ini.

Dato' Yang di-Pertua, akhir-nya alasan yang saya hendak berikan peruntukan dan kemudahan yang dalam Akta ini yang akan di-luluskan berarti beliau bukan di-per-sarakan. Beliau sendiri sa-balek-nya meletakkan jawatan dan menunjukkan sa-orang sahabat karib-nya tokoh yang terpenting dalam negara kita ini, ia-itu Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein Al-Haj, menggantikan tempat-nya sa-bagai Perdana Menteri. Jadi, hal yang bagini, Dato' Yang di-Pertua, sangat sesuai-lah peruntukan yang di-minta oleh Akta ini.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua, saya mengeshorkan Akta ini supaya di-kekalkan tiap² Perdana Menteri Malaysia yang berkhidmat tiga kali hendak-lah di-beri sa-umpama yang di-berikan Yang Teramat

Mulia Tunku demi menghargai jasa-nya kapada memberi kemaamoran ra'ayat dalam negeri ini. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong Akta ini bukan sahaja sa-bagai saya sa-orang Ahli Parti, kerana Yang Teramat Mulia Tunku bekas Perdana Menteri Parti saya dan Kerajaan Malaysia, tetapi sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat, saya berhak berchakap sapatah dua dalam masalah Akta ini.

Dato' Yang di-Pertua, kita harus tenang dalam masa kita hendak meluluskan Akta ini. Ketenangan kita ia-lah menunjukkan kesabaran dan kejujoran kita dalam kita memikirkan semua masalah. \$200,000 ada-lah sa-bahagian kecil bilangan wang. Tetapi perkara yang kita patut timbangkan bagaimana sa-orang Perdana Menteri yang muncul pada satu ketika menjadi Perdana Menteri memimpin negara ini dalam keadaan suasana kenchah politik yang sangat² kemelajuan, sangat² kechinaan dan sangat² keindiaan pada waktu itu. Masih tidak ada orang yang mengaku diri-nya orang Malaysia dan tidak banyak orang Melayu yang mahu mengaku dan menerima orang bukan Melayu sa-bagai ra'ayat negeri ini. Tetapi dengan bijaksana Yang Teramat Mulia Tunku dapat menyesuaikan fikiran-nya dengan kehendak negara dapat melembutkan perasaan yang tegang supaya menjadi satu kenyataan bahawa ra'ayat dalam negeri ini dari berbilang kaum ada-lah ra'ayat Malaysia maka dengan pimpinan beliau bukan sahaja dapat di-terima fikiran itu tetapi dapat di-buktikan sa-hingga hari ini.

Dato' Yang di-Pertua, pada hari ini sa-bagaimana kita tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan negara kita berubah dari sa-tingkat ka-satingkat, dari masa ka-samasa dengan kemajuan yang lebeh pesat, kita dapat membuat, menyambut dan menerima saudara² kita daripada Sabah dan Sarawak masuk ka-Malaysia menjadi sa-buah negara yang besar dalam lingkungan persaudaraan kita sendiri. Ini semua di-atas kebijaksanaan Yang Teramat Mulia Tunku. Sa-bagaimana yang kita tahu pada masa mula² hendak mendapatkan negeri ini merdeka Tunku bukan sahaja hilang darjah pangkat-nya, tetapi hilang kekayaan dan harta benda-nya kerana tujuan hendak mendapatkan negeri ini. Saya masih ingat dalam satu renchana dalam sa-buah majalah

bahawa Tunku pernah menchuchi kereta-nya sendiri pada masa memimpin Parti Kebangsaan Melayu Bersatu di-Johor Bahru, tetapi dengan hasrat hendak merdekakan negeri ini, maka dia berbuat demikian tidak lain dan tidak bukan ia-lah kerana keikhlasan-nya kepada negeri ini. Sa-bagai ra'ayat dalam sa-buah negara Malaysia ini yang berbilang bangsa, berbilang kaum, lebeh² lagi kita sa-bagai pemimpin dalam negara ini patut meninjau jauh, memikirkan budi baik khidmat sa-saorang itu dengan kita tidak meninjau sa-banyak mana yang kita beri.

Dato' Yang di-Pertua, pada satu ketika dahulu Kuala Lumpur ini terkenal dengan sa-buah bandar penoh dengan belukar, munchul-lah sa-orang orang bukan Melayu, ia-itu orang China yang bernama Captain Yap Ah Loy bersama² memberi fikiran pada masa itu kapada British membuka bandar Kuala Lumpur ini menjadi sa-buah bandar yang besar hingga hari ini 80 tahun kemudian ra'ayat dalam negeri ini terutama dalam masharakat China mengenal khidmat, jasa, tinggi fikiran Captain Yap Ah Loy ini. Dan pada hari ini kita sama² memikirkan bahawa Tunku telah bersara dan pada hari ini pun sudah berumur masuk ka-bilangan tujuh puluhan bahawasa-nya dunia ini agak saya sudah pendek bagi-nya. Tidak-lah saya mendo'akan bahawa dia akan dulu dari kita, tetapi dalam kajian kesihatan tuboh manusia, walau pun saya bukan sa-orang doktor, bagi sa-orang Asia ini tidak lebeh daripada 80 tahun umur-nya. Tetapi masuk ka-umur-nya ka-75 segala tenaga yang ada pada-nya telah lemah. Apa-kah lagi pada hari ini Tunku sendiri pun sudah pun hampir umur 69 tahun. Tidak-kah kita beri sekian banyak benda yang kita beri, sa-buah kereta dengan sa-orang drebar, sa-orang secretary, rumah dan sadikit penchen. Ini bagi satu penghormatan mulia kapada sa-orang bapa penganjor kita.

Saya tidak mengatakan bahawasa-nya perkara yang di-buat oleh atau yang di-sebut dalam Bill ini melebehi dan saya mungkin tidak bersetuju dengan nasehat sahabat saya ini supaya barang siapa menjadi tiga kali Perdana Menteri akan di-kekalkan ini. Biarlah orang yang akan datang akan menentukan, tetapi apa yang kita hadapi sekarang ini ia-lah Akta ini sahaja khusus kapada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman bagi mendapat ganjaran yang tersebut. Saya fikir dengan kita memuji bersama² dalam Dewan ini, dari apa parti pun, bukan sahaja

Gerakan, tetapi juga D.A.P., S.N.A.P. dan lain², memuji usaha Tunku, menghormati jasa-nya. Ada-kah dengan nilai \$200,000 yang kita berikan ini, yang akan kita berikan ini sudah menjadi sa-balek-nya daripada apa yang kita ucapkan. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, semua Dewan ini bangun, menguchapkan terima kaseh, apa yang patut ini, bayaran \$200,000 ini tidak chukup bagi sa-orang bekas Perdana Menteri yang telah berjasa kapada negara kita ini dan suara inilah yang saya kehendaki, kalau ada.

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja ini, rumah Residency itu pun sendiri patut kita jadikan Sekolah Gambar, Sekolah Gambar bagi rumah ini dan tempat ini akan menjadi tempat-nya sa-lama memerintah negeri ini dan kita kehendaki katil-nya di-London, pada masa dia memikirkan masaalah pemisahan Singapura, pada masa dia terbaring di-London, patut katil itu di-bawa ka-Sekolah Gambar kita. Patut batang pen yang menanda-tangani kemerdekaan tanah-ayer kita di-jadikan lagi sebab perkara ini akan berlalu, bila sa-saorang akan tidak lagi dalam negara dan dunia ini. Benda ini akan hilang. Jadi, sa-belum benda ini hilang, ada baik-nya saya menchadangkan kapada Kerajaan mengkaji semula supaya Residency itu sendiri di-jadikan Sekolah Gambar dan tugu yang ada di-hadapan ini pun patut di-pindahkan kasana supaya menambahkan lagi kapada ingatan kita, kaseh mesera kita, kapada khidmat oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra. Jadi, saya rasa chukop dahulu, Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan rasa penoh hati atas khidmat Tunku, bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra maka saya rasa Bill ini saya menyokong dengan penoh hati. Terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk turut memberi pandangan dalam meluluskan Rang Undang² yang memberi penchen dan keistimewaan kapada Yang Teramat Mulia Tunku, bekas Perdana Menteri. Dato' Yang di-Pertua, saya setuju bahawa sa-sunggoh-nya bekas Perdana Menteri kita ini ada-lah sa-orang yang telah pun berjaya membena ra'ayat negeri ini ka-araf kesatuan dan ka-araf muhibbah dan memberi kedudukan sistem demokrasi yang sa-baik²-nya di-sabelah rantau ini.

Jadi, Dato' Yang di-Pertua, maka untuk memberi penchen kapada Yang Teramat

Mulia Tunku itu ada-lah munasabah, sesuai dengan kehendak² kita yang kita buat, yang kita luluskan beberapa sa'at yang lalu. Yang menimbulkan persoalan, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah tentang beberapa hak² keistimewaan yang di-berikan kepada bekas Perdana Menteri itu seperti di-beri sa-buah rumah, di-beri sa-buah motokar, di-beri Juru Trengkas, Pegawai Keselamatan dan sa-bagai-nya, yang menambahkan beban yang chukop banyak terhadap negeri ini untuk membiayai belanja² itu, sedangkan kita tahu bahawa beliau telah pun penchen, sudah berishtirihat, berehat. Apa guna-nya lagi rumah, motokar dan sa-bagai-nya, yang sa-olah² satu pejabat, sa-olah satu pejabat untuk bekas Perdana Menteri kita ini, sedangkan beliau, kita rasa bahawa dalam keadaan tenteram hidup, buat ibadat sa-tiap masa. Pergi Jeddah, balek. Kemudian berishtirihat di-Mekah, pergi mengambil Haji dan sa-bagai-nya. Jadi, pejabat yang hendak di-adakan ini untuk bekas Perdana Menteri ini ada-lah tidak munasabah dan tidak sesuai, di-tambah pula dengan belanja² yang banyak, yang di-bebankan oleh ra'ayat di-dalam negeri ini.

Jadi, saya, Tuan Yang di-Pertua, memandang bahawa perkara ini ada-lah perkara yang tidak perlu, tetapi sa-balek-nya amat perlu Kerajaan hari ini menubuhkan satu yayasan untuk mengenangkan jasa Yang Teramat Mulia Tunku sa-bagai pemimpin negara ini dan yang kita kenalkan bahawa Tunku sa-orang yang suka dan bergantong kepada Agama Islam hatta beliau telah di-lantek menjadi Setiausaha Islam sa-Dunia yang berpusat di-Jeddah maka alang-kah baik, Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan yayasan Ugama untuk membiayai pelajaran ugama dan perkembangan ugama di-negeri ini dengan nama yayasan atau pun Badan untuk mengenangkan jasa Tunku.

Jadi, saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mengingatkan jasa Tunku dengan sa-bagaimana kata sa-orang kawan kita tadi, wakil daripada Lipis, mengadakan patong begitu bagini. Jadi, perkara itu perkara yang tidak baik, yang tidak bagus dengan sa'at zaman ini, sebab mengadakan patong, mengadakan sekolah gambar untuk Tunku, mengadakan sekolah yang telah lama, macham, saya minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua, baik macham zaman² sa-belum berkemajuan ini mengadakan patong² yang sudah tidak guna lagi. Sekarang ini kita mahukan benda yang berguna, yang

betul² berhasil. Kita ingat Tungku ia-lah mengadakan, yang dapat di-rasai, satu benda yang dapat di-rasai oleh seluroh ra'ayat bukan hendak tengok sahaja, dapat tengok sahaja macham patong itu tidak ada guna maka saya chadangkan kita mengadakan yayasan untuk pelajaran ugama yang tinggi bagi mengenang jasa Yang Teramat Mulia Tunku. Sekian terima kaseh.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memperkatakan sa-patah dua berkenaan dengan Akta Penchen dan Memberikan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tolong chakap kuat sedikit Yang Berhormat supaya dapat di-dengar.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Saraan kepada bekas Perdana Menteri kita. Tuan Yang di-Pertua, ada-nya Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penchen dan keistimewaan bagi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman ini, saya rasa kita letakkan kedudukan yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman ini di-dalam satu keadaan yang serba salah. Tidak di-terima rezeki datang menggolek. Di-terima akan menjadi-lah satu chachatan kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang sa-lama ini kita sanjong dan kita junjong.

Tuan Yang di-Pertua, \$200,000 saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Lipis, ada-lah kechil. Dengan \$200,000 ini, Tuan Yang di-Pertua, saya agak tidak dapat kita menukarkan jasa baik Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman bagi negara kita dan saya berbangga dan saya takut dengan ujud-nya kita memperuntukkan \$200,000 sa-bagai ganjaran kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman akan hilang-lah sifat dan akan hilang-lah apa yang telah di-buat dan telah di-tunjukkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman terhadap perjuangan politik-nya, terhadap negara kita ini.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, dan seluroh negara tahu bahawa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman ini pernah menjualkan harta-benda-nya dan menjualkan kota²-nya di-negeri Kedah untuk perjuangan, untuk menunjukkan keikhlasan dan untuk menunjukkan dan untuk berkorban untuk kepentingan negara, bangsa dan tanah ayer dan apa yang saya takutkan dengan \$200,000 akan hilang-lah, akan timbul-lah pada satu

hari bahawa Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman ini akan di-katakan sa-bagai sa-orang yang berfahaman kapada kewangan yang telah di-berikan kapada-nya. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah perkara ini di-tanya dan jikalau kita bisikkan, hati Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, saya agak benda ini kata-nya biarlah dahulu kerana ini tidak-lah sanggup Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, menerima-nya dan itu-lah sa-patah dua yang dapat saya kemukakan kapada Dewan ini bersangkut paut dengan Rang Undang² ini. Sekian, terima kaseh.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian bersama memberi sokongan kapada Rang Undang² yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sa-bentar tadi. Saya perchaya sa-bagai sa-orang bekas Perdana Menteri yang banyak mempunyai jasa kapada negara dan ra'ayat dengan mengorbankan masa dan tenaga serta memberi khidmat yang chemerlang hingga negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan kemudian berusaha membebaskan negara tetangga sa-perti Singapura, Sabah dan Sarawak dari belenggu penjajahan hingga terbentuk-nya Malaysia hingga di-beri gelaran Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, sudah sepatut mendapat penghargaan ra'ayat. Sa-bagai penghargaan ra'ayat seluruh-nya terhadap khidmat yang chemerlang itu saya perchaya tiap² sa-orang yang sedar akan hakikat ini tidak ragu² memberi sokongan sa-penoh-nya kapada Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, kerana kemudahan dan pemberian yang terchatit di-dalam Bil ini tidak sa-besar mana, jika di-bandingkan dengan khidmat² dan pengorbanan yang telah di-beri oleh Tunku lebeh daripada empat belas tahun sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh Menteri yang telah mengemukakan Bil tadi.

Di-luar negeri nama Tunku juga harum dan sa-bagaimana yang telah di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang telah beruchap terdahulu daripada saya tadi, Tunku telah mendapat kepercayaan di-negara² Islam sa-hingga beliau di-lantek menjadi Setiausaha Agong Secretariat Islam sa-Dunia.

Saya maseh teringat dalam tahun 1960 di-mana Tunku sa-bagai Perdana Menteri Malaysia telah menghadhiri satu persidangan di-London, ia-itu persidangan Menteri² Ko-

manwel, Tunku telah menyuarakan tentang penentangan-nya atas dasar apartheid yang di-jalankan di-Afrika Selatan dan perkara ini telah mendapat tempat istimewa dalam surat² khabar di-Afrika dan di-Timor Tengah. Kita tidak nafikan bahawa ada Ketua² Negara yang dalam lengkongan Negara² Komanwel yang menyuarakan tentangan sa-umpama itu, tetapi keberanian Tunku sa-bagai sa-orang pemimpin yang baharu sahaja negara mencapai kemerdekaan belum lagi sampai lima tahun telah berani menyuarakan suara itu dan memberikan pendapat-nya dengan tegas dan berani, maka oleh sebab itu-lah penghargaan atas sifat²-nya yang ada pada Tunku bukan sahaja mendapat pujian dari ra'ayat negara kita bahkan dari seluruh ra'ayat atau pun pemimpin² dari luar negeri.

Untuk kenangan khidmat-nya yang chemerlang ini dan ingatan kapada jenerasi yang akan datang, saya shorkan ia-itu Khutub Khanah Negara yang telah di-ura²kan oleh Kerajaan akan di-tubuhkan itu hendak-lah di-beri nama Khutub Khanah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kerana sa-bagaimana yang kita tahu pada masa ini sa-bagai mengenangkan jasa² Tunku telah ada beberapa Dewan di-ambil sempena dengan nama Tunku, ia-itu Dewan Tunku Abdul Rahman, Dewan Tunku Chancellor dan juga Yayasan Tunku Abdul Rahman sa-bagaimana yang di-suarakan oleh Ahli dari Dungun yang beruchap sekejap tadi. Jadi Yayasan Tunku dan Dewan Tunku ini bagi kumpulan² yang tertentu sahaja, tetapi jika di-beri sa-buah khutub khanah yang di-beri dengan nama Tunku, saya perchaya sa-genap lapisan ra'ayat akan dapat datang menatap segala perbendaharaan yang ada dalam khutub khanah itu tidak terhad kapada satu² gulongan, atau pun kapada yang terpelajar sahaja bahkan kapada tiap² sa-orang yang ingin menatap apa sahaja yang ada di-khutub khanah. Itu-lah sahaja saya kemukakan pandangan saya dan sa-kali lagi saya memberi sokongan atas Rang Undang² ini.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib (Sungai Patani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta bagi membuat peruntukan berkenaan Penchen dan Keistimewaan bagi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud hendak membangkitkan jasa² Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra

Al-Haj dalam sidang Dewan ini, kerana Ahli² Dewan yang mulia ini telah pun tahu, telah pun banyak di-chakapkan berkenaan dengan jasa² Yang Teramat Mulia itu. Hanya Tuan Yang di-Pertua, saya minta ma'af kerana dalam saya menong tadi, saya mencari perkataan² yang baik, ta' dapat juga, jadi terpaksa-lah saya menggunakan perkataan ini kepada Parti Gerakan sa-bagai parti hypocrite, atau munafik, kerana bila saya menengok keadaan parti Gerakan di-Pulau Pinang semenjak Tunku ini berpenchen, dan tinggal di-sana melalui surat khabar, talivishen, perjumpaan ramai dan macham², macham² mengampu Tunku ini. Kita tengok Menteri Gerakan di-Pulau Pinang mengadakan jamuan itu, jamuan ini, dan menyerahkan Kunchi Bandar Raya Pulau Pinang hingga termuak malahan tidak ada pula Kerajaan Negeri Perikatan sendiri membuat sampai begitu mulia kepada Tunku hingga saya dengar, Tuan Yang di-Pertua

Dr Tan Chee Khoon: Untuk penjelasan, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ada-kah apa yang di-buat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi Kunchi Bandar Raya di-Pulau Pinang, ada-kah salah perbuatan itu atau tidak?

Tuan Azahari bin Mohd. Taib: Tidak salah, Yang di-Pertua, itu-lah hypocrite saya kata.

Jadi kadang² hingga bangkit pula orang tua ini kechil hati pula kepada Kerajaan Negeri Perikatan sendiri. Pada hari pada masa kita membinchangkan penchen Ahli² Parlimen, Ahli Yang Berhormat dari Batu itu diam sahaja tidak berchakap, kerana keputusan itu untuk dia sendiri, tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, bila kita membinchangkan masalah ini termasuklah Ahli dari Batu itu datang tergesa² dudok dan bangun menentang. Sikap yang ditunjukkan oleh Perikatan pada hari² yang lepas tentang kepujian yang di-berikan kepada Tunku, sikap yang saya tengok Kerajaan Parti Gerakan di-Pulau Pinang dengan sikap ucapan Batu itu, itu-lah hypocrite yang saya sebutkan, ma'af, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah fikir lain dari hypocrite saya tidak boleh chari. Bagaimana pun saya sangat berharap ta' usah-lah kita membahathkan masalah ini banyak² dalam masalah ini membangkit²kan jasa² sa-bagai

Bapa Malaysia dan sa-bagai-nya, tetapi saya ingin menutupkan ucapan saya, bangsa yang pandai mengenang jasa pemimpin-nya itu-lah yang akan menjadi bangsa yang besar. Terima kaseh.

Tuan Haji Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya berchakap sa-patah dua mengenai dengan Rang Undang² ini. Rang Undang² yang di-bentangkan di-hadapan kita sakelian pada hari ini, saya berpendapat tidak ada mana² pehak yang akan berchakap membangkang, kechuali Ahli dari Batu-lah barangkali sa-orang sahaja, itu pun membangkang-nya sa-chara ta' langsung-lah, sa-chara langsung-nya dia menyokong. Kapada saya di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak bangun berdiri di-sini pun memang saya menyokong, tetapi oleh kerana saya berpendapat kedudukan Yang Teramat Mulia Tunku, waktu Yang Teramat Mulia Tunku melawat ka-Besut kira² 5 tahun dahulu ada sa-tengah² pehak yang telah memberikan sambutan yang agak kurang manis maka saya bimbang takut kalau² dengan peristiwa yang berlaku kira² 5 tahun dahulu di-fahami oleh Yang Teramat Mulia Tunku bahawa wakil-nya yang ada dalam Dewan sekarang ini pun sama dengan gulungan yang melakukan peristiwa itu. Jadi dengan sebab itu-lah saya yang dudok dikerusi Besut pada hari ini ingin menerangkan di-dalam Dewan yang mulia ini, Dato' Yang di-Pertua, bahawa orang Besut, ra'ayat Besut yang dahulu-nya membuat sedikit kachau dalam masa lawatan Yang Teramat Mulia Tunku sekarang ini hanya-lah merupakan gulungan yang paling kechil sahaja yang ada di-sana dan dengan sebab itu-lah saya boleh berada dalam Dewan ini sekarang ini dan saya ingin mengatakan bahawa semua orang ada-lah menyokong dengan sa-penohnya di-atas Rang Undang² ini. Kapada saya masalah di-sediakan sa-orang Setiausaha, sa-orang kerani merangkap Jurutrengkas, sa-orang Pegawai Keselamatan tidak-lah menjadi apa² masalah saperti yang di-timbulkan oleh wakil Dungun kerana saya faham bagi Yang Teramat Mulia Tunku sa-bagai sa-orang yang pernah berjasa kapada negeri ini dan tidak ada tolok banding-nya tentu-lah walau dalam masa dia bersara sekali pun dia ingin lagi meneruskan khidmat baktinya kapada negara ini dengan sebab itu perlu juga di-beri kapada-nya sa-orang Setiausaha, sa-orang kerani, sa-orang jurutrengkas dan juga rumah kediaman rasmi

juga sa-buah motokar supaya beliau juga dapat meneruskan kerja² bakti walau pun sudah bersara. Sekian, Dato' Yang di-Pertua.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya sa-patut-nya tidak payah berchakap, tetapi oleh kerana terlanjur Ahli Yang Berhormat rakan saya dari Batu tadi berchakap dan membandingkan tentang Churchill 50 tahun dalam Dewan Ra'ayat di-sana, Tunku ada 15 tahun dan yang lain² \$200,000 terlampau banyak, saya minta-lah kapada Ahli Yang Berhormat dari Batu dan mana²-lah yang hendak berchakap kira-nya kita sudah bertepok menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan sa-tinggi² terima kaseh kapada Yang Teramat Mulia Tunku sa-bagai bekas Perdana Menteri kita atas jasa² baik sa-hinggakan muhibbah yang beliau sendiri mengorbankan hampir 22 bulan sa-belum kembali daripada Parli-men ini kalau tidak dengan jasa beliau dan rakan² yang ada, Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin, Yang Berhormat Tun Sambantan dan lain² lagi tentu-lah kita tidak boleh bersidang dengan chara aman pada petang ini. Maka kita telah bersetuju pada dasar-nya perkara \$200,000; \$100,000 ini tidak usah di-bangkit² kerana sudah perjuangan negara, perjuangan bangsa, belum ada dalam dunia ini sa-orang Tuhan yang telah bagi kele-behan—Churchill walau pun 50 tahun dia tidak merdekakan United Kingdom atau Britain, tetapi Tunku bukan sahaja dengan rakan²-nya, dengan sokongan ra'ayat telah memerdekakan Tanah Melayu kita, Malaya dahulu yang saya ingat betul pemuda menubuhkan tarikh dalam permohonan pemuda yang menetapkan tarikh 31hb Ogos, 1957, di-mana waktu itu Ahli Yang Berhormat dari Batu, dan semua Gerakan belum timbul lagi—sudah pun mereka. Ahli Yang Berhormat dari Muar Tenggara dia beri saya Songkok Merdeka, segala² merdeka dan Tunku jadi Bapa Merdeka, Bapa Malaya.

Di-dalam 6 tahun yang lepas, ia-itu tahun 1957, dan tahun 1963 di-mana ada dalam dunia ini sa-orang Perdana Menteri yang menghapuskan penjajahan dengan tidak menumpahkan darah satitek pun jatuh ka-bumi. Tahun 1963, 6 tahun kemudian sa-belum itu 3 tahun kemudian tamat dharurat dengan keperchayaan ra'ayat kapada Bapa Merdeka kita Bapa Malaya kita menyokong penoh kapada Kerajaan.

Enam tahun kemudian ia-itu tahun 1963 lahir-lah satu lagi merdeka bagi Malaysia,

Bapa Malaysia. Mana ada dunia Churchill ada melahirkan dua kali merdeka? Maka kalau dengan ini dua kali merdeka ke-dudukan Yang Teramat Mulia Tunku ada-lah istimewa, kalau pun ada sa-orang Perdana Menteri Malaysia yang memerdekakan dua kali dalam tempoh 6 tahun—ya, ini istimewa, sebab itu bukan-lah boleh di-bandingkan dengan \$200,000 kalau satu juta ringgit pun ta' ada soal pokok dalam soal ini. Maka ini-lah sahaja yang saya hendak sampaikan hasrat yang kita patut meng-uchapkan sa-tinggi² terima kaseh dan sa-tinggi² tahniah atas pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku dengan jujur, dengan ikhlas, dengan izin Tuhan sampai kapada dua kali merdeka dan dia-lah Perdana Menteri dan pejuang merdeka dahulu. Ini dengan izin Tuhan, bukan takbur, terima kaseh.

Tun V. T. Sambanthan: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in all my 16 years as a Member of the Legislative Council and later Member of Parliament, it has never been my misfortune to have heard as mean a speech as that of the Member for Batu. We meet here, Sir, to-day to sanction this amount for a man who has been gifted with the capacity of obtaining freedom for this nation—this nation which earlier was the Federation of Malaya, and this nation which later, through his endeavour, obtained freedom for Sabah, Sarawak and Singapore. These have been historic times. He set to himself the task, the impossible task it would appear in 1955, of bringing the people of this nation of various races together and to present to the British a united front. This man who from the time he became the leader of the UMNO cared not for his private property, who sold house after house given to him by his mother who had since passed away, and who regardless of the selling of this fortune that he had, had only one idea in the front of his mind, that of getting the freedom of this nation. To him money did not matter and yet to-day, Sir, when he has retired, and he is past 68, what do we do, except to have the misfortune of one voice raised against this measure of gratitude that we show to that great man who is not just "Bapa Malaysia" but "Bapa Negara". He is, indeed, the father of the Nation. History will record to the eternal damnation of the Gerakan Party and of the Member for Batu, that he had the meanness to oppose this measure. I shall not say more, Sir.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada jasa Yang Teramat Mulia Tunku kepada negara dan ra'ayat Malaysia, apa yang di-peruntukan dalam Rang Undang² ini pada pendapat saya tidak-lah boleh di-fikirkan dapat membalas walau pun di-kirakan 1% pun daripada jasa²-nya yang telah di-tunjokkan kepada negara dan ra'ayat Malaysia, jasa abadi yang tidak lupa akan tawarikh negeri ini. Kalau kita bandingkan pula dengan sebab dapat-nya negeri ini merdeka, apa yang di-peruntukan dalam undang² dengan ada-nya sa-tengah² orang semenjak tahun 1957 semenjak Perlembagaan ada yang dapat milion² keuntungan yang tidak berjasa langsung melainkan mengambil kesempatan dengan sebab jasa Tunku itu bagi mendapat kemerdekaan kita kalau di-bandingkan dengan apa yang di-untokkan dalam Rang Undang² ini. Nampak sa-kali pandang besar bunyi-nya \$200,000 dan \$4,000 sa-bulan. Chuba kita pandang halus² \$4,000 sebab itu tidak kechuali daripada chukai pendapatan? Itu berma'ana \$4,000 yang betul dia terima \$2,000 lebeh sahaja sa-lepas ditolak chukai pendapatan dan pula \$200,000 betul² lepas daripada chukai. Kalau-lah dibeli-nya buat rumah dua buah dapat \$2,000 sa-bulan, \$2,000 itu tidak boleh lepas daripada chukai pendapatan. Dalam 40% kena chukai pendapatan dapat \$1,000 lebeh, kalau di-champur semua-nya chuma \$3,000 lebeh sahaja, daripada \$200,000 dan yang \$4,000. Ini-kah kita yang fikirkan besar sangat yang di-berikan kepada Yang Teramat Mulia Tunku memandangkan kepada tanggungjawab-nya, keluarga-nya yang berapa besar dan murah-hati-nya, mengambil banyak anak angkat yang di-kasehi-nya anak-nya. Kalau pun terlebeh sa-kali pun biar-lah Yang Teramat Mulia Tunku itu yang sa-memang suka berbesar hati memberi sedekah amal jariah kapada-nya. Itu yang saya nampak pada hari ini, kita sebut bunyi sahaja \$200,000 dan \$4,000.

Sa-benar-nya ta' sa-berapa banyak, kerana bekal-nya ini semua tidak lepas daripada peruntukan ini. Pandangan-lah dia dari segi ini pula, kita hendak menjaga maruah bekas Perdana Menteri, Bapa Malaysia dia sa-lepas bersara ini kus semangat kalau hendak berniaga atau hendak menjadi mithal-nya director² kompani, masing² sedia sahaja hendak menggunakan kesempatan, tetapi Tunku tidak sa-kali² mengambil kesempatan itu

memandang segala² menjaga dan menjaga maruah-nya dan memberi kesenangan kapada-nya yang tidak berapa lama lagi, Allah panjangkan umur-nya, ini-lah yang kita beri sa-bagaimana yang saya kata tadi, kalau dipandang kepada segi yang lain tidak pun 1% daripada apa yang sa-patut kita beri kapada-nya. Itu-lah ucapan saya.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I must admit that I was rather sad to hear the speech of the Honourable Member for Batu. I agree with my colleagues on this side of the House that that was a very unfortunate speech indeed. The Honourable Member suggests that a sum of \$200,000 as gratuity is too much. As my colleagues who had previously spoken have pointed out, even Churchill perhaps cannot be compared with the Tunku because unlike Churchill, Tunku founded a nation—that is the difference—and we have made it clear that this Bill is especially meant for the Tunku. Now, even in terms of money, it is not too much, I suggest, because probably the Honourable Member for Batu is not aware that in 1918, more than fifty years ago, the British paid a sum of £100,000 to the late Mr David Lloyd George for his services as Prime Minister of Britain during the War and £100,000 again is worth nearly a million dollars even today. But in terms of purchasing power, £100,000 in 1918 was worth far more than today, and that was paid to Mr David Lloyd George for his leadership of Britain during the First World War. I cannot remember what was paid to the late Winston Churchill, but I feel he might have got less or nothing for the simple reason that when he retired he was a comparatively wealthy man as a result of the royalties which he received for the numerous books which he wrote, whereas our Tunku probably is not quite in the same happy position. Further, this sum of \$200,000 even in the context of Malaysia is not too much, because unlike the Honourable Member, I know that business executives, at least one or two, have received this sum as bonus for one year, and not for a lifetime of service.

The Honourable Member for Batu asks what will happen to the house which the Government has provided for him. The Tunku, in fact, has already given notice to me and I think to the Honourable Prime Minister that he might not need the house when he goes to Jeddah and he told us that in such circumstances the Government can take it

back or the Government can use it as a guest house for VIPs visiting Kuala Lumpur. So I think that house will not be wasted because after all it is a Government house. I would like to make it clear that the house is not given to the Tunku. It is only provided for his use during his lifetime. Of course, that house is furnished, it has got servants and so on, but that will not be wasted because we can use it later for other purposes. I think that is all I have to say and I hope, Sir, that this House will give the Bill the support which it thoroughly deserves.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) MAHKAMAH

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bernama Akta (Pindaan) Mahkamah

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, Rang Undang² nombor berapa?

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: 12/71.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambong.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang² yang bernama Akta (Pindaan) Mahkamah tahun 1971 di-bachakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di-bahathkan.

Menurut kuasa² dharurat, Yang di-Pertuan Agong telah mengishtiharkan dalam Ordinan No. 14 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1969 untuk memindakan Akta Mahkamah Ke'adilan tahun 1964, Ordinan Mahkamah, 1948 dan Kanun² Achara Jenayah bagi Negeri² Melayu Bersekutu dan Negeri² Selat. Ordinan Dharurat itu di-sifatkan mustahak untuk memperbaiki lagi pentadbiran ke'adilan dalam negeri ini. Oleh itu Rang Undang² yang saya kemukakan sekarang ini bertujuan untuk memasokkan sa-mula peruntukan Ordinan No. 14 (Kuasa² Perlu) Dharurat itu dalam suatu Undang² yang kekal.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun sebab² mengapa Undang² yang saya sebutkan tadi di-pindakan telah pun di-jelaskan di-dalam huraian yang terkandung dalam Rang Undang² itu sendiri. Saya ingin hendak menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat kepada Pindaan yang berikut:

Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964—

(i) Di-bawah seksyen 9 (2) Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964 Hakim Mahkamah Tinggi yang kanan sa-lepas Hakim Besar hendak-lah menjalankan kuasa² dan kewajipan² Hakim Besar apakala Hakim Besar itu tidak berupaya menjalankan kuasa² dan kewajipan²-nya oleh kerana sakit atau tidak ada dalam Malaysia atau pun oleh sebab² yang lain. Sa-saorang Hakim Mahkamah Persekutuan, walau pun terlebih kanan daripada sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi itu, tidak pula di-beri kuasa yang sama di-dalam keadaan yang sa-rupa. Untuk membolehkan mana² Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi, yang kanan sa-lepas Hakim Besar, menjalankan tugas² Hakim Besar apabila Hakim Besar tidak berupaya menjalankan tugas²-nya buat sementara, Pindaan kepada seksyen 9 (2) Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964 sekarang ini di-chadangkan. Hakim² Mahkamah Persekutuan telah menyatakan persetujuan mereka untuk menolong Hakim Besar apakala di-perlukan.

(ii) Dalam seksyen 108 Ordinan Mahkamah, 1948 ada peruntukan untuk menubuhkan suatu Majlis Hakim

yang akan bersidang apakala di-arahkan oleh Hakim Besar bagi membincangkan perkara² berhubung dengan pentadbiran ke'adilan. Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964 tidak membuat apa² peruntukan mengenai suatu Majlis Hakim untuk bersidang supaya menggantikan peruntukan Sekshen 108 Ordinan Mahkamah yang telah di-mansuhkan itu. Dengan tujuan hendak memperbaiki lagi pentadbiran ke'adilan dalam negeri ini, maka Ordinan Dharurat telah dimasukkan peruntukan yang demikian ka-dalam Undang² Mahkamah Ke'adilan tahun 1964 ini.

Ordinan Mahkamah 1948—

- (i) Di-bawah Ordinan Mahkamah, 1948, bidangkuasa Mahkamah Seshen dalam perkara² jenayah telah terhad kepada membicarakan kesalahan² yang boleh di-hukum dengan penjara sa-lama 7 tahun sa-tinggi²-nya. Tetapi berkenaan dengan kuasa Mahkamah Seshen menjatuhkan hukum, Ordinan itu membolehkan Mahkamah Seshen menjatuhkan hukum penjara hanya tidak lebeh daripada 3 tahun dan denda tidak lebeh daripada \$4,000.

Dalam bidangkuasa sivil pula, Ordinan itu membolehkan Mahkamah Seshen membincangkan tuduhan² dan guaman² yang terhad mengikut jumlah wang yang di-pertikaikan atau nilai hal perkara yang di-bicarakan, ia-itu tidak lebeh daripada \$2,000. Bidangkuasa Mahkamah Seshen dalam perkara² pertikaian mengenai harta tak aleh, tahan harta, guaman melepaskan-tanggungan ada-lah juga terhad.

Telah di-dapati bahawa banyak daripada kes yang maseh belum selesai di-Mahkamah Tinggi ada-lah di-sebabkan oleh Mahkamah Seshen tidak mempunyai bidangkuasa untuk menyelesaikan kes² itu. Juga denda yang boleh di-kenakan di-Mahkamah² Rendah tidak sepadan dengan nilai matawang sekarang ini.

Oleh yang demikian Ordinan No. 14 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 telah membuat pindaan kepada Ordinan Mahkamah, 1948 bagi menambah bidangkuasa Mahkamah² Rendah, ia-itu Mahkamah² Seshen dan Mahkamah² Majisteret, dalam kes² jenayah dan

sivil. Apakala Ordinan ini menjadi Undang², bidangkuasa Mahkamah² Rendah telah ditambah dan Mahkamah Seshen akan boleh:

- (i) membicarakan kesalahan² yang boleh di-kenakan hukum penjara tidak lebeh daripada sa-puluh tahun;
- (ii) menjatuhkan hukum penjara sa-hingga 7 tahun dan denda sa-hingga \$10,000;
- (iii) mempunyai bidangkuasa sivil yang ditambah dari nilai \$2,000 kepada \$5,000;
- (iv) membicarakan kes² menuntut harta tak-aleh sa-hingga nilai \$6,000 atau kes² dalam mana sewa yang di-kena bayar itu sampai \$6,000 sa-tahun atau \$500 sa-bulan;
- (v) membicarakan perkara² berhubung dengan tahan harta sa-hingga nilai \$6,000; dan
- (vi) memberi kelepasan dalam guaman² melepaskan tanggungan jika nilai-nya tidak lebeh daripada \$5,000.

Ordinan Dharurat itu juga mengadakan peruntukan memberi tambahan² yang sepadan dalam bidangkuasa² Mahkamah² Majisteret dalam perkara² jenayah dan sivil.

Suatu peruntukan baharu telah di-masokkan dalam Ordinan Dharurat itu yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong memberi bidangkuasa khas, melaluï pemberitahu dalam *Warta Kerajaan* kepada mana² Yang di-Pertua Mahkamah Seshen untuk membicarakan kesalahan² yang boleh di-kenakan hukum penjara tidak lebeh daripada 14 tahun sa-tinggi²-nya dan dalam tuduhan dan guaman² sivil, jika nilai yang di-pertikaikan atau nilai hal perkara tuduhan atau guaman itu tidak lebeh daripada \$10,000. Peruntukan yang sama telah sedia terkandung dalam Ordinan² Mahkamah Sarawak dan Sabah. Bagi menguatkuasakan peruntukan² yang saya sebutkan itu, bidangkuasa yang di-tambah itu akan di-beri kepada Yang di-Pertua² Mahkamah Seshen yang di-fikirkan cukup layak dalam perkara perbincaraan kes². Peruntukan baharu ini akan juga mengurangkan kes² jenayah yang akan di-bicarakan di-Mahkamah Tinggi dan dengan ini dapat memberi masa yang lebeh banyak lagi kepada Mahkamah Tinggi untuk membicarakan kes² yang lebeh besar terutama sa-kali dalam sivil.

Kanun² Achara Jenayah bagi Negeri² Melayu Bersekutu dan Negeri² Selat. Tuan Yang di-Pertua, untuk mencheipatkan perbicharaan di-Mahkamah², Penchatet Mahkamah atau pun Jurutrengkas² Mahkamah hendak-lah di-gunakan untuk merekodkan keterangan² dari saksi² sa-patah demi sa-patah. Menurut pindaan yang di-shorkan dalam Undang² ini keterangan yang di-ambil sa-patah demi sa-patah oleh Jurutrengkas² Mahkamah ada-lah tambahan kapada dan bukan menggantikan chatetan² keterangan yang di-ambil oleh Hakim atau Majesteret sendiri.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan sa-kali lagi bahawa Ordinan Dharurat No. 14, 1969 itu di-luluskan dengan tujuan memperbaiki lagi pentadbiran keadilan dalam negeri kita ini, dan Rang Undang² yang di-kemukakan kapada Dewan ini bertujuan untuk memasokkan sa-mula peruntukan Ordinan No. 14 itu dalam suatu Undang² yang kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mengemukakan Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Akta Mahkamah Keadilan, 1964 ini. Tuan Yang di-Pertua, keadilan ada-lah alat atau unsor penting bagi sa-sabua negara yang merdeka. Maka oleh kerana itu perjalanan keadilan di-dalam sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat itu hendak-lah berjalan dengan lichin, terator dan kemas, dan bagi pehak saya ada-lah menguchapkan ribuan terima kaseh kapada usaha² dan daya usaha yang telah di-mainkan oleh Kerajaan bagi melichinkan perjalanan keadilan di-dalam negara kita ini. Dan begitu juga kalau kita bacha dalam akhbar² bukan sahaja bagi diri saya bahkan Kerajaan² luar negeri telah banyak memberi kepujian-nya di-atas perjalanan kehakiman dalam negeri kita. Tetapi walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada (Pindaan) Akta ini, maka banyak-lah kes² yang terpaksa terpendam begitu lamanya dalam Mahkamah Tinggi oleh kerana kuasa²-nya tidak dapat di-ambil oleh kuasa² Mahkamah Tinggi oleh kerana kuasa²-nya tidak dapat di-ambil oleh kuasa² Mahkamah Tengah. Jadi dengan ada-nya kuasa di-dalam

Rang Undang² ini, maka akan dapat lichin-lah perjalanan kerja² yang maseh berlonggok² di-Mahkamah Tinggi itu dapat di-pindahkan kapada Mahkamah Tengah, tetapi apa yang menjadi soalan dan kerumitan kelak apa yang saya fahamkan manakala segala kes² di-pindahkan ka-Mahkamah Tengah, maka di-sini tersekat pula, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kekurangan Hakim² di-dalam Mahkamah Tengah. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu-lah kapada pehak yang berkenaan supaya dapat kita menimbangkan membanyakkan Hakim² di-dalam Mahkamah Tengah ini supaya Mahkamah Tengah ini pula dapat menjalankan kerja²-nya dengan lebeh lichin lagi.

Bagitu juga di-sini saya suka hendak menarek perhatian berkenaan dengan gaji Hakim². Apa yang saya telah faham bahawa gaji bagi Chief Registrar ada-lah lebeh besar daripada gaji Hakim Mahkamah Tengah. Jadi, oleh kerana itu, saya merayu-lah kapada pehak yang berkenaan supaya dapat menimbangkan supaya taraf Hakim ini patut-nya lebeh atas daripada sa-suatu maka dengan itu dapat-lah Hakim² itu menjalankan tugas-nya dengan bebas.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Saya hendak bertanya Hakim mana? Hakim Mahkamah Tengah-kah atau Mahkamah Tinggi.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail: Mahkamah Tengah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Jadi kemudian pula-nya oleh kerana kekurangan berkenaan dengan Hakim² tadi, barangkali di-sebabkan oleh kerana kekurangan loyar kerana dalam negara kita pada hari ini kita tidak mempunyai Faculty of Law, khas-nya dalam University of Malaya. Jadi, siapa² yang hendak belajar undang², maka terpaksa-lah pergi ka-Singapura atau pun ka-England. Jadi dengan sebab itu ini pun satu juga yang tidak begitu menjadi kelichinan supaya kita membanyakkan ahli undang² ini, maka hendak-lah kita mengadakan satu Faculty of Law dalam universiti dalam negara kita ini supaya dapat banyak kita mengeluarkan ahli² yang cherdek pandai dalam undang² supaya dapat kita membanyakkan lagi Hakim² dan Mejesterit² yang akan menjalankan dan melichinkan hal keadaan pentadbiran di-dalam Mahkamah² dalam negara kita. Jadi, akhir-nya saya memberi sokongan kapada Rang Undang² ini.

Tuan V. Veerappan (Seberang Selatan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I agree with the provisions of the Bill which, to my mind, would enable our people not only to get justice done speedily but also a bit more cheaply, if I may say so, as litigation in the lower courts, if necessary, costs much less than in the higher courts.

However, I would like to take this opportunity to point out one or two omissions which I think the Government has overlooked. I refer to the case of exclusive jurisdiction of the High Court in matters of probate and administration. Even for small litigation on small estates—although there is provision in the Small Estates (Distribution) Ordinance—but that small estate distribution only would come into operation where there is land involved in the estate. But if there is no land involved, if it is merely a matter of money, or if it is merely a matter for litigation right, if a person is killed in an accident, any of his next-of-kin will not be able to commence proceedings without letters of administration. Now for this, the next-of-kin will have to apply to the High Court and this entails a great deal of expenditure and time. I do not know why the Government has not seen it fit to give that jurisdiction also to the Court of the Special President or to the Sessions Court. I understand at one time there used to be District Registries where one could apply for letters of administration and probate in such matters, but that does not apply now.

The other point is this. I agree that there is a necessity to improve the dispensation of justice in the country. But how can the dispensation of justice be improved when the seats from where justice is meted out, is dispensed with are in a horrible state? You would find, Mr Speaker, Sir, that just now when the little rain came we ourselves were distracted by the little din up there. We know of courts—I think the Attorney-General will agree—which were built many, many years ago when the traffic was very much lighter, maybe in the days of horse-carts and bullock-carts, whereas we have fast traffic now—lorries making so much noise—that in some courts you can hardly communicate with the Judge or the President or the Magistrate, or *vice-versa*. This is true, for example, in the Court House at Bukit Mertajam,—and there must be several others too. It is also true, for example, when you want to go into the Judges Chambers in

Penang, when it rains you have got to, so to say, wriggle your way through the rain drops. Well, this may not be surprising.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: On a point of order. Apa-kena mengena dengan (Pindaan) Undang², Tuan Speaker? Ini (Pindaan) Undang². Kalau saya tidak salah, apa yang di-chakap-nya berkenaan dengan bising Mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua: I will put it to him. (*Kapada Tuan V. Veerapan*) What has this got to do with this Bill—the rain drops, the wriggling, and all that?

Tuan V. Veerappan: Mr Speaker, Sir, the Bill itself says that there is the necessity to improve further the administration of justice in this country and those were also the opening words of the Honourable Deputy Minister. He started off like that. So may I carry on a little bit further? I will not take so much time.

Tuan Yang di-Pertua: Carry on!

Tuan V. Veerappan: Sir, as I said, the building in Penang leaks so badly and I was just going to say that that is not surprising because our own Parliament House is leaking so badly, and we have to put in pails to collect water. Well, this, perhaps, shows the efficiency of the P.W.D., but not the courts. But I am sure the Attorney-General will take steps to improve not only the position of the courts, but I hope the Minister of Finance will be able to readily help to give the money so that our courts will be at least decent places where people can sit properly. You have benches which are not fit to be in the courts. Perhaps it is a tradition, like the Inns where they have the tradition that you must sit in the benches in which William Pitt or Charles I or whoever sat and drank. But is it the tradition we want to follow in these benches which we see in the courts? I hope improvement can be made there.

The other point is this. I agree with Member who spoke just now about the salaries of Judges. The Lord President, Mr Speaker, Sir, is only paid the sum of \$3,000 and our Judges \$2,200, if I am correct. I think this is hardly adequate and I hope that the Government will take steps to increase the salaries of the Lord President and the

Judges. I do not know whether they want to treat it as a parity between Ministers and so forth, but I think the people who dispense justice should be properly and adequately paid. That is all, Mr Speaker, Sir. Thank you.

Tuan Abu Bakar bin Omar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengalu²kan Rang Undang² ini dan saya fikir dengan ada-nya Rang Undang² ini akan berjalan-lah keadilan dalam negeri kita ini dengan sa-baik²-nya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarek perhatian saya di-dalam Rang Undang² ini bahagian (c) dalam tahun 1968 Yang Berhormat Menteri Keadilan sa-lepas melawat mahkamah² dan mendengar buah fikiran Hakim² dan Majistret² di-Malaysia Barat, mendapati bahawa untuk mencheptakan, perbicharaan di-mahkamah, penchatit di-mahkamah atau jurutrengkas² di-mahkamah² hendak-lah digunakan untuk merekodkan keterangan saksi². Jadi sa-balek-nya keterangan yang di-ambil sa-patah demi sa-patah oleh jurutrengkas² mahkamah ada-lah tambahan kepada dan bukan menggantikan chatitan² keterangan yang di-ambil oleh Hakim atau Majistret sendiri.

Jadi kalau ini-lah kedudukan-nya, Tuan Yang di-Pertua, maka saya agak perjalanan mahkamah tidak boleh sa-chepat sa-bagaimana yang di-kehendaki. Berarti yang Hakim atau pun Majistret terpaksa juga dia menchatit apa yang di-beri keterangan oleh saksi². Jadi apa yang di-chatitikan oleh jurutrengkas bukan mengganti bahkan menjadi tambahan. Jadi berarti-nya motif kita meluluskan Undang² ini, untuk mencheptakan, maka saya mengeshorkan supaya Kerajaan kajikan semula supaya chatitan jurutrengkas itu akan di-jadikan mengganti bukan tambahan kepada yang di-chatitikan oleh Majistret dan Hakim². Sekian.

Tuan Hashim bin Gera (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang berchakap dalam Majlis ini berkenaan dengan pindaan Undang² Mahkamah. Saya merayu pehak yang bertanggung-jawab membanyakkan lagi juru² bahasa di-dalam mahkamah di-negeri ini yang pandai dan faseh bertutor bahasa Melayu, sebab saya telah melihat sendiri di-kawasan saya Parit dan di-Batu Gajah. Apakala sa-saorang di-da'awa di-dalam Mahkamah (orang Melayu), yang menjadi jurubahasa-nya orang Punjabi, pen-

da'awa-nya orang India, Majistret-nya orang China. Kemudian apakala jurubahasa itu menterjemahkan da'awaan kepada orang yang di-da'awa (orang Melayu), orang Melayu itu tidak faham apa yang di-tuduhkan kepada diri-nya, sebab yang di-soal-nya itu orang Perak, orang Parit. Bila di-tanya-nya dengan chara chakap sekolah oleh Benggali itu, orang Punjabi itu chakap sekolah, orang itu tidak faham. "Ada-kah awak menengok si-polan itu bagini?". "Saya ta' mandang" kata-nya, Benggali itu ta' tahu: ta' mandang". Jadi apakala di-soal banyak kali dia diam.

Tuan Yang di-Pertua: Apa pula ta' mandang itu, macham mana pula ta' mandang.

Tuan Hashim bin Gera: Orang Perak kata ta' mandang itu, ta' menengok. Jadi jikalau orang China yang di-da'awa itu Hokkien, boleh mahkamah menchari jurubahasa orang China yang faseh berbahasa Hokkien dan kalau orang yang di-da'awa itu Benggali orang Punjabi, boleh di-chari orang Benggali, orang Benggali yang faseh bahasa Benggali, mengapa orang Melayu yang hendak di-bicharakan itu tidak di-chari penterjemah orang Melayu yang faseh bahasa Melayu. Jadi ini-lah saya merayu kepada pehak yang bertanggungjawab supaya di-banyakkan lagi jurubahasa orang Melayu yang pandai loghat Melayu supaya dia dapat menjawab apa soalan mahkamah, tidak lagi di-hukum dari teraniaya kerana ta' faham. Sa-orang itek, sa-orang ayam. Itu-lah dia. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sa-kali pandangan Ahli Yang Berhormat dari Parit sunggoh pun ta' kena-mengena dengan pindaan Undang² ini, tetapi saya jawab juga-lah. Tiap² jurubahasa yang ada di-mahkamah itu walau pun dia bukan Melayu, yang di-benarkan menjadi jurubahasa dalam mahkamah bagi menterjemahkan dari bahasa Inggeris/ka-bahasa Melayu, atau dari bahasa Melayu ka-bahasa Inggeris, ada-lah yang chukup faseh dan lulus dalam bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan, tinggal lagi teloh kedaerahan chakap itu memang susah. Takkan kita hendak ambil orang Parit sa-bagai jurubahasa. Demikian juga di-mana saya dengan kes di-Kelantan, bila di-panggil dia kata "kakak" dia, "kakak" dia. Oleh itu sa-lama² itu Majistret tulis-lah, "sister", "sister" bila di-panggil mana

kakak, di-jemput; nampak bermisai, berjanggut (*Ketawa*). Rupa-nya abang. Ah! ini susah, memang susah. Macham saya bicharakan di-Kedah, dahulu bila di-tanya berkenaan dengan "rape case" kata yang kena itu, "tak ada buat apa, chuma dudok atas perut. Jadi itu dudok atas perut apa ma'ana. Ini chakap orang Kedah lain ma'ana-nya. Dudok atas perut itu ma'ana-nya ia-lah ber-setuboh. Begitu juga, jadi takkan-lah ada suatu perkara "dudok atas perut". Ma'af saya, Tuan Yang di-Pertua. Mustahil boleh kita adakan satu orang jurubahasa yang faham betul loghat² satu kawasan. Tetapi walau bagaimana pun kalau ada kesulitan macham itu dan di-bawakan ka-Hakim Mahkamah Tinggi atau Hakim Besar akan di-perbaiki perkara itu.

Saya suka terangkan di-sini, ia-itu sungguh pun saya sa-bagai Peguam Negara, tetapi saya bukan Menteri Kehakiman, mahkamah sekarang ada-lah di-bawah Jabatan Perdana Menteri yang di-terangkan di-sini.

Berkenaan dengan chatitan sa-bagaimana yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, kalau ta' salah saya, berkenaan dengan (c) dia menchadangkan supaya chatitan stenographer atau pun jurutrengkas itu jangan di-gunakan bagi tambahan, di-gunakan sa-bagai terus chakapan atau pun keterangan yang berlaku di-mahkamah. Ini, Tuan Yang di-Pertua, berma'ana dalam perbicharaan yang akan datang, sama ada Majistret atau Hakim Mahkamah Seshen suroh dudok pelok tuboh sahaja-lah, menunggukan jurutrengkas mengambil chatetan di-bawah. Di-sini bagaimana undang² yang biasa ia-itu dalam perbicharaan memang-lah sa-orang Hakim, Majistret atau Mahkamah Seshen mengambil sa-berapa yang boleh dengan pantas-nya notes, bukan-lah tiap² patah. Tetapi kadang² takut ada ketinggalan perkara² lain dan timbul perbalahan antara peguambela dan juga Majistret atau Hakim. Oleh itu, di-adakan undang² ini untuk membaiki lagi perjalanan mahkamah itu supaya di-gunakan bersama boleh sa-bagai tambahan kepada notes yang ada, yang terang dalam hal ini.

Yang kedua-nya kalau di-biar begitu pula, ada bahaya yang lain, ia-itu kalau mithal-nya betul-lah tiap² huruf yang diambil daripada jurubahasa itu, jikalau Majistret atau Hakim tidak mengambil sa-patah juga pun atas chatetan itu, boleh jadi ada yang ta' di-ambil, boleh jadi berat

sa-belah, ini timbul satu perkara yang besar. Oleh itu sekarang di-adakan Undang² untok menggunakan juga sa-bagai tambahan supaya dua² ada di-situ sa-kira-nya ada apa² hal. Ta' boleh di-terima chadangan-nya itu.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan mengenai perkara yang kedua tadi, ia-itu fasal mahkamah, Tuan Yang di-Pertua, telah memberi tahu yang pindaan ini tidak kena-mengena langsung dengan pindaan undang². Saya tidak nampak bagaimana pindaan undang² itu berkenaan dengan bising atau tidak ada air-condition dan lain². Saya sengaja tidak menjawab perkara itu kerana tidak ada kena-mengena.

Berkenaan dengan Estate Administration yang di-sebutkan tadi, undang²-nya di-bawah Small Estate Distribution, kalau ada chadangan itu hendak-lah di-pinda kepada undang² ini. Bukan masa-nya chadangan itu di-bawa masa ini. Pada masa yang akan datang, saya fikir chadangan itu membena dan baik, akan di-timbangkan chadangan itu.

Perkara yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan, Hakim Mahkamah Seshen (Senior President Sessions Court) masa ini gaji-nya ada-lah basic sahaja ia-itu Tingkatan tertinggi "F" \$1,490 sama tinggi-nya dengan Penasehat Undang² Negeri. Dan ada pula masa ini senior atau lebih kanan lagi daripada President Sessions Court yang gaji-nya masa belum Suffian ia-lah Tingkatan tertinggi "D" \$1,670 ia-itu tinggi-nya kadang² sama dengan Setiausaha Kerajaan, tinggi daripada Penasehat Undang². Kadang² sama dengan Ketua Setiausaha Kementerian, dia menchadangkan supaya di-beri besar lagi gaji, tinggi lagi pangkat, mengatakan berbanding dengan Chief Registrar. Chief Registrar ini kedudukan-nya ada-lah bawah sedikit daripada Hakim Mahkamah Tinggi yang mengkontrol atau menjaga segala administration berkenaan dengan Mahkamah Tengah dan Mahkamah Majistret. President Sessions Court semua-nya yang ada dekat 14—15 orang di-Tanah Melayu ini di-bawah jagaan, kelolaan dan kontrol oleh Ketua Pendaftar. Ada-kah pula sekarang hendak di-chadangkan gaji yang Hakim Majistret Seshen itu atau pangkat lebih tinggi daripada Ketua Pendaftar. Ini tidak menasabah dan tidak di-terima akal, kerana itu chuma satu sahaja jawatan Ketua Pendaftar yang selalu bakal-nya daripada Ketua Pendaftar itu kebanyakan-

nya menjadi Hakim terus, Hakim Mahkamah Tinggi, ia-itu pangkat Ketua Pendaftar jauh lebih tinggi, lagi berat tanggungan daripada Hakim Mahkamah Seshen. Dia kata banyak lagi President Sessions Court. Kita hendak menambahkan jawatan² Kadhi. Kerja jawatan² atau pegawai² dalam satu negeri itu mesti memandang atas keadaan kerja. Kalau dengan sebab sedikit lechek tambah pegawai, sedikit lechek tambah lagi Hakim Mahkamah Seshen. Tetapi jangan salahkan besok kalau Kementerian Kewangan di-tambahkan chukai lagi. Kita memikirkan sa-suatu tambahan itu betul², menasabah supaya tiap² sa-orang pegawai itu penoh dengan tanggong-jawab dan kerja²-nya. Memang ada kita review, kita jaga sa-hari ka-sa-hari kita tengok pada masa yang akan datang sa-kira-nya menasabah baharu di-tambah, bukan kalau lambat sedikit, kurang sedikit—tambah pegawai hendak menyelesaikan perkara itu. Kadang² bukan fasal kurang pegawai, kurang chergas-nya di-dalam satu² pentadbiran itu.

Berkenaan dengan hendak adakan Fakulti Undang² di-sini, perkara ini pun tidak kena-mena dengan undang², tidak kena-mena langsung dengan Rang Undang² yang kita bahathkan. Tetapi bagi maalam Dewan ini, saya menyatakan ia-itu kita sekarang ada menghantar lebih kurang 10—20 orang ka-Singapura dan lebih kurang termasuk private students, semua-nya lebih kurang 100 lebih tiap² tahun belajar di-England. Hendak mengadakan fakulti itu memang senang bunyi-nya, tetapi kita memandangkan kepada “priority” tiap² satu fakulti yang di-adakan. Mana lebih berguna, dental fakulti-kah, sains-kah dan lain²-kah atau undang²? Betul-kah negeri ini kurang lawyer atau kurang sangat pegawai perundangan-nya yang kurang kalau ada tujuh lapan kosong yang ada jawatan yang kosong yang ada di-dalam Jabatan saya bukan fasal kurang orang yang kelulusan; orang yang sudah tinggi dalam kelulusan itu minta berhenti atau keluar kerana hendak menchari lebih sedikit gaji atau lebih besar pendapatan di-luar, bukan fasal kalau kita ada pun Fakulti Undang² kita boleh menampung kekurangan pegawai perundangan untuk memenohi jawatan² yang kosong itu. Itu bukan solution. Perkara ini memang di-timbangkan oleh Kerajaan hendak adakan Fakulti Undang². Ada-kah kita sedia dengan guru², professor² yang ada dalam negeri ini kalau hendak buka Fakulti Undang²? Berapa million-kah belanja-nya, hendak pandangan

segala²-nya. Chadangan saya itu, tetapi saya tidak perchaya dalam sa-tahun dua lagi ini kita boleh adakan. Boleh jadi juga dalam dua atau tiga tahun kita akan timbangkan perkara ini. Bagaimana saya katakan tadi Jawatan-kuasa Pelajaran Tinggi yang akan menimbangkan mengikut “priority” dan demi kepentingan negara tiap² satu fakulti yang akan hendak di-adakan, bukan sebarang chadangan sahaja boleh di-bawa kita turut sahaja. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Peguam Negara telah banyak menjawabkan daripada pertanyaan² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Saya hanya hendak menambahkan satu perkara, ia-itu berkenaan dengan permintaan hendak menambahkan banyak lagi bilangan Hakim² Mahkamah Tengah. Saya rasa apa yang di-bangkitkan ia-lah mengenai President of Sessions Court. Saya rasa setakat ini kita tidak-lah menghendaki banyak lagi President of Sessions Court; kerana kita baharu telah menambahkan 20 Majistret pada penghujung tahun lepas dan 7 lagi akan kita kajikan dalam tahun ini. Dalam 42 Majistret yang kita sudah ada sekarang ini, 7 sudah di-beri kuasa untuk menjalankan kuasa President Sessions Court, ia-itu mereka yang 7 orang ini akan dapat menolong Yang di-Pertua Seshen Court yang ada sekarang ini. Dengan ada-nya bahagian Kerajaan seperti yang telah di-tetapkan dengan pindaan undang² ini, saya rasa kita tidak akan berkehendak dalam beberapa lama masa yang akan datang atas perlantikan President Sessions Court lagi. Terima kaseh.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PERUNTOKAN DI-RAJA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Akta bagi meminda Ordinan Peruntukan di-Raja, 1957 di-bacha bagi kali yang kedua.

Mengikut Fasal 35 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan—Malaysia, Parlimen hendak-lah dengan Undang² memperuntukkan suatu Peruntukan di-Raja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar anuiti kepada Raja Permaisuri Agong, dan Peruntukan di-Raja itu hendak-lah di-pertanggungkan kepada Kumpulan Wang di-Persatuan dan tidak boleh di-kurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatan-nya.

Mengikut Fasal ini maka suatu Ordinan Peruntukan di-Raja telah pun di-luluskan dalam tahun 1957. Semenjak itu suatu Akta (Pindaan) Peruntukan di-Raja No. 3 Tahun 1964 telah di-luluskan oleh Parlimen bagi meminda Jadual Pertama di-dalam Ordinan itu dan angka² yang di-tunjokkan di-dalam Jadual Pertama itu ada-lah seperti berikut:

Kelas I

(a) Peruntukan di-Raja ... \$264,000

Kelas II

(b) Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana ... 240,000

Kelas III

(c) Perbelanjaan Istana ... 168,000

Kelas IV

(d) Kurniaan di-Raja dan Perbelanjaan Khas ... 6,000

Berkenaan dengan perbelanjaan² yang tersebut itu, saya nyatakan kedudukan-nya seperti berikut:

Kelas I—Peruntukan di-Raja

Tiada apa² tambahan di-kehendaki.

Kelas II—Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana

Perbelanjaan dalam Kelas II ini ia-lah untuk Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana Negara. Peruntukan tahunan sa-banyak \$240,000 semenjak tahun 1964 itu telah di-dapati tidak menchukopi untuk menemui perbelanjaan yang sa-benar-nya, oleh kerana bertambah-nya jawatan² di-Istana Negara dan membayar kenaikan gaji tahunan kepada kakitangan. Pegawai² Bahagian Ke-IV telah di-naikkan gaji mulaï daripada 1hb Mei, 1969 dan oleh itu berkehendakkan tambahan Peruntukan. Bagitu juga pegawai² di-dalam Bahagian I, II dan III telah di-naikkan gaji mereka mengikut Laporan Suffian mulaï daripada 1hb Januari, 1970 dan ini juga memerlukan tambahan peruntukan.

Kelas III—Perbelanjaan Istana

Perbelanjaan di-bawah Kelas ini ia-lah untuk menemui perbelanjaan berulang tiap² tahun. Tambahan perbelanjaan ada-lah diperlukan dengan bertambah-nya bangunan² baharu di-Istana Negara seperti Dewan Jamuan Baharu, Rumah² Pekerja, Dewan Badminton dan Surau. Kenaikan gaji kakitangan Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar juga di-bayar daripada Kelas ini. Peruntukan Kerai'an di-bawah Kelas ini termasuk Kerai'an berkenaan Majlis Mesuarat Raja² Istiadat Mengadap, Pengurniaan Darjah² Kebesaran dan Bintang², Istiadat² Perlantikan Menteri²/Timbalan Menteri² dan Istiadat Menyembahkan Surat² Tauliah oleh Duta² dari luar negeri.

Kelas IV—Kurniaan di-Raja dan Perkhidmatan Khas

Perbelanjaan di-bawah Kelas ini ia-lah untuk Kurniaan di-Raja dan Perkhidmatan² Khas. Peruntukan yang telah di-adakan semenjak tahun 1957 itu telah di-dapati tidak menchukopi oleh kerana bertambah-nya achara² Kurniaan di-Raja dan Perkhidmatan² Khas.

Atas sebab² yang di-nyatakan di-atas ini, maka telah di-dapati mustahak di-tambahkan perbelanjaan di-atas ini seperti berikut:

		Angka Asal	Tambah	Angka Baharu
<i>Kelas II</i>				
Gaji Kakitangan dan Pegawai Istana ..		\$240,000	\$40,500	\$280,500
<i>Kelas III</i>				
Perbelanjaan Istana ..		168,000	20,600	188,600
<i>Kelas IV</i>				
Kurniaan di-Raja dan Perkhidmatan Khas ..		6,000	2,000	8,000

Pindaan² seperti yang tersebut di-atas telah pun di-kuatkuasakan di-bawah Kuasa² Dharurat untuk membolehkan di-bayar perbelanjaan Peruntukan di-Raja yang bertambah itu. Rang Undang² ini ada-lah bertujuan untuk memasukkan sa-mula peruntukan yang di-pinda itu di-dalam satu Undang² yang kekal.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini persetujuan Parlimen ada-lah di-pohonkan untuk meminda Jadual Pertama kepada Ordinan Peruntukan di-Raja Tahun 1957, seperti yang telah di-pinda oleh Undang² (Pindaan) Peruntukan di-Raja Bil. 3 Tahun 1964 dan Rang Undang² ini yang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Peruntukan di-Raja, 1957.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

URUSAN MESHUARAT

(Usul)

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, Sir, I beg to move:

That pursuant to Standing Order 14 (2), immediately after the completion of consideration on the Lembaga Urusan dan Tabong Haji (Amendment) Bill in item 6 in the Order Paper for today, the House shall proceed to consider the Common Gaming Houses (Amendment) Bill in item 33 in the Order Paper for today.

Briefly, Sir, the idea here is to shift item 33 to item 7, so that we can take it earlier.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That pursuant to Standing Order 14 (2), immediately after the completion of consideration on the Lembaga Urusan dan Tabong Haji (Amendment) Bill in item 6 in the Order Paper for today, the House shall proceed to consider the Common Gaming Houses (Amendment) Bill in item 33 in the Order Paper for today.

RANG UNDANG² (PINDAAN) LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani ia-itu Akta bagi meminda Akta Lembaga Urusan dan Tabong Haji, 1969 di-bachakan bagi kali kedua sekarang dan di-buka untuk di-bahath. Tujuan pindaan ini ia-lah untuk memindahkan Lembaga Urusan dan Tabong Haji daripada kawalan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian yang akan di-beri tugas mengawalkan Lembaga Haji itu. Pindaan ini berpuncha dengan pembentukan Kerajaan baharu pada 23 haribulan September, 1970 di-mana perkara kawalan urusan haji telah di-pindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Rang Undang² ini di-bacha kali kedua dan di-luluskan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pandangan sedikit berhubung dengan Akta Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini pada dasar-nya.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun pindaan Akta Lembaga Urusan dan Tabong Haji ini perkara yang sedikit tetapi saya ingin menyatakan berhubung dengan-nya di-perengkat perlaksanaan² yang melibatkan penyimpan² Tabong Haji atau pun orang² yang pergi Haji melalui Tabong Haji ini.

Kedudukan Tabong Haji sekarang ini sa-benar-nya orang ramai tidak dapat memberi perbezaan yang banyak kepada pemegang atau pun penyimpan² wang di-Tabong Haji berbanding dengan orang² lain apakala sa-saorang itu hendak pergi menunaikan fardhu Haji ka-Mekah. Kedapatan sekarang bahawa kadar-nya lebeh kurang sahaja di-mana orang yang menyimpan wang di-Tabong Haji dengan orang yang tidak menyimpan wang di-Tabong Haji yang mana terpaksa melalui sheikh melalui kesulitan² yang sama. Jadi saya mengharapkan agar pihak Lembaga Urusan Tabong Haji ini lebeh menyeliaan kerja² yang sesuai dapat penarekan, dapat menarek hati daripada orang ramai untuk memasoki Tabong Haji.

Tuan Yang di-Pertua, sa-patut-nya kerja² biar-lah di-mudahkan dan chara² pengeluaran wang lebeh senang sedikit dan lebeh istimewa daripada keadaan yang ada.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sa-patut-nya di-negeri kita ini kita menghendaki orang² yang hendak pergi ka-Haji ini memasoki Tabong Haji sa-kurang² nya selama tiga bulan, kerana kita mahu supaya wang orang² yang hendak pergi ka-Haji ini berada dalam Tabong Haji sa-lama itu dengan tujuan untuk membanyakkan sedikit simpanan wang Tabong Haji walau pun di-sa'at yang pendek, kerana Lembaga Tabong Haji ini ada-lah satu Badan yang baik untuk meninggikan ekonomi orang² Islam di-dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu saya suka menarek perhatian di-Dewan yang mulia ini tentang menyeliaan jema'ah² Haji di-Arab Saudi khas-nya orang² yang menjadi penyimpan wang di-Tabong Haji, kerana kedapatan kesulitan² yang banyak di-Mekah sana ketika menjalankan tugas² Haji. Dan saya meng-ucapkan terima kaseh kepada Pengarang Utusan Melayu yang baharu ini sa-chara jujur

dan ikhlas menyuarakan fikiran-nya untuk pandangan masharakat dan khas-nya bagi pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi yang saya anggap bahawa pihak Pengarang Utusan Melayu itu memang sa-chara tegoran yang tulus ikhlas dan dengan hati yang puteh berseh untuk memperbaiki keadaan, kedudukan Jema'ah Haji di-Mekah, sebab memang siapa pun mengetahui bahawa banyak kesulitan² di-sana saperti yang ingin saya menyebutkan, ia-itu di-satu tempat yang di-namakan Mina di-mana Jema'ah Haji amat-lah merasa sakit tinggal di-situ beberapa hari yang mengalami beberapa kesusahan² saperti ayer, tempat rehat, tempat tidor dan sa-bagai-nya. Jadi alang-kah baik melalui dua Kerajaan ini, khas-nya Kerajaan kita berkira dengan Kerajaan Arab Saudi supaya mensaibangkan hal dengan chara yang sempurna dan tambahan pula Setia-usaha Agong

Tuan Yang di-Pertua: Ada-kah Yang Berhormat hendak berchakap panjang² sangat?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ada sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tutup jam 6.30 meshuarat habis.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua, saya harap pandangan saya itu dapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan.

Tuan Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kaseh atas pandangan² yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun. Sa-benar-nya pada masa ini saya sendiri akan menchari chara² kita akan dapat memperbaikkkan perkhidmatan² kita kepada orang² Haji. Satu sebab-nya mengapa kita tidak dapat membezakan di-antara orang² yang masok Tabong Haji dengan orang² yang tidak masok jadi Ahli Tabong Haji ia-lah kerana Kerajaan telah menolong memberi belanja untuk menjalankan urusan Haji kepada Tabong, bukan sahaja kepada Tabong tetapi kepada Urusan Haji. Jadi untuk kebaikan orang ramai kita mesti-lah memberi layanan yang sama rata sahaja. Saya sendiri sedar bahawa banyak ada kesusahan² yang kita tempoh manakala naik Haji terutama sekali bila kita naik Haji di-Mina, kerana di-sana ada-lah tempat yang paling sempit,—sa-buah lembah yang luas-nya kurang dari—

pada satu batu yang di-kelilingi oleh bukit batu yang chukup churam. Tidak-lah ada daya upaya kita dapat meluaskan tempat itu. Sedangkan Kerajaan Saudi Arabia sendiri sedang memikirkan bagaimana hendak memberi tempat² kepada orang² yang naik Haji manakala mereka tinggal di-Mina, kerana luas-nya tempat itu ada-lah terhad sangat. Tetapi jadi soal ini tidak dapat di-tetapkan, kerana ada dua tiga pandangan berkenaan ini tidak dapat setuju. Ada satu pandangan orang ulama' mengatakan tidak patut kita buat bangunan² di-Mina ini, kerana tujuan orang hendak dudok di-Mina itu ia-lah untuk berkhemah seperti dahulu kala. Ada yang mahu kemajuan, dan dengan itu ada-lah tumbuh beberapa bangunan di-Mina, tetapi tidak menchukupi bagi memberi tempat kepada orang² Haji hendak dudok di-sana. Sebab yang kedua-nya kita tidak dapat mengatasi banyak soal² ini, ia-lah kerana mengikut undang² di-Saudi Arabia tidak ada orang luar daripada ra'ayat Saudi Arabia boleh memileki tanah di-Tanah Haram, ia-itu di-Madina atau pun di-Mekah atau pun di-Mina. Jadi soal kita hendak memberi tempat tertentu kepada orang² naik Haji itu ada-lah sukar kerana kita tidak dapat mempunyai tanah. Kita sekarang ini maseh lagi menchari jalan² bagaimana kita dapat menolong dan

mengatasi masaaalah² ini. Itu-lah sahaja yang saya dapat nyatakan, Dato' Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putusan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.